

DR.24.4.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 24 April 2001**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah perlu diwujudkan suatu skim elaun khas untuk membantu kakitangan kerajaan yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berhadapan dengan risiko kos sara hidup yang tinggi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil berat akan kesusahan yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan dan antara langkah-langkah yang telah diambil untuk meringankan beban mereka ialah membina rumah-rumah kos rendah untuk kumpulan berpendapatan rendah, menyediakan kemudahan pinjaman perumahan dan kemudahan pinjaman kenderaan.

Di samping itu, kerajaan baru-baru ini juga telah meluluskan pelarasan gaji sebanyak 10% kepada semua kakitangan kerajaan dan menaikkan kadar imbuhan tetap perumahan serta menaikkan kadar beberapa elaun yang lain.

Cadangan untuk mewujudkan skim elaun khas untuk membantu kakitangan kerajaan yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berhadapan dengan risiko kos sara hidup yang tinggi, memerlukan kajian yang mendalam kerana ianya melibatkan implikasi kewangan yang besar dan memberikan implikasi kepada bandar-bandar yang lain. Terima kasih.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan beliau. Pada pendapat saya susah hendak dinafikan bahawa bukan sahaja kakitangan kerajaan tetapi juga pihak swasta menggunakan sekurang-kurangnya 40% sehingga 50% daripada gaji mereka untuk membiayai kos-kos sewa rumah, ini

tidaklah termasuk kos-kos yang lain iaitu kos-kos penyelenggaraan anak-anak dan sebagainya.

Dan ini mungkin akan mendorongkan terlibat melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak diinginkan untuk menampungkan kos-kos tambahan ini dan fenomena ini Yang Berhormat amat ketara kalau dibandingkan dengan kos hidup di bandar-bandar kecil dan luar bandar dan juga di Semenanjung dan Sabah dan Sarawak.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, patutkah kerajaan membuat satu kajian terperinci mengenai pendapatan kakitangan kerajaan dibandingkan dengan kos sara hidup mereka di bandar dan luar bandar Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk mencari satu formula yang sesuai untuk menentukan fenomena ini dapat diatasi. Kajian ini perlulah dimasukkan golongan tentera dan polis. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' bagi Wangsa Maju. Sebenarnya kerajaan memang sedar bahawa penduduk di Kuala Lumpur sama ada kakitangan kerajaan ataupun pihak swasta terpaksa mengalami banyak masalah dan sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi, kerajaan mengambil kira semua aspek dan semua golongan, misalnya imbuhan yang saya sebutkan sebentar tadi, di samping kenaikan gaji 10% dan imbuhan secara menyeluruh untuk kakitangan kerajaan seperti doktor, jururawat, guru, guru besar, pengetua dan sebagainya, di samping kemudahan pinjaman kereta yang telah dinaikkan juga perumahan yang telah dinaikkan dan saya rasa itu kita tidak hanya menjaga kepentingan masyarakat Kuala Lumpur tetapi kita berikan secara menyeluruh untuk rakyat Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', bahawa di antara bandar-bandar penting di Malaysia mengikut bancian kita pada tahun 1998, Johor Bahru adalah merupakan satu bandar yang paling tinggi kos hidupnya, indeks harga pengguna (IHP) Johor Bahru pada tahun 1998 sahaja ialah 100.9% ertinya Kuala Lumpur masih *manageable*, keadaan di Kuala Lumpur masih dapat dikawal dan *manageable*.

*Household income* Kuala Lumpur pada bancian tahun 1999 RM1,236 manakala Johor hanyalah RM877 sahaja, ertinya jikalau kita ambil kira ini, Johor Bahru lebih layak mendapat bantuan imbuhan khas ini. Dan tadi telah saya katakan, oleh kerana ianya melibatkan implikasi kewangan yang besar, maka untuk tujuan ini kita perlu membuat satu kajian yang menyeluruh, bukan sahaja di Semenanjung malah Sabah dan Sarawak dan kerajaan tidak menutup pintu perundingan ini dan

kita perlu buat kajian yang menyeluruh supaya matlamat kita untuk memastikan kesejahteraan mereka yang hidup di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan di bandar-bandar lain terbelas dan terjamin. Terima kasih.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Memandangkan tekanan inflasi ataupun tekanan ekonomi terhadap pegawai-pegawai kerajaan, terutamanya yang merupakan mereka yang kita harapkan akan menjadi pelaksana pada dasar Rancangan Malaysia Kelapan nanti, apakah kerajaan bercadang untuk mentiadakan service charge ataupun sebarang bentuk faedah yang dikenakan terhadap pinjaman kakitangan kerajaan yang melibatkan kenderaan dan perumahan bagi menampung kos sara hidup mereka seperti mana yang pernah dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu sebelum rompak minyak royalti dilaksanakan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya rasa kita perlu berlaku adil Yang Berhormat, kerana tidak sahaja pegawai kerajaan di Kuala Lumpur yang perlu kita jaga tetapi juga secara menyeluruh. Dan mungkin kerana Yang Berhormat buat begitulah sekarang ini Terengganu defisit [*Ketawa*] perbelanjaannya, kerana kerajaan kita sentiasa menjalankan pentadbiran yang berhemah, adil kepada semua pihak, kita tidak mahu satu kelompok mendapatkan keistimewaan sementara yang lain kita biarkan, kita mahu menyeluruh, merata dan secara holistik undang-undang kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**2. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau [Saratok]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilakah semua janakuasa elektrik grid di Sarawak akan dipasang pada amnya dan di kawasan Saratok khususnya, lebih-lebih lagi kepada sekolah-sekolah rendah di kawasan luar bandar. Ini memandangkan peruntukan pada Belanjawan 2001 adalah RM80 juta jika dibandingkan dengan hanya RM20 juta pada tahun 2000 kepada negeri Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempercepatkan liputan kemudahan bekalan elektrik luar bandar di negeri Sarawak, kerajaan sememangnya memberikan keutamaan kepada negeri tersebut dari segi jumlah peruntukan yang disediakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan jumlah yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Dengan jumlah yang ditambah adalah dijangkakan seluruh negeri Sarawak termasuk kawasan Saratok akan mendapat bekalan elektrik pada tahun 2010. Dari segi senarai projek bekalan elektrik kampung-kampung yang ada sekolah akan terus diberi keutamaan, ini bermakna sebaik sahaja talian elektrik grid siap dipasang pada laluan utama, pihak sekolah melalui Kementerian Pendidikan bolehlah memohon untuk penyambungan bekalan elektrik ke sekolah-sekolah berkenaan.

Untuk makluman, peruntukan bekalan elektrik luar bandar negeri Sarawak bagi tahun 2000 adalah berjumlah RM34.608 juta dan bukannya RM20 juta sebagaimana Yang Berhormat sebutkan dalam soalan. Terima kasih.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi soalan tambahan, terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana peruntukan tahun 2001 saya rasa bukan hanya mengikut biasanya setiap tahun telah diberi untuk janakuasa elektrik luar bandar di negeri Sarawak, tetapi ini mengikut keperluan oleh kerana dalam ucapan saya semasa belanjawan yang lepas, saya mengatakan saya memberi terima kasih kepada menteri kerana telah melawat Sarawak dan apabila beliau balik, beliau ada memberitahu surat khabar akan memberi cadangan kepada kerajaan untuk peruntukan yang lebih.

Jadi, terima kasihlah oleh kerana RM80 juta tahun 2001. Memandangkan kawasan negeri Sarawak yang besar dan lagi rumah-rumah panjang yang dikatakan luar bandar, memang bertaburan di negeri Sarawak, hanya sekarang ada satu sahaja agensi telah diberi peluang oleh kerajaan iaitu Show Field dahulunya memang satu agensi Sarawak Electricity Supply Corporation, dengan izin, tetapi berapa tahun yang lepas ada agensi yang baru iaitu Show Field.

Jadi, saya rasa kalau satu agensi sahaja mengadakan elektrik grid luar bandar, saya rasa mungkin betul jawapan Setiausaha Parlimen tadi, tahun 2010. Tetapi adakah kita mahu menunggu sampai tahun 2010, tentu kita mahu awal lagi. Kalau awal tentu adakah kementerian ataupun kerajaan memikirkan menambahkan agensi yang lain sekira ada, supaya elektrik luar bandar grid ini dapat dipasang awal lagi.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Saratok yang telah memberi cadangan agar agensi itu ditambahkan untuk mempercepatkan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar di

mana Saratok dikatakan akan mendapat bekalan elektrik keseluruhan, bermakna 100% dalam tahun 2010.

Jadi, Yang Berhormat, selain daripada agensi Yang Berhormat, ada juga masalah-masalah lain yang perlu dipertimbangkan seperti keluasan Sarawak itu sendiri. Jadi terima kasih Yang Berhormat atas cadangan agar agensi ini ditambah dan saya akan membawa kepada kementerian mengenai cadangan ini.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan syabas kepada kementerian kerana sangat prihatin kepada penduduk-penduduk luar bandar dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup mereka menerusi pembekalan kemudahan asas seperti janakuasa elektrik, infrastruktur jalan-jalan dan lain-lain lagi. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Saratok tadi pelaksanaan program seperti ini memang ada masalah. Saya ingin bertanya apakah masalah-masalah terutama yang dihadapi oleh kementerian dalam usaha untuk melaksanakan program grid ini di luar bandar negeri Sarawak dan apakah tindakan yang diambil bagi mengatasinya dalam tahun-tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang didapati pelbagai masalah yang dialami semasa hendak mengadakan liputan keseluruhannya ke negeri Sarawak khususnya dari segi jauhnya atau luasnya kawasan-kawasan yang akan diliputi oleh talian grid dan talian ini termasuk juga masalah-masalah tanah, kesesuaian tempatnya di mana talian grid ini diadakan mengikut fasa. Jadi, itulah sebabnya kita juga menggunakan sistem alternatif di mana mengadakan talian grid ini memakan masa. Kita meluluskan juga sistem alternatif seperti membekalkan set-set generator untuk memudahkan bahawa penduduk-penduduk akan juga menerima bekalan elektrik.

Jadi, masalahnya iaitu dari segi hendak membuat bancian yang terperinci mengenai tempat-tempat yang dipohon, adanya tempat ini jauh di pedalaman. Jadi, Yang Berhormat sedia maklum khususnya kita di Sarawak, bahawa kawasan di Sarawak ini bukan sahaja yang mudah diterokai, tetapi adanya jauh di pedalaman. Kadang-kadang rumah panjang dibina di dalam pedalaman yang begitu jauh yang tidak memungkinkan bahawa kajian diatitkan, mungkin satu atau dua agensi tetapi kadang-kadang kita memerlukan juga *back-up*, dengan izin, daripada konsultan-

konsultan untuk memastikan bahawa talian grid ini dapat dibina dalam masa yang tercepat.

Satu juga masalah yang kita tahu bahawa peruntukannya terhad. Kalau peruntukan tidak terhad mungkin kita dapat meliputi dengan seluas-luasnya, tetapi peruntukan adalah terhad, jadi kita ada sekatan-sekatan demikian. Terima kasih.

3. **Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian membeza dan mengasingkan di antara pendapatan negara yang halal dan yang tidak halal bagi umat Islam, demikian juga cara perbelanjaan kedua-dua pendapatan tersebut; dan
- (b) berapa peratuskah jumlah pendapatan negara dari sumber-sumber yang tidak halal bagi umat Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) semua cukai yang dikutip setiap tahun adalah menjadi khazanah atau pendapatan negara yang kemudiannya dimasukkan ke dalam satu akaun yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Yang Disatukan. Langkah kerajaan menggunakan wang tersebut untuk kebajikan masyarakat dan kepentingan umum tanpa mengambil kira kemungkinan sumber itu halal atau haram adalah tidak bercanggah dengan ajaran Islam.
- (b) Dengan itu, jumlah pendapatan negara yang tidak halal bagi umat Islam adalah tidak berbangkit. Pandangan kerajaan ini diperkuatkan lagi dengan fatwa Dr. Yusuf Qardawi yang menyatakan pendapatan dari sumber yang haram boleh digunakan untuk aktiviti yang memberi kebaikan dan faedah kepada masyarakat.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana dengan zakat, adakah kegunaan zakat itu untuk umat Islam sahaja atau juga boleh dipohon untuk non-Muslim. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Yang pertama jawapan saya ialah bahawa zakat datang daripada sumber yang benar-benar halal, tidak campur aduk. Yang kedua

soalan Yang Berhormat adakah non-Muslim boleh membayar ataupun menerima? Menerima atau membayar? *[Ketawa]* Macam ini Yang Berhormat, sebenarnya zakat adalah untuk orang Islam, tetapi jikalau ada permintaan daripada non-Muslim di atas keperluan, di atas perikemanusiaan, tak ada masalah kita boleh bagi.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah fatwa itu adalah fatwa yang diterima pakai di Malaysia dan telah diwartakan sebagai satu fatwa yang meyakinkan umat Islam di negara ini ataupun hanya sebagai satu pendapat, kerana soal pendapat boleh dipolimikkan, yang haram tetap haram, yang halal tetap halal, *[Membaca sepotong hadis]* dan tidak boleh dipermudahkan begitu sahaja walaupun ada soal-soal dalam kitab Fikah yang mengatakan bahawa wang haram ini boleh diguna oleh kerajaan dengan cara-cara yang tertentu, tetapi menggabungkan semua yang halal dengan yang haram itu adalah bercanggah dengan Islam.

Ini merupakan satu kenyataan yang saya rasa tidak boleh meyakinkan umat Islam di negara ini dan perlu kepada ada satu fatwa dan ini merupakan satu perkara yang besar dalam negara ini. Sebab Rasulullah s.a.w. juga menegaskan *[Membaca sepotong hadis]* yang bererti, "*tidak beriman dengan Al-Quran orang yang menghalal apa yang diharamkan oleh Al-Quran.*" Jadi, ini satu soal yang besar, saya minta penjelasan apakah ada satu fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini, ini adalah amalan kerajaan yang telah dipersetujui bersama dan saya rasa ini merupakan satu pandangan rasmi kerajaan. Tadi Yang Berhormat kata yang haram adalah haram, yang halal tetap halal, saya ingin merujuk kepada Kitab Ihya' Ulumuddin karangan Imam Ghazali. Beliau mengatakan bahawa campuran antara sesuatu yang haram dengan halal yang sukar dihitung dan ditentukan seperti harta dan sumber ekonomi di zaman kita ini adalah satu campuran yang tidak haram dan boleh digunakan. Ianya adalah perkara subahat semata-mata iaitu perkara kesamaran di antara yang halal dengan yang haram.

Tetapi kata beliau walaupun demikian, walaupun boleh digunakan, walaupun halal, meninggalkannya ataupun menjauhkan diri daripadanya adalah sifat warak yang terbaik dan terpuji. Ertinya, boleh digunakan, tidak haram, tetapi kalau kita menjauhkan daripada perkara subahat seperti ini adalah suatu yang baik dan terpuji. Itu kata Imam Ghazali.

Malangnya, dalam masyarakat kita sekarang ini sesetengah di antara kita lebih cenderung untuk mengelakkan diri dari perkara-perkara yang haram berbentuk subahat seperti ini tetapi tidak pernah merasa bersalah melakukan perkara-perkara yang cukup jelas dan terang hukumnya. Misalannya memfitnah, mengumpat, mencerca, memaki hamun, itu jelas haram, tetapi dilakukan oleh sesetengah kita hari-hari dengan sengaja, secara terang-terangan berlaku. Saya rasa inilah yang menyebabkan masyarakat Islam berpecah belah kerana adanya orang yang mengungkit-ungkitkan benda-benda yang bersubahat seperti ini tetapi mengetepikan hukum yang jelas haram kita lakukan hari-hari. Inilah puncanya Yang Berhormat, terima kasih.

4. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan setakat ini berapa jumlah sumbangan (contribution) yang telah dikutip oleh CIDB. Bagaimana jumlah sumbangan ini digunakan untuk mempertingkatkan taraf mutu industri pembinaan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2000 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah pun mengutip sebanyak RM384,455,654.63 daripada levi yang dikenakan sebanyak 0.25% ke atas kontrak pembinaan yang bernilai RM500,000 ke atas. Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk meningkat dan membangunkan industri pembinaan negara, CIDB telah dan akan menggunakan hasil kutipan tersebut untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan yang mampu menjanakan ke arah peningkatan dan pembangunan industri negara.

Program-program pembangunan yang sudah dan sedang dan akan dilaksanakan oleh CIDB meliputi Program Pembangunan Kemahiran Tenaga Kerja, Program Penyelidikan dan Pembangunan Industri Pembinaan, Program Pembangunan Business Industri Pembinaan dan Program Pembangunan Teknologi dan Program Pembangunan Kontraktor Binaan.

Dianggarkan kira-kira 40% daripada hasil kutipan tersebut akan diperuntukkan untuk Program Pembangunan Kemahiran Tenaga Kerja Pembinaan, iaitu 20% untuk program penyelidikan dan pembangunan, 12% untuk program Pembangunan Business Binaan, 10% untuk Program Pembangunan Teknologi, 10% untuk Program Pembangunan Kontraktor, manakala 8% untuk pengurusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CIDB telah memperuntukkan sebanyak RM8,960,620 pada tahun 1989. RM11,597,000.20 bagi tahun 2000 untuk pembangunan pelbagai program pembangunan industri pembinaan. Peruntukan tersebut yang telah ditambah sehingga lebih dua kali ganda kepada RM35,999,447 pada tahun 2001 menunjukkan dengan jelas komitmen CIDB untuk mengembalikan hasil kutipan levi kepada industri pembinaan negara melalui program-program pembangunan yang dijangka mampu menjana ke arah peningkatan dan pembangunan industri pembinaan negara.

Jumlah peruntukan ini tidak termasuk peruntukan yang akan digunakan untuk projek-projek pembangunan iaitu enam projek, enam buah Akademi Binaan Malaysia di seluruh negara yang melibatkan anggaran peruntukan sebanyak RM283 juta. Jumlah peruntukan ini merangkumi pembinaan Akademi Pembinaan Malaysia, Selangor berjumlah RM50 juta, Akademi Pembinaan Malaysia Johor berjumlah RM47 juta, Akademi Pembinaan Malaysia Terengganu sebanyak RM45 juta, Akademi Pembinaan Malaysia Kedah berjumlah RM50 juta dan Akademi Pembinaan Malaysia Sarawak berjumlah 45 juta dan Akademi Pembinaan Malaysia Sabah berjumlah RM45 juta.

Dua daripada Akademi Pembinaan Malaysia iaitu Akademi Pembinaan Malaysia Johor dan Akademi Pembinaan Malaysia Sarawak sedang di dalam proses pembinaan dan pengubahsuaian, manakala Akademi Pembinaan Malaysia yang lain dijangka akan dimulakan pembinaannya pada tahun 2002 nanti. Dijangkakan bahawa semua Akademi Pembinaan Malaysia bukan sahaja mampu memberi latihan kepada kemahiran sektor pembinaan secara berterusan, tetapi ianya juga akan menjadi pusat akreditasi dan *centre of excellence*.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang untuk menjawab soalan sendiri. Kelmarin beliau pun ada di sini untuk menjawab soalan. Ini adalah satu amalan yang baik. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada mulanya apabila CIDB ditubuhkan dan ramai pekerja kemahiran telah meminta supaya diperakukan atau diiktirafkan kelayakan mereka dan apabila lepas permohonan mereka diberi dua tahun pengiktirafan dan selepas dua tahun pengiktirafan, maka mereka diminta untuk menduduki peperiksaan semula kerana tempoh dua tahun telah tamat dan

memandangkan ramai pekerja pembinaan adalah buta huruf atau mereka tidak pandai menulis.

Saya minta kementerian Yang Berhormat sama ada akan mengimbas balik dan memberi pengiktirafan atau perakuan kelayakan mereka secara automatik untuk tempoh dua tahun lagi kerana mereka mendapat kesusahan untuk datang menduduki peperiksaan. Sekian, sahaja.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah mendaftarkan personnels pembinaan dengan peperiksaan setakat ini iaitu berjumlah 98,099 orang iaitu orang tempatan 92,325 dan orang asing 5,740. Seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh personnels untuk menduduki peperiksaan, saya boleh menimbang jikalau ada butir-butir berkenaan mereka.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri soalan tambahan. Apabila CIDB diwujudkan ialah untuk meningkatkan mutu industri pembinaan. Pada masa sekarang mutu industri pembinaan Malaysia belum lagi dikatakan boleh mencapai tahap sebagaimana yang dibuat di negara maju.

Soalannya sistem tender. Pembayaran levi kepada CIDB oleh kontraktor. Semasa tender dibuat adakah diambil kira levi yang diberi kepada CIDB, kalau tidak, adakah dikehendaki kontraktor cut corners supaya menu runkan mutu pembinaan. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, levi itu ditentukan selepas tender itu selesai dan harga kontrak selesai. Jadi, selepas itu sahajalah mereka kena bayar levi. CIDB telah menjalankan beberapa tugas mereka untuk memperbaiki keadaan industri pembinaan.

5. **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) berapa kes aduan terhadap pemaju perumahan yang memaksa pembeli rumah kos rendah membayar kos pengubahsuaian telah diterima setakat ini; dan
- (b) apakah tindakan telah diambil terhadap pemaju-pemaju tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang

dibangkitkan ini serentak dengan satu soalan lagi iaitu pada 30 April ini yang juga daripada Yang Berhormat bagi Klang. Ini sebab tajuk dua soalan ini adalah sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengesan sama ada pemaju telah menggunakan paksaan ke atas pembeli-pembeli bagi beberapa kes kerja-kerja pengubahsuaian seperti mana yang dinyatakan di dalam butir tambahan perjanjian jual beli.

Walau bagaimanapun, kementerian ini ada menerima satu kes aduan di negeri Selangor di mana pembeli rumah kos rendah telah membayar kos pengubahsuaian. Siasatan menunjukkan tidak ada sebarang bukti-bukti kukuh bagi membolehkan kementerian mengambil tindakan ke atas pemaju kerana tidak dapat dipastikan sama ada wujud unsur-unsur paksaan ke atas pembeli.

Pemaju tidak boleh mengenakan sebarang syarat tambahan harga-harga rumah terhadap pembeli rumah kos rendah tanpa persetujuan kedua belah pihak. Jika terdapat bukti-bukti yang kukuh menunjukkan adanya unsur paksaan ke atas pembeli, kementerian ini akan mengambil tindakan berasaskan seksyen 13(2) Jadual G – Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989. Sekian.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya rumah pangsa kos rendah dijual dengan harga sebanyak RM42,000. Ini pada pandangan saya adalah suatu jumlah yang amat tinggi tetapi bila pembeli yang miskin dan dipilih oleh kerajaan mendapat rumah kos rendah itu pergi jumpa pemaju, mereka dipaksa membayar kos pengubahsuaian sebanyak RM18,000.

Ini bermakna untuk mendapat sebuah rumah pangsa kos rendah, pembeli kena membayar sebanyak RM60,000. Ini tidak lagi murah untuk orang miskin. Jadi, saya ingin tahu sama ada kerajaan atau kementerian Yang Berhormat menjalankan satu siasatan sebab saya rasa amat sukar untuk mendapat bukti tetapi kalau seperti Ahli Parlimen boleh membekalkan maklumat-maklumat, saya harap kementerian akan dapat menjalankan satu siasatan dan kalau boleh, black-list pemaju itu. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, Yang Berhormat. Itu adalah satu cadangan atau satu teguran yang saya boleh terima kerana dari kementerian ini pun kita hendak cari siapa yang jadi, black-sheep, dengan izin, dalam industri pembinaan.

Kalau kita dapat memastikan siapa pemaju-pemaju tersebut kita memang akan mengambil tindakan seperti yang saya sebut tadi dalam jawapan saya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu berhubung dengan bayaran kos penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah dan juga sederhana. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, sekarang ini pembeli ini teruk, dia dicaj suruh bayar kos penyelenggaraan oleh pihak pemaju dengan harga yang tinggi dan selepas itu tidak apalah, diminta mesti bayar selesaikan sekali. Kalau benda itu kena bayar RM6,000 atau RM12,000 dia kena bayar.

Ini adalah satu majlis dialog. Mereka ini minta supaya pihak kerajaan menetapkan satu dasar dalam masalah bayaran kos penyelenggaraan rumah pangsa ini, dia tidak tetap – tidak ditetapkan bayar, boleh bayar beransurkah, tidak bolehkah, dia kata mesti bayar beransur– sudah jadi gaduh.

Jadi, saya minta kerajaan mengadakan satu dasar tetap, bayaran yang tetap, boleh dibayar secara beransur, tidak sekali gus. Ini menyusahkan semua rumah pangsa dan yang tinggal di situ. Boleh Yang Berhormat jelaskan?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang pembeli-pembeli rumah pangsa ini sedar, mereka kena sign satu surat perjanjian dinamakan Deed of Governance, Yang Berhormat, di mana pembeli-pembeli ini perlu membayar kos penyelenggaraan tetapi yang saya tahu kos penyelenggaraan ini memang tidak boleh dibayar sekali gus seperti satu kali setahun tetapi memang kena dibayar tiap-tiap bulan dan adalah di antara pemaju atau syarikat penyelenggaraan yang dilantik oleh pemaju itu, mereka hendak jimatkan kos untuk mengutip bayaran ini. Oleh sebab itu, maka mereka gunakan cara satu kali bayaran untuk tiga bulan, ini kita dapat kesan.

Dalam jawatankuasa pemantauan yang kita ada di dalam kementerian, kita boleh dapati kalau kos-kos penyelenggaraan itu kecil seperti hanya RM60 sebulan, maka mereka setujuilah membayar tiga bulan sekali tetapi kalau kos itu agak tinggi RM200 sebulan, maka ada setengah-setengahnya tidak setuju dan oleh sebab itu kita cuba menjadi orang tengah untuk kedua pihak ini berunding supaya dia dapat mengadakan satu perjanjian yang munasabah dan boleh diterima oleh pembeli-pembeli tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, apabila kita membekalkan satu rang undang-undang yang baru itu iaitu dengan izin, Common Properties Act yang

kita akan hantarkan kepada Parlimen tidak lama lagi. Apabila ada akta tersebut kita boleh mensyaratkan semua benda yang terkandung dalam Deed of Governance buat masa sekarang akan ada di dalam peraturan-peraturan akta baru. Sekian.

6. **Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada penyukatan/penentuan sempadan (boundary) bagi menentukan sempadan khususnya dengan negara Brunei Darussalam dan Indonesia (Kalimantan) telah siap dijalankan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Bukit Mas, satu sempadan Malaysia/Brunei Darussalam belum ada keputusan muktamad mengenai cadangan menjalankan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat Malaysia/Brunei Darussalam. Buat masa sekarang masih di peringkat rundingan antara Kementerian Luar Negeri kedua-dua buah negara.

Kedua, sempadan Malaysia/Indonesia:

- (a) Malaysia (Sarawak)/Indonesia (Kalimantan Barat) – Kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan bersama Malaysia (Sarawak)/Indonesia (Kalimantan Barat) telah bermula pada September 1975. Anggaran jarak sempadan bersama Malaysia (Sarawak)/Indonesia (Kalimantan Barat) adalah 1,633 kilometer dan setakat ini sepanjang 1,606.8 kilometer iaitu 99% sempadan bersama telah ditanda dan diukur.
- (b) Malaysia (Sabah)/Indonesia (Kalimantan Timur) – Kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan bersama Malaysia (Sabah)/Indonesia (Kalimantan Timur) telah bermula pada September 1975. Jarak sempadan bersama Malaysia (Sabah)/Indonesia (Kalimantan Timur) adalah 371.7 kilometer dan kerja-kerja penandaan dan pengukuran telah siap dijalankan pada April 1994.

7. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan projek-projek kompleks komersial yang terbengkalai seluruh negara

menyebabkan ramai pembeli rugi dan apakah usaha kementerian untuk membantu mangsa mendapatkan pembelaan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan ekonomi beberapa tahun kebelakangan telah mengakibatkan satu keadaan penawaran ruang komersial yang telah melebihi permintaan. Kedudukan ini jelas dilihat di negeri-negeri yang maju iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Perak. Stok ruang pejabat dan ruang kompleks membeli-belah hampir 80% dan 75% daripada keseluruhan stok yang sedia ada.

Daripada jumlah stok di dalam proses pembinaan hampir 90% stok berkenaan terletak di lima buah negeri ini. Bagi ruang pejabat daripada 2,450.7 meter persegi yang dikenal pasti di dalam proses binaan, lebih kurang 1,046.3 meter persegi mula dibina hanya antara tiga hingga enam tahun sebelum 2001 dan hanya 265,586 meter persegi masih di dalam proses binaan selepas enam tahun.

Bagi ruang perniagaan pula, daripada 1,166.2 meter persegi di dalam binaan 508.5 meter persegi bermula hanya antara tiga hingga enam tahun sebelum 2001 manakala 355,101 meter persegi melebihi enam tahun.

Kebanyakan daripada projek-projek ini masih di dalam proses binaan yang telah dilewat-lewatkan dan tidak semuanya terbengkalai. Namun demikian, memang terdapat juga bangunan yang terbengkalai tetapi angka ini adalah tidak banyak.

Ruang perniagaan di kompleks membeli-belah yang terlewat dibina adalah lebih banyak daripada ruang-ruang pejabat. Antara sebab mengapa projek-projek ini lambat disiapkan adalah kekurangan permintaan untuk ruang-ruang perniagaan oleh kerana kedudukan projek yang tidak sesuai dan juga persaingan daripada projek-projek membeli-belah yang sedia ada di kawasan-kawasan berkenaan.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ialah mengambil tindakan untuk tidak memberi permit baru untuk binaan bangunan-bangunan ruang pejabat dan ruang perniagaan daripada beberapa tahun kebelakangan ini. Jika terdapat keadaan di mana institusi kewangan menghadapi masalah kewangan sebagai bad loans, Danaharta telah terlibat di dalam usaha memulihkan kedudukan ini.

Secara amnya kerajaan akan berusaha membantu para pembeli dengan mengambil sebarang tindakan yang bersesuaian mengikut keperluan sesuatu keadaan.

Yang Berhormat, masalah lebih ini berlaku kerana sikap kita yang sering ingin mengikut orang lain. Setengah-setengah orang apabila mereka melihat rakan-rakan atau peniaga yang lain menceburi pasaran harta, mereka juga ingin turut serta, maka timbul masalah terlalu ramai, dengan izin, players. Akibatnya adalah, dengan izin, keadaan over-build dan over-supplied. Masalah ini menjadi lebih rumit apabila ekonomi negara menjadi lembap. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang kepada Kabinet atau kementerian yang berkenaan bahawa satu akta baru yang memberi perlindungan kepada pembeli-pembeli hartanah komersial memandangkan banyak projek komersial yang terbengkalai di seluruh negara.

Apakah langkah kementerian Yang Berhormat akan mengambil kepada bank-bank komersial yang meminjamkan wang yang begitu besar kepada pemaju-pemaju yang tidak mampu menyiapkan projek dalam tempoh masa yang diberikan dan menjadikan satu masalah Non-Performing Loan (NPL), dengan izin, satu bebanan kepada kerajaan.

Saya boleh memberi satu contoh, pemaju CN Gallery di Jalan Imbi mendapati bahawa banyak pembeli menghadapi masalah sebab Bank Komersial memberi RM70 juta kepada pemaju dan pembeli-pembeli pun telah memberi deposit sebanyak RM15 juta, satu angka yang terbesar di kompleks komersial ini. Bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu akta baru dicadangkan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Sebenarnya akta yang ada saya rasa sudah memadai untuk melindungi pembeli-pembeli bangunan komersial dan juga bangunan-bangunan yang lain tetapi kerajaan adalah sebuah kerajaan yang pragmatik, kita sentiasa meneliti jikalau ada sebarang kelemahan-kelemahan atau *loophole* dalam mana-mana akta dan kita akan mengkaji dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa kepentingan para pembeli sentiasa mendapat jaminan, terbela dan terpelihara.

Kedua tadi tentang bank-bank komersial, sebenarnya bank-bank komersial yang menghadapi masalah untuk meneruskan projek-projek mereka dibantu oleh Danaharta supaya bank-bank dapat berdikari semula dan seterusnya dapat memberi ataupun meneruskan pinjamannya kepada sektor ataupun kepada syarikat yang

*viable*, dengan izin, syarikat-syarikat yang boleh melakukan, melaksanakan kerja-kerja mereka. Kerana itulah kita rasa peranan Danaharta dalam konteks ini bukan sahaja untuk melindungi institusi kewangan malah sekali gus kita harap dengan apabila bank-bank ini dapat dipulihkan semula sekali gus tetapi para pembeli juga dapat kita bela sekali gus.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat dan saya menyatakan bahawa kerajaan sedang memantau kes-kes seperti ini dan apa yang ingin saya sebutkan ialah bahawa projek-projek terbengkalai yang sedang kita bincangkan ini seluruh negara, lebih-lebih lagi di bandar besar yang saya sebutkan tadi adalah dalam keadaan terkawal dan tidak begitu serius setakat ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Isu yang kita perkatakan sekarang ini ialah masalah pembeli yang terpaksa menanggung faedah (*interest*) kerana rumah atau rumah kedai yang dibeli tidak siap. Kebanyakan daripada perkara ini saya rasa bank ataupun institusi kewangan sendiri pun bersalah oleh kerana dalam bidang kewangan mereka adalah dalam *business* yang memberi pinjaman, mereka sepatutnya tahu sama ada projek itu *viable* atau tidak.

Jadi, dalam hal ini saya merasakan di antara pembeli, bank dan institusi kewangan dan pemaju saya rasa bank adalah *the best risk bearers*, dengan izin, ertinya yang paling boleh menanggung risiko dalam hal ini.

Jadi, saya mencadangkan untuk faedah pembeli-pembeli yang ramai kerana rumah yang tidak siap itu banyak, maka pembeli-pembeli yang terpaksa menanggung risiko ini ramai. Saya mencadangkan supaya kementerian mengadakan satu peraturan di mana dalam kes-kes semacam ini bank tidak sepatutnya mengenakan faedah (*interest*) selepas satu masa (*period*) mungkin tiga tahun, maka pembeli-pembeli selepas daripada tiga tahun rumah tidak siap, tidak lagi terpaksa menanggung faedah ataupun interest yang dikenakan. Sekian.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam konteks atau isu yang kita membincangkan ini iaitu premis pejabat dan juga *shopping complexes* saya rasa tidak ramai pembeli yang terlibat kerana kebanyakan *shopping complexes* kita dan ruang-ruang pejabat adalah untuk disewa. Cuma sedikit sahaja ruang-ruang pejabat dan *shopping complexes* yang melibatkan pembelian daripada pembeli-pembeli.

Cadangan Yang Berhormat tadi supaya bank-bank menghentikan kadar faedah untuk tempoh tertentu saya rasa ini tidak begitu sesuai Yang Berhormat [*Ketawa*] kerana bank-bank adalah kita tahu matlamat bank ialah untuk keuntungan, tujuan komersial tetapi kalau kita lakukan perkara ini seolah-olah bank telah jadi satu badan kebajikan pula. Saya rasa kurang setuju tetapi walau bagaimanapun cadangan itu daripada niat yang baik dan kita rasa hargailah pandangan itu. Terima kasih.

8. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan nilai perdagangan antara Malaysia dengan Singapura, China, Jepun pada tahun 1999 dan 2000.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1999 jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Singapura, China dan Jepun adalah seperti berikut:

- (i) Jepun - RM89.5 bilion;
- (ii) Singapura - RM87.9 bilion; dan
- (iii) China - RM16.9 bilion.

Sementara itu jumlah perdagangan bagi tahun 2000 adalah seperti berikut:

- (i) Jepun - RM114.6 bilion;
- (ii) Singapura - RM113.3 bilion; dan
- (iii) China - RM23.8 bilion.

Secara perbandingan dengan tahun 1999 jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Jepun telah meningkat 28% manakala dengan Singapura telah meningkat 28.9% dan China 40.5% pada tahun 2000. Bagi Jepun pada tahun 2000, Jepun terus mengekalkan kedudukan sebagai rakan dagang kedua menyumbangkan 16.7% kepada jumlah perdagangan Malaysia. Peningkatan eksport ke Jepun adalah bagi keluaran minyak mentah dan LNG sementara import pula meningkat 27.3% berikutan daripada peningkatan dalam keluaran jentera, komponen elektrik dan elektronik dan barangan peralatan kenderaan.

Bagi Singapura pula merupakan rakan dagang ketiga penting Malaysia dan menyumbangkan 16.5% kepada jumlah perdagangan Malaysia. Peningkatan dalam aktiviti perdagangan serantau dan tindakan mempelbagaikan sumber oleh pejabat-pejabat serantau yang ditempatkan di Singapura telah menyumbangkan kepada peningkatan eksport ke negara itu. Eksport ke Singapura meningkat sebanyak

29.2% kepada RM68,592 juta dalam tahun 2000 manakala import pula meningkat 28.4% kepada RM44,703 juta.

Walau bagaimanapun, eksport Malaysia melalui Singapura menunjukkan pengurangan daripada RM26.6 bilion kepada RM21.3 bilion dalam tahun 2000. Eksport utama terdiri daripada semi konduktor, perkakas dan kelengkapan mesin pejabat, mesin pemerosesan data automatik dan keluaran petroleum.

Bagi China pula merupakan rakan dagang Malaysia ke lapan dan eksport bagi tahun 2000 telah meningkat sebanyak 30.7% berbanding dengan tahun 1999. Eksport utama ke negeri China bagi tahun 2000 merangkumi keluaran semi konduktor, perkakas dan kelengkapan mesin pejabat, minyak kelapa sawit dan peralatan komunikasi. Import dari China telah meningkat kepada 51% kepada RM12,310 juta di mana import utama terdiri daripada peralatan komunikasi, gandum, peralatan elektronik dan semi konduktor. Sekianlah sahaja.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ucapkan tahniahlah kepada kerajaan kerana nilai perdagangan antara Malaysia dengan ketiga-tiga negara tersebut meningkat berbanding tahun 1999 dengan tahun 2000.

Pada saya nilai perdagangan negara kita dengan negara lain bergantung kepada import dan eksport. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan eksport ke Singapura menunjukkan sedikit penurunan.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau dapat menerangkan dalam Dewan yang mulia ini dengan lebih lanjut lagi bagaimana persiapan negara kita apabila menghadapi AFTA dan WTO supaya eksport negara kita masih dapat diperkukuhkan dan tidak terjejas dan nilai perdagangan negara kita dengan negara lain dapat juga menguntungkan negara kita? Sekian, terima kasih.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan besar. *[Ketawa]* Saya ingin menjawabkan dengan ringkasnya, AFTA sudah dimulakan pada tahun 1993 dan tiap-tiap tahun kita menurunkan 10% kadar tarif hingga tahun 2003 kita akan lengkapkan proses ini.

Jadi, banyak barangan sudah dimasukkan ke dalam CEPT dan kita sudah mempunyai daya saing yang baik. Sekarang melebihi 90% barangan Malaysia telah masuk ke dalam AFTA.

Jadi, persediaan pun sudah dibuat dan swasta (*private sector*) pun sudah menghadapi persaingan dengan secukupnya. Jadi, Malaysia menduduki satu

kedudukan kelebihan kerana kita mempunyai banyak barangan untuk dieksportkan. Ini tidak jadi masalah besar, cuma ada satu dua perkara seperti barangan seperti automobil, barangan pertanian yang tidak diproseskan itu adalah menjadi isu. Itu cuma satu peratusan yang kecil sahaja.

Bagi WTO ramai orang mengatakan kemasukan China ke dalam WTO akan menjadi satu impak yang besar. Isu ini memang menjadi satu isu yang dberi perhatian penuh oleh Kerajaan Malaysia khususnya MITI. Jadi, selepas perkara ini dibangkitkan Malaysia dan negara China telah mengadakan perundingan dua hala dan sekarang satu persetujuan dua hala pun sudah ditandatangani di antara kedua-dua negara ini untuk melicinkan perdagangan di antara dua negara apabila China masuk ke dalam WTO.

Di dalam perjanjian itu ada 760 jenis barangan sudah dipersetujui dan yang menjadi isu besar adalah kelapa sawit. Kita sudah pun mencapai satu persetujuan kuota akan dilonggarkan oleh China daripada 50% ke 90% dalam masa lima tahun mulai daripada China dimasukkan ke dalam WTO.

Jadi, WTO dengan AFTA ini secara ringkasnya ini adalah jawapan saya.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah sedang diambil atau akan diambil untuk meningkatkan volume eksport kelapa sawit ke China kerana sekarang harga pasaran antarabangsa untuk kelapa sawit begitu rendah iaitu apakah langkah-langkah akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini? Sekian.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah masuk ke kementerian yang lain tetapi saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia adalah untuk menawarkan projek-projek infrastruktur kepada China supaya China boleh menggunakan wang itu untuk membeli kelapa sawit. Sekarang Menteri yang bertanggungjawab itu telah pergi ke India dan China untuk berunding perkara-perkara ini.

Ini saya tidak akan cakap panjang lebar. Perkara yang lain adalah kita cuba mempelbagaikan pasaran dengan China dan barangan kepada China supaya barang-barang di China boleh dibeli oleh Malaysia dan ia akan beli kelapa sawit sebagai balasan. Itulah cara-caranya kita akan mempromosikan keluaran kelapa sawit. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab sudah kita selesaikan.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 38 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]***

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) (NO.2) 2001**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang .

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN PERNIAGAAN (PINDAAN) 2001**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang .

#### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mewujudkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang .

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (RMK-8)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas usul dibuat oleh Perdana Menteri yang ditangguhkan atas masalah:

"Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pemulihan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh;

**merestui** usaha kerajaan bagi melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kelapan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan hasrat Dasar Wawasan Negara seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 12 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat dan iltizam baru bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk membina sebuah negara yang progresif dan berdaya tahan." **[23 April 2001]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Minta Yang Berhormat bagi Tambun menyambung ucapan.

**11.07 pagi.**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah menyentuh beberapa perkara saya akan menutup ucapan saya dengan menyentuh dua perkara secara ringkas. Seperti mana saya nyatakan industri pelancongan merupakan satu industri strategik di dalam negara kita, ia boleh mengganti kejatuhan dari segi pertumbuhan industri perkilangan di negara kita.

Dan saya lihat .....

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** ...industri lebih strategik lagi daripada sudut .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tambun, ada Yang Berhormat .....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Eh, baru mula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim S Cheng]:** .....bagi Batu Gajah.

*[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bagi Tambun, terima kasih kerana memberi laluan. Di antara ramai Bechbenchers Yang Berhormat bagi Tambunlah yang saya paling hormati .....*[Ketawa]* *[Tepuk]*.....

**Seorang Ahli:** Oh!

**Puan Fong Po Kuan:** ...yang paling saya sanjungi kerana ucapan Yang Berhormat selalu bernas dan relevan. Tetapi saya ingin mendapatkan penjelasan. Yang Berhormat baru-baru ini telah mewakili Parlimen Malaysia pergi ke Havana menghadiri Mesyuarat IPU. Apabila Yang Berhormat kembali telah membuat kenyataan bahawa laporan yang dikemukakan kepada IPU di Havana yang berkenaan ada meliputi isu-isu berkenaan kes bekas Timbalan Perdana Menteri, hak asasi manusia, Yang Berhormat telah menyatakan bahawa laporan itu telah diterima baik dan tidak perlu melalui siasatan *[Disampuk]* yang tertutup.

Saya rasa Yang Berhormat kurang jujur dalam aspek ini. *[Disampuk]* *[Tepuk]* Saya minta penjelasan terhadap perkara ini, ini adalah kerana kami telah membuat satu siasatan, telah menelefon kepada Sekretariat di Geneva menyatakan bahawa sebenarnya laporan itu masih belum diteliti *[Disampuk]* komen masih belum diberi oleh Jawatankuasa dan mereka memerlukan masa untuk meneliti laporan tersebut.

Jadi, saya pohon penjelasan dan saya ingin tahu mengapa kami sebagai Ahli-ahli IPU tidak diberi langsung sesalinan laporan tersebut terlebih dahulu. Apakah kami tidak perlu dirujuk, *[Disampuk]* apakah kami tidak perlu *[Tepuk]* - laporan itu tidak perlu dirunding sebelum dikemukakan .....

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Menyampuk]* Jangan ucap, minta penjelasan sahaja.

**Puan Fong Po Kuan:** ...kepada Jawatankuasa Hak Asasi. Saya harap jangan kacaulah. Ini ada berkenaan dengan Yang Berhormat juga jika Yang Berhormat adalah .....

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Ikut peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** ....Ahli IPU. Jadi, saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** ....jadi saya ingin tahu mengapakah perkara ini berlaku? Saya pohon penjelasan di dalam perkara ini dan saya ingin tahu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, kalau banyak dia pun tidak dapat mengikuti. Cukup.

**Puan Fong Po Kuan:** ...siapakah memberi authority untuk mengemukakan laporan tersebut [*Disampuk*]tanpa berunding dengan Ahli-ahli IPU. [*Tepuk*]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah kerana beliau mengatakan saya salah seorang Ahli Parlimen yang mempunyai kredibiliti.

Jadi, kalau saya mempunyai kredibiliti tidakkanlah dalam soal IPU pula saya tidak mempunyai kredibiliti ya. [*Ketawa*] Sebenarnya, saya mempunyai semua laporan yang dibuat oleh Ketua DAP mengenai dengan kes ini dan apa yang beliau nyatakan banyak tidak betul. Apa yang saya katakan betul, memang kita telah menghantar laporan dan laporan ini tidak perlu kita dipanggil untuk siasatan secara tertutup Tuan Yang di-Pertua, itu adalah perkara yang benar dan saya tidak perlu untuk membohongi sesiapa kerana itu bukan adat kita sebagai Ahli Parlimen bekerja. Saya ingin menyambung apa yang saya nyatakan tadi bahawa.....

**Dato' Kamarudin bin Jaafar:** Mohon penjelasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya hendak tutup sudah ni. Yang Berhormat, cukuplah saya ingat.

**Dato' Kamarudin bin Jaafar:** Sebab isu ini penting. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun kerana memberi jawapan ringkas kepada sahabat saya daripada Batu Gajah. Saya juga telah meneliti Internet dan nampaknya pengetahuan Internet saya lebih baik daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sebab saya jumpa tentang IPU ini dan ada laporan IPU dalam Internet termasuklah resolusi berkaitan dengan katanya kes nombor *Malaysia/15 Anwar*

*Ibrahim Malaysia*, yang menyebutkan bahawa rombongan IPU Malaysia telah menghantar resolusi atau cadangannya tetapi, untuk ringkas, akhirnya mengatakan,

*“Considering that that the Committee wishes to give that document its full and thorough attention:*

- (1) Thanks the Malaysian delegation for submitting detailed comments on this case ;*
- (2) Considers its essential that, in line with its Procedure, the Committee devote the necessary time to studying the comments put forward by the Malaysian delegation, and consequently requests it to report to it at its next session (September 2001) with a presentation of its conclusions”.*

*[Tepuk]*

Ini dokumen IPU yang kita boleh dapati dalam Internet. Jadi, kita rasa adil untuk semua Ahli Parlimen terutamanya ahli-ahli IPU, yang saya juga anggotanya mengetahui kandungan laporan yang Yang Berhormat sampaikan dan menceritakan yang sebenarnya sebagaimana yang ada dalam laporan ini apa yang berlaku dalam sidang IPU itu. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa yang hendak disorokkan. Yang Berhormat dapat daripada Internet memang betul, Internet itu berkata begitu, di sini saya ada laporan tersebut. Saya ingin menyatakan bahawa dari segi laporan kita, kita mempunyai satu *committee* yang telah dipilih oleh ahli-ahli, dan *committee* ini telah membuat satu laporan dan ini dikemukakan. Jangan kita perkecilkan IPU, IPU mempunyai anggota, jawatankuasa Human Rights yang begitu bertanggungjawab.

Sebelum kita pergi ke Havana, pihak IPU antarabangsa telah datang ke sini, interview beberapa pemimpin pembangkang termasuk Karpal Singh dan juga Lim Guan Eng. Mereka telah mendapat semua maklumat dan mereka tidak perlu lagi mendapat maklumat daripada pembangkang kerana mereka mempercayai maklumat yang diberikan oleh Karpal Singh dan Lim Guan Eng itu betul. Mereka hendak mendengar maklumat daripada kita pula. Ini yang kita hantar, berdasarkan kepada keperluan IPU. Jangan kita meletakkan Jawatankuasa Human Rights ini sebagai orang yang tidak berkebolehan, tidak tahu kerja mereka. Kalau mereka sanggup

datang ke Malaysia untuk interview beberapa orang, dan mereka sudah mendapat maklumat dan mereka mohon maklumat daripada kita.

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya ingat sudahlah Yang Berhormat, kalau kita berbincang perkara ini, saya akan mengambil masa dua, tiga jam, ini tidak akan habis.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tadiyou kata bagi semua.

**Puan Chong Eng:** Ini yang penting.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ha.

**Puan Chong Eng:** Ini yang penting.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya ingat cukuplah.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu penipuan yang paling besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .... sebelum dibenarkan.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya diberi jalan sekarang. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tambun. Saya pun seorang ahli IPU ....

**Puan Chong Eng:** Sudah lamalah.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Ketawa]*Memang saya sudah lama menjadi ahli, tidak pernah dijemput, tidak pergi ke mana-mana pun. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Dinafikan peluang.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ha. Saya memang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak payah ucap.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya memang meletakkan kepercayaan saya kepada IPU tetapi bukan delegasi IPU Malaysia. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang soalan hendak tuju kepada siapa?

**Puan Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bagi Tambunlah.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini adalah laporan IPU, selepas ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang Yang Berhormat diberi peluang, dibenarkan untuk .....

**Tuan Tan Kok Wai:** .... persidangannya di Havana pada 7 April dan laporannya adalah jelas, laporan delegasi Malaysia belum diterima tetapi akan dikaji sedalam-dalamnya oleh IPU dan delegasi Malaysia *[Disampuk]* dikehendaki melaporkan balik di mesyuarat pada bulan September akan datang. *[Disampuk]* Ini telah terbukti laporan delegasi Malaysia tidak diterima langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Belum lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bertujuan meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tambun .....

**Seorang Ahli:** *Physically* tidak diterima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....ataupun hendak berucap? *[Disampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Tambun, mengapa delegasi IPU termasuk beliau melakukan, membuat penipuan itu. Mengapa? *[Disampuk]* Pembohongan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup. Yang Berhormat ...

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini satu kelakuan yang memang dihinakan. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Tetapi jika delegasi ini mengandungi ahli-ahli daripada pihak kami di sini, perkara begitu tidak akan berlaku. *[Disampuk]* Ini adalah sebab-sebabnya mengapa tiap-tiap kali persidangan IPU diadakan di mana-mana pun, tidak ada ahli pembangkang dijemput. *[Disampuk]* Kadang-kadang ada tanpa .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup. Tidak payah berucap lagi.

**Tuan Tan Kok Wai:** ... isu seperti hak asasi.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai Ahli Parlimen jangan mudah kita menuduh orang membohongi, jangan mudah begitulah, jangan. Saya pegang, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Islam, saya pegang apa yang dikatakan oleh Imam Al-Bukhari, *"Ilmu mendahului perkataan dan perbuatan, jikalau kita tidak mempunyai ilmu, jangan bercakap, itu akan menjadi fitnah, kalau fitnah berpanjangan, dia menjadi munafik."* Kerana Yang

Berhormat tidak ada ilmu, Yang Berhormat hanya berdasarkan kepada satu maklumat ditulis oleh Lim Kit Siang, dan sudah mempercayainya.

Saya ingin menyatakan dan bukan tidak pernah ahli pembangkang pergi. Semasa di Amman, Jordan, pada awal tahun lalu, Yang Berhormat bagi [Disampuk] Yan, dia pergi dengan saya sendiri. [Disampuk] Dia adalah Setiausaha Agung PAS, beliau pergi .....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** [Bangun]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tidak perlulah bangkit, saya bagi tahu Yang Berhormat pergi, itu sahaja.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya hendak buat sedikit penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, memang benar, saya dijemput menghadiri rombongan Malaysia ke IPU di Amman tetapi saya tidak dapat masuk dalam Jawatankuasa Hak Asasi Manusia.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua. Apabila beliau bercakap tentang soal sembahyang pada tempoh hari, hendak menjadi imam, siapa jadi imam pun, saya sudah tahu, saya sudah tahu betul sikap beliau. Kalau saya hendak menceritakan sikap beliau di persidangan IPU, Amman, cukup banyak, saya tidak mahu memalukan sesiapa.

**Tuan Ng Lip Yong:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Setakat itu cukuplah.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya minta Yang Berhormat jelaskan apa sikap saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Yan, sila duduk.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Ini satu tuduhan, satu sangkaan jahat. [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah berucap ...

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya minta dia buat *clarification*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ... sebelum mendapat kebenaran.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya minta dia buat *clarification*, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat bagi Batu.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** .... supaya Ahli Parlimen boleh mengetahui saya menjadi rombongan negara, rombongan Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, nanti Yang Berhormat, boleh.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya mahu dapat penjelasan apa itu yang dikatakan sikap. Sangkaan jahat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu teruskan.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ikut peraturan Dewan inilah. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tambun, sama ada dalam persidangan akhbar yang diberi minggu lepas, adakah beliau membaca paragraph baru laporan ini [*sambil memegang laporan IPU*] Adakah tidak? Dan apa paragraph yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat sebelah sana telah dibacakan oleh Yang Berhormat dalam sidang akhbar. Dan, ini jelas kita tidak mahu beri gambaran yang salah, di mana kita tidak mahu bagi orang lain tahu, apa yang ada dalam laporan ini. Sekian, terima kasih. [*Disampuk*]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya. Apa yang Yang Berhormat bagi Batu kata itu betul. Kita *transparent*, Tuan Yang di-Pertua. [*Disampuk*] Sudahlah. Kita ada adab, kita ada peraturan, mengapa tidak ikut peraturan dalam bercakap. Ini *floor* saya. Mengapa hendak menjerit-jerit, ini bukan padang bola. Sudahlah saya ingat, cukuplah.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya bangun.....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Cukuplah, cukuplah. Biar saya habis.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya sudah bangun ini, Yang Berhormat bagi Tambun. [*Disampuk*]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Cukuplah, cukuplah. Cukup, cukup.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tambun.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat semasa Yang Berhormat menghadiri isu – sebagai Pengerusi IPU di Havana ini, boleh atau tidak Yang Berhormat beritahu bagaimana kes Lim Guan Eng. Sebab saya rasa begitu

sedih bahawa setiap kali wakil-wakil IPU kita pergi ke peringkat antarabangsa, kerja kita ini hendak memberi, mempertahankan dan menerangkan kepada peringkat antarabangsa, bila sahaja ada pemimpin pembangkang diambil tindakan, ditangkap, tugas kita hendak beritahu di peringkat antarabangsa. Adakah pemimpin pembangkang ini tidak boleh ditangkap. Dahulu kes Lim Guan Eng, sama juga, menjadi isu. Jadi, macam mana kes Lim Guan Eng, adakah masih lagi beri penerangan?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Jemput kamilah beri penerangan.  
*[Ketawa]* Kalau tidak mahu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pokok Sena.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat kita tutuplah kes ini. Kita pergi ke perbincangan ....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya mohon penjelasan kenyataan Yang Berhormat bagi Tambun tadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada yang meminta penjelasan.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Dan, minta ditarik balik.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tidak payah, Yang Berhormat. Yang Berhormat tidaksebegitu penting untuk kita bincang dalam .....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Tidak. Ini melibatkan, ini satu penipuan, ini satu sangkaan jahat. *[Disampuk]*Saya wakil Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya wakil parti, saya wakil Malaysia dalam persidangan tersebut. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan cara bercakap itu dikeluarkan, masalah.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Ya. Dan, sikap ini, sikap yang tidak betul. *[Disampuk]* Dan, ini sangkaan jahat yang perlu penjelasan supaya Ahli Parlimen dapat mengetahui apa yang berlaku. *[Disampuk]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, sudahlah, cukuplah itu.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat, Apa Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Peraturan Mesyuarat 36(6), Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sedang berbincang Rancangan Malaysia Kelima, *[Ketawa] [Disampuk]* Kelapan. Tetapi sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang sudah membawa kita ke subject yang lain. Saya harap kita masuk balik ke tajuk yang sedang kita bincangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya saya pun tidak tahu macam mana isu ini boleh tiba-tiba masuk.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas Yang Berhormat bangun, baru diberi peluang untuk menyambung ucapan.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Peraturan Mesyuarat 36(6), Tuan Yang di-Pertua.

*“Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.” [Tepuk] [Disampuk]*

Saya minta ditarik balik dan buat penjelasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya fikir tidak ada isu sebenarnya. *[Disampuk]* Tidak perlulah kita bincang mengenai dengan Setiausaha Agung PAS ini. Kita mempunyai banyak perkara .....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan nama saya, dan saya dalam perwakilan tersebut adalah sekali lagi saya menegaskan, mewakili Kerajaan Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah Yang Berhormat boleh nyatakan sangkaan jahat yang dibuat oleh beliau.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Dia mengatakan, saya melakukan tindakan-tindakan yang beliau berkata, dia boleh cerita, yang melibatkan maruah, memalukan. Saya ingin tahu, apa dia itu yang dikatakan tindakan saya yang memalukan? *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tambun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya rasa satu, Yang Berhormat ya. Saya hendak tanya, Yang Berhormat. Persidangan daripada hari

Isnin sampai hari Jumaat, selama 39 jam, berapa lama Yang Berhormat berada di dalam Dewan. Sila beri jawapan?

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya hadir dalam semua sidang dan saya berucap. Dan saya ada memberikan pandangan, semua sidang sama ada di Hotel Hyatt, kami duduk bersama-sama dengan ahli-ahli yang lain. Ahli-ahli yang lain ada bersama dan pegawai-pegawai daripada Parlimen ada bersama dengan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, Yang Berhormat. Saya hendak minta Yang Berhormat bagi Tambun, adakah ucapan Yang Berhormat ada berunsur sangkaan jahat. *[Disampuk]* Saya tidak benarkan macam pasar di sini.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tidak ada Yang Berhormat, saya tidak ada sangkaan jahat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Tidak ada. Itu kenyataan tadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya tanya pula .....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya hadir dalam semua persidangan, saya memberi pandangan, saya turut berucap, malah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Yan perlu mematuhi peraturan. Saya hendak dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun. Mengikut beliau, dia tidak berunsur sangkaan jahat. *[Disampuk]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah, kalau beliau mempunyai sangkaan jahat, tidak apalah. Tetapi saya hendak menyatakan .....

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Bukan saya yang mempunyai sangkaan jahat. Dia yang mempunyai sangkaan jahat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat kata yang mempunyai sangkaan jahat pun tidak apa. Saya ingin menyatakan, kalau Yang Berhormat kata dalam 39 jam persidangan, Yang Berhormat ada 39 jam, itu tidak betul. Saya tidak menyatakan Yang Berhormat tidak mengambil bahagian, malah saya sebagai Ketua Delegasi menyuruh Yang Berhormat mengambil bahagian, malah teks ucapan itupun saya minta pegawai dan saya semak dan Yang Berhormat baca kerana kita tidak mahu pergi ke IPU melibatkan ahli-ahli daripada pembangkang seolah-olah dia sebagai pembangkang, dia mewakili negara dan saya bawa Yang Berhormat berbincang dengan secara *bilateral*, dengan banyak pihak.

Jadi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, dalam 39 jam, secara jujur dan ikhlas, biar kita ikhlas kepada Allah S.W.T., berapa jam Yang Berhormat hadir dalam persidangan ini?

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya bersumpah, wallahi wabillahi watalahi, semua persidangan itu saya hadir, 39 jamkah, 40 jamkah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat perlu mematuhi persidangan, mematuhi peraturan. Dan, ingin saya tegurkan apabila seseorang berucap, saya minta supaya semua diam, jangan bising, kalau bising macam mana Pengerusi boleh dengar apa yang dikatakan.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya ingin membuat penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah cukup, cukup, cukup. *[Disampuk]* Kalau ada apa-apa yang Yang Berhormat fikir ada berunsur sangkaan jahat, kita boleh rujuk kepada catatan kemudianlah.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya minta ditarik balik kenyataan tadi. *[Disampuk]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya tidak ada apa. Kalau Yang Berhormat kata, Yang Berhormat hadir 39 jam, itu terpulanglah kepada Yang Berhormat. Saya sebagai Ketua Delegasi, saya tahu. Memang Yang Berhormat menghadiri persidangan tetapi bukan sampai sepenuh hari. Bukan, Yang Berhormat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Saya ada sepanjang persidangan, semua persidangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Baiklah. Yang Berhormat cakap macam itu, Yang Berhormat punya persepsi macam itu, kita terimalah cakap Yang Berhormat, dan saya mempunyai persepsi saya, biar saya teruskan. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya hendak tutup sudah. *[Disampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Yang Berhormat bagi Tambun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Sudah cukuplah, semua orang sudah dengar, satu Parlimen sudah dengar. Terpulanglah kepada pihak ....  
*[Disampuk]* Jadi, saya sentuh balik, Tuan Yang di-Pertua, mengenai .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Peraturan mesyuarat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Cukuplah, cukuplah. Lepas ini Yang Berhormat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua tidak mahu ikut peraturan mesyuarat. Bangun sahaja.

**Tuan Tan Kok Wai:** Peranan yang paling suci dan mulia yang patut dilakukan oleh seorang Speaker ialah menegakkan keadilan dalam Dewan. Dan, saya memang bersetuju .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu peraturan mesyuarat. Tunjukkan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya memang bersetuju. Peraturan Mesyuarat 36(6), sebab tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tambun itu memang bercorak sangkaan jahat. Kalau Yang Berhormat bagi Tambun tidak menjelaskan apakah yang dilakukan oleh Yang Berhormat bagi Yan yang memalukan, sebab tadi dia kata, begitu malu, dia tidak mahu sebut. Satu perkara yang sensitif. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk. Tadi saya sudah terangkan, saya sanggup .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Macam mana kredibiliti dan nama baik Yang Berhormat bagi Yan harus di .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....dibersihkan. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sendiri hendak keluarkan peraturan mesyuarat, tidak mahu ikut peraturan mesyuarat.

**Tuan Tan Kok Wai:** 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham, tetapi sekarang bila saya bercakap, apa Yang Berhormat kena buat? Sila duduk. *[Disampuk]* Saya sudah cakap tadi Yang Berhormat bagi Cheras, jangan cuba cabar. Tadi saya sudah kata, apabila seseorang berucap, Ahli-ahli Yang Berhormat

yang lain perlu mematuhi peraturan mesyuarat, berdiam, supaya saya dapat dengar. Dan, sekarang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Yan, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun berunsur kurang sopan dan sebagainya, saya tidak dapat mengikut. Jadi, apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat bagi Tambun, kata dia, tidak berunsur – Jadi, kita boleh rujuk kepada catatan *Hansard* dan sebagainya kemudian, kalau apa boleh kemukakan sekali. Jadi, saya minta Yang Berhormat bagi Tambun teruskan ucapan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi menyentuh mengenai dengan pelancongan. Saya menyatakan bahawa industri ini satu industri yang strategik.

**Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sikit.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Cukuplah, Yang Berhormat. Biar saya ...

**Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid:** Saya rasa untuk menyelesaikan....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya ada *floor* Yang Berhormat. Kita lihat kepada seksyen 41(e).

**Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid:** Sebab saya rasa daripada awal tadi, ucapan Yang Berhormat itu seperti satu ugutan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti dahulu, saya ada point of order. Di bawah 41 - Masa mesyuarat bersidang, (e):

*“Masa seseorang ahli itu bercakap, semua ahli-ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab.”*

*[Disampuk]*

Jadi, biarlah saya bercakap.

**Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid:** Okey. Saya minta laluan, Yang Berhormat bagi Tambun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okey. Saya tidak bagi.

**Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid:** Tadi kata suruh minta cara beradab.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** “37(1) Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali –

(b) *jika hendak meminta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam*

*ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.”*

Saya tidak duduk, ya. Okey. Tidak apalah, saya ingat cukuplah.

**Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid:** Tetapi, saya rasa terkilan sedikit.....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Biar, biar. Tidak apalah, cukuplah. *[Disampuk]*

Bidang pelancongan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan satu industri strategik yang dapat membantu negara kita mempertingkatkan GNP dalam suasana di mana akibat daripada industri elektronik dan elektrik dunia sedang menghadapi masalah kegawatan maka pendapatan daripada industri pelancongan ini boleh menampung kekurangan yang kita jangka dalam bidang pembuatan.

Jadi, seperti mana yang saya nyatakan, nilai tambah dalam industri pelancongan ini begitu banyak berbanding dengan industri pembuatan. Dalam industri pembuatan, kita lihat pada tahun 2000, pendapatan eksport sebanyak RM317 bilion dan nilai tambahnya, saya jangka, ini satu andaian, dalam 5%, ia memberi pendapatan sebanyak RM15 bilion sahaja. Manakala dalam industri pelancongan, jika pendapatannya seperti mana ditulis di sini, RM18 bilion maka RM18 bilion itu adalah merupakan nilai tambah, maka kita dapat nilai tambah sepenuhnya daripada industri pelancongan. Maka adalah penting kita menekankan kepada kepentingan industri pelancongan ini bagi membantu negara meningkatkan GNP.

Di samping itu kita tahu berbanding dengan industri pembuatan perlukan kos yang banyak, industri pelancongan tidak memerlukan kos yang banyak dan dia juga tidak ada leap time, dalam erti kata lain, dalam industri pembuatan perlu didirikan kilang dan sebagainya kemudian pergi ke pasaran, ia memerlukan satu jangka panjang untuk industri ini dapat berkembang manakala dalam industri pelancongan, produk-produk telah ada dan setibanya pelancongan kita sudah dapat memperoleh pendapatan dan ini penting terutamanya apabila negara kita mempunyai beberapa kekuatan umpamanya negara kita sebuah negara yang dihormati oleh negara-negara dunia dan kedua, negara kita mempunyai *multi-cultural society*, bermakna sesiapa sahaja yang datang ke negara kita akan rasa *comfortable* kerana berbilang kaum dalam negara ini ditambah pula masyarakat kita begitu *friendly* dan *hospitable*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dan kita boleh bercakap Bahasa Inggeris, satu

bahasa antarabangsa dan mudah bagi orang berkomunikasi dengan kita dan bagi pelancong, apabila dia datang ke sebuah negara dia akan tanya pertama sekali sama ada negara ini selamat atau tidak untuk dia naik teksi pada jam berapa pun, insya Allah, di negara kita selamat.

Kemudian kita mempunyai banyak tempat yang menarik. Dengan itu, seorang pelancong yang datang ke negara kita, dia rasa kedatangannya begitu *pleasant* dan *comfortable*, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah menjalankan marketing, pemasaran yang begitu agresif ke negara China, India dan kita cuba untuk *link* antara Kuala Lumpur dengan New Delhi untuk mendapat pasaran daripada golongan jutawan di negara India untuk datang ke sini dan sekarang kita dapati dari Timur Tengah banyak pelancong-pelancong yang datang ke negara kita.

Jadi saya ingin dapat penjelasan daripada kementerian, saya lihat dari segi unjurannya. Ketibaan pelancong pada tahun 1995, 7.4 juta untuk tempoh lima tahun tersebut. Sehingga tahun 2000 dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, 10 juta orang. Pada Rancangan Malaysia Kelapan dijangka 14 juta, ada pertambahan sebanyak 4%. Dari segi pendapatan, saya dapati pertambahan daripada Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh adalah sebanyak 88.9% manakala daripada Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan sebanyak 57.3%. Ini menggambarkan seolah-olah kita agak pesimistik tentang unjuran kita padahal kita telah membuat beberapa pemasaran agresif dan kita yakin bahawa lebih ramai pelancong akan datang ke negara kita. Mengapakah agaknya kita begitu pesimistik dari segi membuat unjuran kita iaitu sebanyak 57.3%, sepatutnya sekurang-kurangnya kita *maintain* dalam 80%.

Di samping itu saya berharap dalam soal perancangan untuk industri pelancongan ini, kita perlu buat secara teliti dan detail. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perancangan pembangunan kawasan-kawasan tarikan pelancong. Saya berpendapat elok kita buat secara *centralized planning*, dengan izin, bukan *decentralized* kerana saya lihat bila dia *decentralized* kita serah kepada tiap-tiap negeri dan tiap-tiap negeri membuat kawasan-kawasan pelancongan yang kadangkala tidak dapat menarik pelancong daripada luar. Lebih baik kita ada satu *centralized* agensi dan *centralized* agensi ini yang membuat perancangan untuk pelancong daripada antarabangsa, manakah antara tempat-tempat yang boleh diangkat menjadi satu yang boleh didatangi oleh komuniti antarabangsa. Dengan itu, kita tidak menggunakan banyak wang untuk membina kawasan-kawasan tarikan pelancongan.

Kita tidak perlu untuk membangunkan banyak kawasan, kita perlu bangunkan beberapa kawasan dan ini dijual di peringkat antarabangsa kerana kalau kita pergi negara mana pun, tidak banyak kawasan pelancongan, hanya kawasan pelancongan tertentu sahaja yang dipasarkan ke negara luar. Saya percaya dengan cara itu kita dapat mengenal pasti manakah kawasan-kawasan pelancongan yang terbaik melalui *centralized planning* dan dibangunkan begitu. Kalau kita serahkan kepada negeri-negeri, setiap negeri mahu mengusahakan dan terdapat dari beberapa buah negeri yang membuat perancangan untuk menarik pelancong daripada luar membuat perbelanjaan membangunkan kawasan tarikan pelancong. Akhirnya tidak banyak pelancong yang datang ke tempat itu dan kawasan tersebut merugikan.

Yang kedua, saya lihat dari segi isu bahasa ini, saya dapati ada hotel-hotel tertentu...

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Arau.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Saya amat tertarik dari hujah Yang Berhormat mengenai apa yang disebutkan central sepatutnya mengambil peranan untuk memajukan pelancongan di negara kita. Saya rasa pandangan Yang Berhormat itu memang tepat kerana apa yang saya dapati sekarang ini, setiap negeri kita ada MMK pelancongan. Walaupun mereka tidak ada pegawai-pegawai tertentu kerana semasa kita mengadakan Kementerian Pelancongan tidak diwujudkan struktur pegawaiian di peringkat negeri tetapi *tendency*, pertandingan di antara negeri-negeri saya melihat sebagai satu rintangan kepada pembangunan sektor pelancongan itu sendiri kerana misalnya hendak memajukan Pahang, hendak menarik pelancongan ke Pahang. Perak hendak menarik pelancong ke Perak dan ini akan menimbulkan *confuse* kepada pelancong-pelancong yang hendak datang.

Jadi soalnya, Yang Berhormat, bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini kerana desire setiap negeri hendak menarik pelancong ke negeri masing-masing itu tetap ada dan mereka akan tidak dapat melihat kepentingan yang global dan ini juga menimbulkan masalah dari segi perancangan. Saya ingin mendapat pandangan lebih mendalam lagi daripada Yang Berhormat bagaimana kita dapat mengurangkan desire tiap-tiap negeri untuk hendak mempromosikan negeri masing-masing dan bagaimana pusat dapat mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan menyatakan bahawa industri pelancongan ini satu industri yang berpotensi, maka tiap-tiap negeri mula ingin memainkan peranan. Yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua, dari segi seorang individu. Dia mempunyai dua ilmu iaitu *machine knowledge* dan *passive knowledge*. Malangnya sebahagian besar daripada kita mempunyai *machine knowledge*, kita tahu tentang pelancongan tetapi tidak ada *passive knowledge* iaitu dari segi pengalaman kita dan nilai tambah kita dalam industri kerana kita tidak terlibat dalam industri tersebut. Ini menjadi masalah kita, dengan itu negeri tidak nampak prinsip-prinsip '*viability*' yang sepatutnya wujud apabila kita hendak mempromosi atau membangunkan satu-satu kawasan.

Saya tidak tahu bagaimana struktur antara kementerian dengan negeri. Saya berpendapat kementerian mesti memainkan peranan sama ada sudah ada satu jawatankuasa pelancongan yang diselaraskan oleh kementerian atau tidak, saya tidak tahu tetapi perkara ini mesti ditekankan supaya kita tidak berebut-rebut kerana saya lihat dari segi perbelanjaan negara, negeri tidak ada masalah untuk mendapat peruntukan daripada pusat. Kita melihat daripada sudut pembangunan pelancongan. Apabila kita membelanjakan sumber dan ini diperolehi secara maksimum maka kita akan mendapat pendapatan GNP secara maksimum dan ini boleh diagihkan kepada negeri dan kita tidak perlu untuk bersaing di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Saya harap perkara ini dapat berlaku.

Kedua, tadi saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, dari segi bahasa. Apabila seseorang pergi ke sesuatu negara, ada orang boleh bahasa-bahasa dia, dia akan rasa begitu gembira dan dia mahu datang lagi. Saya lihat, ada hotel-hotel tertentu yang suka didiami oleh bangsa atau penduduk daripada negara-negara tertentu, hotel ini banyak orang Arab, hotel ini banyak orang Jepun, yang ini banyak orang Taiwan, yang ini banyak orang daripada East Europe dan sebagainya. Saya berpendapat kerajaan mesti menyediakan facilities. Kalau hotel tersebut suka didatangi oleh orang Arab, mesti ada orang boleh berbahasa Arab. Hotel mesti memainkan peranan ambil orang yang boleh berbahasa Arab bekerja di hotel sebagai *front desk officer* ataupun kerajaan boleh menyediakan *facilities* untuk belajar bahasa. Tetapi belajar bahasa ini bukan mudah, lebih baik kita ambil orang yang sudah fasih bahasa tersebut. Dalam negara kita saya percaya ramai orang yang berbahasa Arab ambil mereka bekerja di hotel-hotel, yang bahasa Jepun kerja

di hotel yang ramai orang Jepun datang, ramai orang bercakap French atau Spanish, kita ambil supaya dia rasa *comfortable* datang ke negara kita.

Ketiga, mengenai dengan pengangkutan, Tuan Yang di-Pertua. Pengangkutan ini satu perkara yang kadang-kadang memalaskan orang datang. Pertama, kita lihat dari airport sampai ke hotel. Dari *airport* kita lihat dari segi bagasi begitu lambat. Kapal terbang turun, tunggu tambahan pula kapal terbang daripada luar ini, kadang-kadang datang waktu Subuh, orang mengantuk, bagasinya lambat sampai. Ini satu *bottle neck* kepada kita sebab orang *fed up* datang ke Kuala Lumpur kerana lambat bagasi. Kemudian daripada *airport* pergi ke hotel. Masalah teksi kita, masalah *limousine service* dan ada pula lagi satu servis dia bawa orang pergi ke Stadium Tun Razak, dia *transfer*. Ini semua perkara-perkara yang mendatangkan rasa malas orang. Orang mahu pergi ke negara tersebut, sudah ada transportnya, hotel-hotel besar boleh ada transport sendiri, pergi terus ke hotel. Kemudian daripada hotel ada pakej-pakej tertentu, semua ini mesti licin terutama dari segi negara kita, Tuan Yang di-Pertua, agak panas sedikit. Kalau ada sedikit sahaja slack dari segi menyediakan pengangkutan, orang akan rasa panas, berpeluh-peluh. Saya nampak orang putih datang ke negara kita, dari baju sampai seluar, semua berpeluh panas dan ini tidak *comfortable*. Jadi kita mesti menyediakan pengangkutan yang kita anggap perfect dari segi untuk pelancong ini. Kemudian *facilities-facilities* Internet, sekarang sudah ada *business traveler* dan orang yang rindu kepada keluarga, dia hendak hantar kepada keluarga, jadi kemudahan-kemudahan Internet ini mesti baik.

Yang kelimanya, sekarang ini dalam industri pelancongan....

**Tuan Saupi bin Daud:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, Tanah Merah, hendak beri jalan?

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Yang Berhormat Tambun. Saya hendak tanya sedikit. Apabila Yang Berhormat menyebut kelemahan-kelemahan yang terdapat di lapangan terbang mungkin di KLIA. Adakah apa Yang Berhormat sebut tadi juga yang melibatkan suatu ketika dahulu kita lihat bekas Menteri Besar Kedah telah menampar kakitangan KLIA. Mungkinkah kerana alasan-alasan ini betul tetapi telah ditolak pada waktu itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah, Yang Berhormat ya. Tidak payahlah, kes sudah selesai, denda itu semua.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tidak payahlah ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah. Jadi sekarang ini dalam industri pelancongan...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sahabat saya bagi Tambun. Kita perhatikan semenjak terminal kapal terbang kita berpindah daripada Subang ke KLIA, empat jenama utama syarikat penerbangan, British Airways, All Nipon Airways, Qantas dan Lufthanza telah menghentikan operasi pendaratannya di KLIA walaupun KLIA telah membuat tawaran sekiranya pendaratan melebihi bilangan tertentu, maka pendaratan berikutnya adalah percuma. Satu benda yang kita perlu kaji bahawa semua kapal terbang ini bermula daripada bandar-bandar utama yakni pelancong-pelancong yang datang ini adalah pelancong-pelancong berkualiti bukan *back packers*.

Jadi apakah cadangan dan apakah pandangan Yang Berhormat Tambun untuk mengembalikan semula pelancong-pelancong berkualiti kerana semua syarikat penerbangan ini adalah syarikat penerbangan kelab premier. Apakah pandangan dan rancangan Yang Berhormat Tambun supaya pelancong berkualiti ini kembali datang ke negara kita, bukan kita yang pergi dekat dia, maknanya dia pun datang dekat kita kerana ini merupakan satu indicator kepada kemasukan bilangan pelancong ke negara kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih. Saya rasa biarlah Menteri yang menjawab. Saya pun rasa tidak seronok juga, empat penerbangan besar meninggalkan KLIA dan saya percaya ada sebab, biar Setiausaha Parlimen, biarlah pihak Menteri menjawab, mereka lebih *authority* daripada saya, jadi saya ucap terima kasih.

Tadi saya menyatakan bahawa dalam bidang pelancongan ini, sekarang ini dari segi penjualan pakej-pakej pelancongan, sudah banyak wujud syarikat-syarikat e-dagang ini. Di negara kita baru ada satu kalau tidak silap saya. Saya berharap kerajaan boleh melihat perkara ini dan memperkembangkan e-dagang dalam bidang pelancongan atau e-pelancongan, apa nama sahaja kita boleh pakai kerana kita lihat pelancong antarabangsa dia akan pergi kepada Internet dan akan menghubungi syarikat-syarikat untuk menjual pakej mereka.

Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit tentang penswastaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya sikit, tetapi....

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okey, sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Bandau.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat bagi Tambun tinggalkan bidang pelancongan, saya ingin meminta pendapat pada pihak beliau. Usaha kerajaan untuk membangunkan sektor pelancongan memang tidak dinafikanlah, banyak juga, termasuk sokongan pihak perbandaran dari segi kewangan. Tetapi, saya melihat satu sektor yang walaupun banyak kali disebut-sebut iaitu sektor domestik tidak dieksploitasikan sepenuhnya. Walhal ini satu sektor yang bukan saja satu sektor yang begitu terbangun secara semulajadi, tetapi juga boleh mengganti outflow dengan izin *foreign exchange* dengan izin. Masalahnya ialah promosi itu tidak luas sama sekali. Saya pernah berucap tahun lalu pada belanjawan, minta senarai-senarai misalnya pusat-pusat *agro-tourism* di negara kita. Yang dia bekal itu, tidak ada yang berkaitan dengan pertanian dan seterusnya. Rakyat kita di Sabah dan Sarawak...*[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang sangat Yang Berhormat ini bincang pasal rakyat.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Hampir ke sana, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat kita di Sabah dan Sarawak adalah begitu banyak sekali untuk datang ke mari dan rakyat kita di Malaysia di sebelah Semenanjung pun saya percaya boleh diperluaskan lagi ruang untuk melawat ke negeri Sabah dan Sarawak daripada kita amalkan mereka melawat ke Thailand, ke Indonesia dan seterusnya. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa ini satu sektor yang berpotensi besar, usaha yang dibuat sekarang belum mencukupi dan pada pandangan Yang Berhormat, yang perlu dibuat selain daripada mengurangkan tambang kapal terbang, promosi dan seterusnya yang boleh dibuat untuk menggalakkan lagi eksploitasi domestik pelancongan kita. Terima kasih

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandau. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Memang ejen pelancongan kita lebih mirip kepada menjual tiket untuk pakej luar negara. Ini bermakna kita perlu meningkatkan lagi dari segi mempromosikan pelancongan domestik.

Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit sahaja tentang penswastaan ini. Saya ingin menyatakan kepada kerajaan bahawa dasar-dasar penswastaan ini lahir daripada fahaman *neo-liberal* yang saya sentuh semalam yang menyatakan bahawa dalam bidang perkhidmatan dan barangan, pihak kerajaan tidak efisien untuk melaksanakan dan ini perlu dilaksanakan oleh pihak swasta. Ada kebenaran tetapi ada juga tidak kebenarannya perkara ini.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak kerajaan hendaklah meneliti sebelum melaksanakan program-program penswastaan. Kita sedar dalam kita melaksanakan program penswastaan pada masa lalu, kita dapati ada yang gagal kerana antara dasar mengapa penswastaan ini dilaksanakan adalah atas tujuan untuk memaksimumkan sumber. Dikatakan pihak swasta lebih efisien dan lebih produktif lagi dalam melaksanakan industri perkhidmatan dan produk. Tetapi, kita sedar tidak semestinya begitu. Dalam krisis ekonomi, kita dapati sektor swasta yang telah diberi peluang, sebenarnya tidak begitu efisien dan begitu produktif. Maka, jika ini dijadikan alasan penswastaan, maka kegagalan yang lalu, membuktikan bahawa kita perlu melihat balik akan program-program penswastaan.

Dari segi kaca mata saya melihat, ada lagi beberapa sektor-sektor yang kerajaan pegang yang ada kemungkinan masa akan datang akan diswastakan seperti kesihatan, perlesenan kenderaan, penyiaran, pendidikan dan termasuk pinjaman pendidikan dan tentulah ada projek-projek lain infrastruktur dan sebagainya. Saya masih lagi percaya pada konsep ada bidang-bidang perkhidmatan tertentu yang tidak boleh diserahkan kepada pihak swasta – kerajaan yang mesti buat.

Di samping itu, untuk mencapai matlamat supaya program penswastaan ini berjaya, saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita, mesti ada proses pemilihan yang betul. Saya harap satu sikap meletakkan '*acid test*' dalam pemilihan ini diletakkan supaya kita dapat memastikan bahawa syarikat-syarikat yang menerima projek-projek penswastaan ini betul-betul berdaya maju, mempunyai kapasiti untuk melaksanakan. Dalam perjanjian penswastaan, mesti tidak ada satu

*clause* meletakkan bahawa kerajaan boleh ambil balik kerana saya rasa ini amat berbahaya. Apabila pihak swasta tahu yang kerajaan boleh ambil balik, jadi akhirnya *fall back* adalah kepada kerajaan. Kalau rugi kepada kerajaan. Jadi, tidak perlu ada *clause* tersebut bagi melindungi sektor....[Disampuk]

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Hendak bagi jalankah?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Boleh saya habiskan?

**Tuan Chang See Ten:** Tanya sikit tentang penswastaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Tambun tentang penswastaan seperti IWK yang mana kita nampaknya telah gagal dan pihak kerajaan perlu ambil balik daripada pihak swasta. Dengan kegagalan ini, apa pandangan Yang Berhormat tentang penswastaan lain-lain perkhidmatan yang selama ini dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan seperti kerja-kerja angkat sampah, kerja-kerja membersihkan parit dan membersihkan jalan dan lain-lain yang selama ini adalah tugas utama pihak berkuasa tempatan. Adakah kerana kegagalan pihak IWK ini, pihak kerajaan akan tidak menswastakan apa-apa fungsi-fungsi utama pihak berkuasa tempatan seperti yang saya sebutkan tadi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tambun. Sekian, terima kasih. .

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Sepertimana yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menilai semula dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Saya cuba lihat begini Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelupusan sampah, bila diswastakan, dia akan pergi kepada syarikat swasta dan pendapatan syarikat swasta ini adalah daripada kutipan hasil cukai pintu *assessment* tahunan. Sebahagian daripadanya diberikan kepada swasta. Sekiranya kos untuk pelupusan ini tinggi, maka akhirnya akan dipindahkan kepada penduduk dan ini tentunya merugikan. Begitu juga dari segi pungutan sampah, rumput dan sebagainya. Itu saya harap perkara ini diberi perhatian.

Saya juga berharap daripada projek penswastaan ini, tidak berlaku sistem monopoli yang kita beri kepada satu syarikat. Kita sedar dalam dunia, memang orang tidak suka kepada monopoli kerana monopoli ini boleh mengakibatkan pasaran tidak begitu efisien, tidak ada persaingan. Yang monopoli ini, akan begitu malas. Jadi, tidak membuat R&D, tidak membuat pembaharuan, tidak membuat kos

efisien dan sebagainya. Akhirnya kos untuk perkhidmatan tersebut akan dipindahkan kepada rakyat dan rakyat akan rugi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang saya sentuhkan sebagai sumbangan saya kepada perbincangan Rancangan Malaysia Kelapan dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Pendang.

**11.44 tgh.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan ucapan saya dengan membaca sepotong ayat Al-Quran yang berbunyi [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ertinya “*Dan jika mereka istiqamah, konsisten di atas jalan yang benar, nescaya akan kami limpahkan kepada mereka air yang banyak iaitu, akan dilimpahkan rezeki dan kemewahan.*” Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan seperti yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri semalam.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan amat terima kasih kerana dokumen mengenai dengan Rancangan Malaysia Kelapan ini telah dibentangkan lebih awal sepertimana yang kita harapkan dilakukan ketika kita membincang mengenai dengan RRJP3. Nampaknya sikap dan pandangan yang diberikan oleh pembangkang dalam hal ini telah diberi perhatian dan kita harap pandangan-pandangan lain yang akan diberikan dalam perbahasan mengenai dengan Rancangan Malaysia Kelapan ini juga akan diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Sekali lagi kita akan membahaskan satu Rancangan Jangka Sederhana yang akan menjadi panduan kerajaan dalam melaksanakan pentadbiran dan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun akan datang. Apa yang disarankan untuk lima tahun akan datang kelihatannya adalah kesinambungan program lima tahun yang lalu. Ini tidaklah mengejutkan atau menimbulkan tanda tanya kerana banyak matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh masih tidak tercapai sepenuhnya.

Sasaran untuk perumahan awam umpamanya tidak tercapai. Usaha meningkatkan ekuiti bumiputera tidak kesampaian malah *stagnant* untuk sepuluh tahun yang lalu. Usaha membasmi kemiskinan juga tidak berhasil sepenuhnya.

Sektor pertanian yang melibatkan ramai orang Melayu telah merudum. Program penswastaan diwarnai oleh proses pengambilalihan semula oleh kerajaan. Pencapaian prasarana, pencegahan kesihatan merosot dan banyak lagi kalau kita teliti secara halus dokumen yang disediakan. Amat payah untuk mengemukakan idea-idea baru seandainya budaya kerja yang telah menggagalkan Rancangan Malaysia Ketujuh masih wujud dalam pengurusan negara daripada peringkat tertinggi hinggalah ke bawah.

Amat susah untuk membuka medan baru dalam mengendalikan ekonomi seandainya ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan negara masih bercelaru. Payah untuk kita mempercayai hasrat serius kerajaan untuk meletakkan pemulihan ekonomi pada rel yang lurus seandainya orang yang disiasat kerana rasuah diambil untuk memberi nasihat ekonomi kepada Ketua Eksekutif Negara.

Beberapa terminologi baru dalam Rancangan Malaysia kali ini adalah ke ekonomi, perkataan pintar dan bestari yang mana diperkenalkan bagi menyesuaikan dengan pembangunan ICT yang menjadi agenda besar Kerajaan Barisan Nasional. Namun, kita tidak merasakan kekaguman idea-idea baru ini kerana dunia telah menyaksikan perangai pemimpin Barisan Nasional yang tidak mematuhi dan mengikuti proses perkembangan IT di negara ini. Lebih mencemaskan ialah pusat ICT negara, Cyberjaya kini terkenal sebagai pusat pembangunan hartanah, bukan IT. Sambutan syarikat bertaraf MSC di Cyberjaya amat dingin. Persoalannya sekarang bukanlah status draf perancangan yang elok dibaca tetapi sama ada peringkat pelaksanaannya dapat dilakukan dengan telus. Kita tidak mahu Rancangan Malaysia Kelapan ini menjadi seperti peribahasa Melayu mengatakan 'indah khabar dari rupa', konsepnya baik, program yang dirancang adalah baik tetapi pelaksanaannya tidak menepati dengan apa yang dirancang.

Persoalannya bukan jumlah hospital baru dan jumlah katil yang bertambah yang dibantah oleh rakyat tetapi bagaimana projek-projek hospital ini dianugerahkan kepada beberapa kumpulan kroni-kroni melalui proses penganugerahan yang menimbulkan banyak persoalan.

Soalannya bukanlah jumlah pusat pendidikan baru seperti 10 buah pusat matrikulasi yang dibina oleh Maju Holdings tetapi mengapa anggaran JKR tidak diterima, akhirnya jumlah kos tendernya meningkat hampir 100% kepada RM1 bilion.

Soalannya bukan usaha membesarkan Lapangan Terbang Alor Setar tidak penting tetapi mengapa yang dapat tender melalui perundingan langsung (direct

negotiation) ialah syarikat usahasama Muhibbah Engineering Bina Quarry JV yang telah pun mendapat projek besar membina kem group khas di Mersing, Johor dengan kos RM420 juta dan pangkalan marin di Sepagut Bay di Kota Kinabalu yang mencecah RM2 bilion. Rakan-rakan dalam backbenchers BN pasti tahu siapa di belakang syarikat yang saya sebutkan tadi.

Kini kita dengar pula JKR telah membuat anggaran sebanyak kira-kira RM29.5 juta untuk membaikpulih bangunan Parlimen kita ini dan sedang menunggu berapa jumlah kos tender yang akan dianugerahkan dan syarikat kroni mana pula yang akan dapat projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan Rancangan Malaysia Kelapan yang akan membelanjakan kira-kira RM110 bilion untuk pembangunan daripada sejumlah RM322 bilion yang diperuntukkan, sekali lagi adalah program pembangunan fizikal yang bertujuan untuk memberikan kualiti hidup rakyat melalui strategi pemba smian kemiskinan rakyat diharap akan menikmati kehidupan yang lebih baik dengan kemudahan asas yang munasabah.

Melalui pembentukan masyarakat penyayang diharapkan perpaduan antara kaum akan wujud di setiap lapisan komuniti. Melalui penstrukturan semula masyarakat diharapkan jurang kemiskinan antara etnik dan dalam satu etnik dapat dirapatkan. Melalui beberapa *affirmative action*, dengan izin, untuk kaum bumiputera diharapkan pengagihan kekayaan negara dapat memperkasakan golongan berpendapatan rendah. Keadilan yang dilaungkan sepatutnya dapat dirasakan di seluruh negara tanpa mengira parti yang memerintah negeri-negeri.

Apa yang berlaku ialah sebaliknya. Peristiwa pertumpahan darah di Kampung Medan...

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Mengetuk mikrofon]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah ketuklah Yang Berhormat. Rosak *mike* kita ya. Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri penjelasan, benarkan?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sila.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ketua Pembangkang. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang berhubung dengan soal keadilan kepada golongan miskin.

Apa yang berlaku di Terengganu, untuk makluman Yang Berhormat bagi Pendang, borang-borang bantuan yuran peperiksaan PMR, SPM dan STPM untuk pelajar-pelajar miskin di bawah pembiayaan wang ihsan dibahagi kepada sekolah-sekolah untuk membantu pelajar-pelajar miskin. Apabila pelajar-pelajar ini mengisi borang ini dan di bawahnya iaitu di bahagian muka dua ditulis berhubung dengan pengesahan daripada Pengerusi JKKK dan ditulis lagi, ataupun PP Parlimen.

Pelajar-pelajar sekolah ini dia tidak mengerti apakah makna PP Parlimen. Dia datang jumpa saya sebagai Ahli Parlimen kawasan berkenaan untuk mendapatkan pengesahan Parlimen sebab mereka melihat PP Parlimen. Jadi, apabila saya tandatangani mengesahkan borang ini betul, memang pelajar ini pelajar miskin, dihantar ke sekolah, pihak sekolah telah menolaknya.

Kemudian saya cuba pastikan apakah erti PP Parlimen itu, rupanya disebut oleh kawan-kawan kita sebagai perompak dan penyamun. Apakah Yang Berhormat sedar perkara ini berlaku? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak berapa kena.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah jawab Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini ada pun salinan borang di tangan saya ini mengesahkan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu. Borang ini ialah borang yang dikeluarkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu iaitu Pejabat Kerajaan Pusat yang menumpang di Terengganu.

Borang ini, Program Pembiayaan Wang Ihsan Negeri Terengganu. Satu permintaan yang dipohon oleh seorang pelajar bernama Fauziah binti Abdullah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Penarik dalam kawasan Setiu. Dalam borang ini diisikan pendapatan isi rumah keluarga Fauziah ini ialah sebanyak RM300 sebulan dan bapanya mempunyai 4 orang anak yang masih bersekolah.

Memang dalam borang ini disebutkan dia perlu mendapat pengesahan sama ada Pengerusi JKKK ataupun PP Parlimen atau PP Dewan Undangan Negeri dan dalam borang ini telah ditandatangani untuk menyokong dan mengesahkan butir-butir yang diisi dan disokong oleh Ahli Parlimen Setiu tetapi permohonan ini ditolak kerana menunjukkan diskriminasi berlaku. Inilah yang kita katakan "indah khabar

dari rupa". Selagi sikap pemimpin kerajaan tidak berubah, masyarakat tidak akan berubah. Inilah yang ditegaskan oleh Allah Taala dalam Al-Quran. *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran]*

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti, biar dia selesai dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Perubahan itu mesti bermula daripada sikap dan hati. Kalau sikap pemimpin kerajaan tidak berubah, tidak usah dibentangleh berapa puluh rancangan pun. Tidak usahlah pegawai-pegawai tinggi memikirkan pelbagai idea untuk diberikan kepada kerajaan jikalau sikap kerajaan itu sendiri tidak mahu ada perubahan. Kedengian mereka dan sikap penindasan mereka berterusan, matlamat yang dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tidak akan dapat dicapai.

Begitu juga baru-baru ini, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, berlaku di kawasan Kulala Kedah, kawasan sahabat saya. Satu program...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalankah ataupun bagaimana?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak selesaikan perkara ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduk.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Satu program yang dipanggilkan Program Mesra Pelajar kah dibuat di Sekolah Kebangsaan Haji Ismail di pekan Kuala Kedah di mana program itu bertujuan untuk memberi hadiah wang tunai dan beberapa jenis barangan kepada pelajar-pelajar cemerlang yang diambil daripada beberapa buah sekolah yang berdekatan dalam kawasan Kuala Kedah.

Kemudian, pihak sekolah menyenaraikan nama-nama pelajar-pelajar yang dianggap cemerlang yang telah membuktikan kejayaan mereka yang cemerlang. Program ini dihadiri oleh Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga yang menyampaikan hadiah itu. Mungkin...

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ....Menteri yang berkenaan... Ha, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Mungkin Menteri yang berkenaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat Ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak selesaikan ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia selesaikan dahulu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Mungkin Menteri yang berkenaan tidak tahu tetapi apa yang berlaku, sebelum hari penyampaian hadiah itu, Penolong Kanan sekolah yang berkenaan telah memanggil beberapa orang pelajar yang telah disenaraikan untuk mendapat hadiah dan surat jemputan untuk menerima hadiah itu pun telah diberi kepada pelajar yang berkenaan dan waris pelajar pun telah tahu, dipanggil dan ditanya semula kepada pelajar itu, apa dan bagaimana sikap politik bapa kamu? Apakah bapa kamu ini menyokong Parti Kerajaan atau menyokong Parti Pembangkang?

Dan apabila pelajar itu, saya ingat dalam Tahap 6 atau Tahap 5 mengatakan bahawa bapanya penyokong PAS, penyokong Parti Pembangkang, maka surat tawaran jemputan itu diminta dan ditarik balik dan nama pelajar itu pun digugurkan sehingga pelajar itu pun menangis kerana terasa malu di hadapan rakan-rakannya dan ini dilakukan oleh pihak agensi-agensi kerajaan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Jadi, inilah yang kita katakan "indah khabar dari rupa".

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini minta sedikit keadilan...

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Peringat dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia bagi Peringat dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya ingat ada keadilan, bagi kerajaan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Selepas ini saya akan bagi. Jangan bimbang, insya -Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya tertarik dengan apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat tentang kita memerlukan kepada suatu perubahan sikap pemimpin kerajaan. Selagi sikap ini tidak berubah, selama itulah rakyat akan terus teraniyai dan terseksa sepanjang hayat.

Jadi, soalnya bagaimana cara hendak mengubah sikap pemimpin kerajaan yang begitu keras ini? Kalaupun mereka tidak mahu lagi dengar kata Allah, tidak mahu dengar kata Rasul dan tidak mahu dengar suara rakyat, jadi bagaimana lagi cara kita hendak mengubah sikap ini? Minta penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memanglah satu perkara yang sukar untuk merubah sikap seseorang individu, lebih-lebih lagi apabila sikap itu sudah berakar umbi dalam diri seseorang itu. Sebab itulah dalam sejarah pun, Nabi Muhammad s.a.w mengambil masa yang begitu panjang untuk merubah sikap manusia di Mekah kerana sikap yang sudah sebatu dengan diri seseorang itu memang sukar untuk diubah. Sebab itu, bagi seorang Islam, mereka perlulah menginsafi dan mengingati akan hakikat diri mereka dan ke mana mereka akan sampai akhirnya.

Kalau manusia itu masing-masing mengingati akan hakikat diri mereka dan kelemahan-kelemahan diri mereka dan tidak menganggap diri mereka sahaja yang penting, orang lain tidak penting. Dia sahaja yang tahu, orang lain tidak tahu. Jadi, selagi ada sikap-sikap yang sedemikian, sukarlah untuk membuat perubahan. Sebab itu kalau...

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada lagi yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ... sebagai satu petunju k. Saya tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** **Ada 3 orang lagi.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Itulah satu petunjuk yang memberi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi, tidak bagi jalan belaka, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Belum, belum, saya tidak bagi lagi. Sebagai satu petunjuk yang diberikan oleh Al-Imam Musshafie rahimawullah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya hendak pasti dahulu Yang Berhormat. Yang berdiri ini hendak bagi jalankah tidak bagi?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak selesaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk belaka.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tadi kata selepas Peringat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak selesaikan jawapan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak selesai jawapan dahulu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...kepada soalan yang dibangkitkan oleh wakil Peringat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Sri Gading.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Imam Shafie r.a ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dahulu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...menyatakan sikapnya yang terbuka iaitu dia sentiasa memandang kepada setiap orang yang berdebat dengan dia atau berhujah dengan dia bahawa kemungkinan pandangannya salah dan pandangan orang lain tidak betul. Itulah sikap yang terbuka, yang boleh melakukan perubahan.

Selagi kita menganggap bahawa pendapat kita sahaja yang betul dan pendapat orang lain semuanya tidak betul, selama itulah tidak akan berlaku perubahan. Saya sangat dukacita dengan sahabat kita daripada Tambun tadi yang menganggap bahawa orang lain tidak penting, Yang Berhormat bagi Yan tidak penting, yang penting dia sahaja. Jadi, ini satu sikap angkuh yang tidak wajar ada kepada seseorang yang hendak menjadi pemimpin.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada empat orang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Parit Buntar. Dia bagi orang dekat dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tadi kata Sri Gading selepas Peringat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak apalah, selepas ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini hak dia Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Selepas ini Sri Gadinglah agaknya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Menyampuk*]

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sungguh tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat beberapa ketika dalam ucapan tadi tentang ketelusan, tentang moral, tentang etika, tentang pertanggungjawaban. Di hadapan saya ini adalah yang kita petik tulisan daripada Internet dan tulisan ini saya rasa kena diteliti sebab mempunyai celaan-celaan yang sangat serius kepada anggota Kabinet.

Tajuknya ialah "How Rich Are Malaysian's Cabinet Ministers", Kekayaan Menteri Kabinet Malaysia....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak, tidak, saya hendak baca sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dalam ini ada menyebutkan pada 13 April, *New Straits Times* telah menyiarkan di muka hadapan kisah kekayaan menteri-menteri Kabinet Thailand. Mereka telah pun mengisytiharkan harta mereka sekitar dua bilion dan diisytiharkan dalam bentuk *public*, bukan diisytiharkan kepada Perdana Menteri tetapi di Malaysia, diisytiharkan kepada Perdana Menteri, tidak diisytiharkan kepada *public* yang akhirnya ini akan menimbulkan tanda tanya yang sangat besar.

Antara tanda tanyanya, kata laporan ini, "Pada dasarnya..." saya quote.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini macam baca surat layang Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak, tidak, ini bukan surat layang.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau bukan surat layang, fakta apa...

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya hendak minta nafikan. Saya hendak minta nafikan...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya pun minta baca juga tuduhan dalam Internet...

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** ...Ini bukan surat layang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** ...selama ini pun...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ... yang menuduh pemimpin sebelah sana. Kita ada satu kenyataan Yang Berhormat. Ini...

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Ini *floor* saya ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Rompin ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita bercakap pada perkara yang benar. Di dalam Dewan ini tidak boleh bawa surat layang apa yang orang tulis, melainkan kita ada satu data yang betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini kata Ahli Parlimen *world-class*. Saya rasa kalau menggunakan tuduhan-tuduhan begitu...

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Rompin, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....saya rasa ini satu....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tidak tahulah ini masih lagi *world-class* atau tidak.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak, saya hendak membacakan kenyataan daripada Internet...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tetapi kita mesti baca, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** ...sama ada betul atau tidak betul.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...perkara-perkara yang sah.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya hendak minta ulasan daripada Ketua Pembangkang....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau dalam Dewan..

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya tidak minta ulasan daripada Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita membacakan... Saya boleh baca juga apa yang ada dalam Internet.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak apa, baca. Sila bacakan! Ini untuk *public consumption*.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini Dewan, ini apa ini...

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Itu untuk *public consumption*. Sebagai wakil rakyat, saya bertanggungjawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** ...untuk membentangkan dalam Dewan ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, saya pun bertanggungjawab dalam Dewan ini, tidak digunakan untuk politik masing-masing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dua-dua duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya pun bertanggungjawab. Saya pun Ahli Parlimen Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, duduk Rompin ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Menyampuk*]

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya hendak tanya Ketua Pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduk Rompin ya.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Ini *floor* saya, saya hendak ...

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya bagi jalan kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ringkas paling ringkaslah tanya kepada Ketua Pembangkang. Terus jawab.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...Parit Buntar.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya hendak quote.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau panjang sangat baca, panjang daripada orang berucap nanti.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Bagi saya setengah minit. Saya hendak quote sahaja. Pada dasarnya para Menteri Kabinet Malaysia menjadi kaya-raya ketika memegang tampuk kuasa.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order 36(1). Perkara yang diujah ini apa kena-mengena dengan perbincangan kita ini?

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Yang kena-mengenanya ialah soal.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya kepada Ketua Pembangkang apa dia.....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Yang kena-mengenanya ialah soal akauntabiliti, soal maruah, soal reputasi.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tetapi faktanya mesti fakta yang sebenar.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Mana saya tahu fakta yang sebenar, ini bukan boleh dibuat.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya boleh tuduh juga, kalau saya kata Yang Berhormat kahwin malam tadi, saya baca dalam Internet.....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Okey, tak apa.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ada undang-undangkah Dewan ini? Tuan Yang di-Pertua, ada undang-undang ke Dewan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak tahulah, saya pun tak faham. Saya suruh duduk, tidak mahu duduk. Saya suruh duduk, duduklah.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya hendak membacakannya, how could that this one be spilled, saya hendak tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduklah dahulu, kalau semua sudah berdiri macam mana saya hendak membuat

keputusan. Sebab kita patut berfikir secara rasional Ahli Yang Berhormat ini orang yang berilmu belaka. Jadi kadangkala fikirilah masing-masing mana yang patut. Saya tegur itu dengarlah, bukanlah pula saya hendak buat sampai saya pun terjerit-jerit di sini, tidak ada maknanya apa-apa. Kalau sekiranya masing-masing hendak mendengar peraturan yang kita ada, berilah peluang saya untuk menjelaskan. Kalau tidak memberi saya menjelaskan, macam mana saya hendak memaksa mesti dengar apa yang saya cakap. Jadi saya minta ikutlah peraturan kalau sekiranya ada kaitan dengan apa yang dicakap. Kalau membuat soalan itu biarlah soalan itu tidak begitu panjang, tepat terus kepada matlamatnya. Jadi senanglah benda itu tidak berpanjangan. Jadi macam mana Yang Berhormat bagi Pendang hendak mendengar dahulu?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak memberitahu wakil rakyat world class ini, ini kampung class hendak bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Point of order macam mana ya.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** 23(1), minta maaf 23(i).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** 23, berapa?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** 23(i) muka surat 28, dalam buku ini. Ahli Parlimen world class ada peraturan, ya. "Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan betul atau tidaknya penerangan-penerangan dalam surat-surat khabar atau penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh seseorang bagi dirinya sendiri". Ini jelas kalau dalam surat khabar pun kita tidak boleh bertanya sama ada betul atau tidak betul, ini Internet, world class apa ini? Tidak puas hati dengan Internet, jawablah dengan Internet, bukan hendak bertanya di dalam Dewan. Ini Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Bila kita membincangkan tentang IPO tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahululah, bila peraturan mesyuarat, saya kena jawab pula.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ini Peraturan Mesyuarat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk dahulu Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Peraturan Dewan kata tidak boleh, tidak bolehlah. Jawablah dalam Internet, Yang Berhormat pakai Internet - world class. Ini bukan kampung, kalau kampung bolehlah Yang Berhormat tipu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduklah.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Di Sungai Burung bolehlah Yang Berhormat kelentong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tarik balik 'tipu'..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah Yang Berhormat bagi Jeli, tidak usah berterusan, dia menjadi benda lain nanti, Yang Berhormat. Yang saya belum putuskan lagi Peraturan Mesyuarat yang lain, penyudahnya tidak ada kesudahan, cakaplah semua siapa yang hendak bercakap.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dahulu Yang Berhormat bagi Rompin, biar saya membuat keputusan. Jadi peraturan itu memanglah jelas begitu tetapi kadangkala semua yang bercakap mengeluarkan bermacam dokumen, masing-masing bercakap. Kita benarkan tetapi janganlah sampai melampau yang bukan-bukan. Sebab masing-masing kadangkala semua ada menggunakan surat khabar, macam-macam keadaan tetapi hanya kadangkala soalan itu biarlah soalan itu tidak menyakit hati orang dan sebagainya. Itu maksud yang paling baik.

Jadi kalau meminta penjelasan pada Yang Berhormat bagi Pendang, minta penjelasan sahajalah, jangan terlalu banyak merayau-rayau ke lain tempat, jadi susahlah. Adalah orang yang lain rasa sakit hati dan tentulah menimbulkan pelbagai persoalan dan membangkitkan pelbagai peraturan mesyuarat. Jadi, siapa-siapa yang membuat soalan itu eloklah kalau betul-betul cara rasional. Jadi, cuba selesaikan Yang Berhormat bagi Parit Buntar, apa yang dikehendaki.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya hanya hendak membacakan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat, apa yang dikehendaki..

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak membacakan lagi macam mana hendak cukup, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah dengar tadi.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak habis, macam mana kita hendak bercakap..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau panjang sangat, susahlah.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak, tidak panjang, saya tanya tadi kurang daripada setengah minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau hendak berlawan dengan saya pun lagi susah saya hendak membuat keputusan. Saya sudah dengar apa yang telah dibacakan tadi. Jadi, saya minta mengemukakan apa penjelasan yang dikehendaki daripada Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Penjelasaannya ialah tentang disebut dalam artikel ini yang mempersoalkan tentang kredibiliti Menteri-menteri dan sebagainya. Adakah ini juga merupakan satu perkara yang merupakan barah dalam sistem pemerintahan, dalam sistem pentadbiran macam yang disebutkan tadi oleh Ketua Pembangkang. Kalau ini yang berlaku tidak guna sebenarnya kita membentangkan rancangan-rancangan pembangunan seperti Rancangan Malaysia Kelapan ini. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya dari Parit Buntar, sebab itu sejak dahulu lagi pun kita menekankan soal Menteri Kabinet, Exco melaporkan harta mereka itu perlu dibuat secara lebih telus, ertinya bukan sahaja Menteri melaporkan kepada Perdana Menteri dan Perdana Menteri menyimpan rekod-rekod itu untuk dirinya sahaja. Persoalan yang kita pernah bangkitkan kalau Menteri membuat laporan tentang harta miliknya atau keluarganya kepada Perdana Menteri, Perdana Menteri kepada siapa pula melaporkan harta miliknya. Inilah yang menjadi persoalan tidak ada ketelusan.

Sebab itu kalau kerajaan Thailand boleh menjadikan laporan milik harta oleh Menteri-Menteri mereka.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** .. untuk ditatapi oleh public dan public boleh ikut menilai dari masa ke semasa, memantau tentang apakah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri, hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** .. tindakan-tindakan yang dibuat itu dan penambahan harta seseorang itu berlaku dengan cara yang betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Jadi, sebab itulah kita mencadangkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta jawablah, layan saya dahulu Yang Berhormat, kalau tidak susahlah saya, hendak beri jalan ataupun tidak?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sekejap, sedikit lagi. Sekejap lagi saya beri. Nak selesaikan ni dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha! sedikit lagi dia beri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sabar, sabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sedikit lagi dia beri Yang Berhormat, dia sudah janji itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya akan beri, insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk sekejap ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sebab itu kita menekankan kalau dari segi semangat Islam sebab UMNO pun sekarang pun bercakap fasal Islam sebab kita tahu dia ambil orang-orang tertentu untuk bercakap bagi pihak dia. Dia kena patuhi, dia kena buktikan dengan amalan dia. Kalau kita ambil contoh Sayidina Omar Ibnu Khattab r.a. Bagaimana dia memantau perubahan-perubahan yang berlaku kalau ada di kalangan pegawai-pegawai tinggi dia, gabenor-gabenor dia, perubahan-perubahan cara hidup dan sebagainya untuk memastikan bahawa tidak

berlaku apa-apa penyelewengan dalam pentadbiran mereka. Beliau sendiri pun mendedahkan dirinya untuk dikritik, untuk ditegur, untuk dipantau.

Jadi, inilah yang kita harapkan supaya rakyat lebih berpuas hati dengan apa yang dicapai kekayaan yang diperolehi oleh seseorang Menteri ataupun pemimpin yang bertanggungjawab ke atas wang awam. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang, Dato' daripada kawasan Pendang. Terima kasih kerana memberikan sedikit ruang kepada saya. Bagi orang PAS mengakui dirinya sebenar-benar Islam, mengamalkan seluruh hukum-hakam Islam, bagi orang PAS merekalah orang yang paling alim....

**Seorang Ahli:** Soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalan sampailah, sabarlah, hendak menceritakan. Memang ramai orang kagum kepada kepimpinan PAS kerana imej yang dibawa menunjukkan keislaman sejati..... *[Tepuk]*

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Hendak borang saya beri, Datuk .

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagi orang PAS, pemimpin PAS, yang lain itu tidak Islamlah, salahlah, zalimlah, taghutlah, firaunlah. Maknanya yang 'jelik-jelik' kata orang Indonesia itu semuanya berada di luar daripada PAS ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya, Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hendak sampai Dato'. Fasal saya tertarik dengan 'indah khabar dari rupa' ini, yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, indah khabar daripada rupa tentang Rancangan Malaysia Kelapan yang dibentangkan semalam. Tetapi dalam saat yang begitu dia kata dasar pula baik, matlamat pula baik. Tetapi dia pun menggunakan ungkapan 'indah khabar dari rupa'. Saya bimbang PAS ini pun indah khabar dari rupa. Indah daripada segi nama tetapi rupanya tidak seperti yang kepada nama. Bagi orang PAS..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat, panjang sangat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalan ini, wang bantuan kepada penuntut/pelajar di negeri Terengganu dia kata zalim, tidak adil tetapi saudara -mara

saya di Kemaman khususnya di Kampung Pasir Gajah, Yang Berhormat bagi Kemaman tahulah, kampung itu dia tahu ya. Dia kata itulah satu bantuan yang paling ditunggu-tunggu, mereka menerima dengan tangan terbuka, kepada mereka tidak zalim pula. Jadi, itulah dia, kepada orang PAS zalim, tetapi kepada setengah rakyat Terengganu merasai bahawa bantuan itu benar-benar mereka perlu dan mereka terima. Jadi, ungkapan daripada Yang Berhormat bagi Pendang ini tidak tepat kerana semua ungkapan ialah kerana kepentingan PAS semata-mata tetapi bukan kerana kepentingan rakyat.

**Seorang Ahli:** Tidak ada soalan. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada sahabat saya dari Sri Gading. Adakah beliau mendengar tadi saya mengatakan apa yang dikatakan tadi. Saya tidak mengatakan bahawa orang PAS yang sempurna blam. Kita sebenarnya sebagai seorang Islam, kita dalam membina diri untuk mencapai tahap kesempurnaan itu. Itulah Al-Imam Hassan Basri rahimahullah menyatakan bila ditanya kepada dia, apakah tuan beriman, dia menjawab, ada dua tahap. Kalau engkau maksudkan dengan iman seperti yang dituntut oleh ayat Al Quran *[Membacakan sepotong ayat Al Quran]* yang bermaksud, wahai orang yang beriman dan beriman kamu dengan Allah. Kata dia, saya beriman, tetapi kalau engkau maksudkan dengan iman yang dikehendaki oleh ayat *[Membaca sepotong ayat berbahasa arab]* yang bermaksud, sesungguhnya orang-orang yang beriman itu apabila disebut kebesaran Allah akan menggegetar hati mereka, mengakui dan tunduk kepada kebesaran Allah. Kata Imam Al Hasan Basri, sama-samalah kita berusaha untuk mencapai tahap keimanan yang sedemikian.

Jadi, begitulah juga soal Islam. Kita tidak boleh stagnant pada satu tahap tetapi kita harus meningkatkan keislaman kita. Jadi ini semua terbuka kepada semua orang, bukan orang PAS sahaja. Yang kita persoalkan kalau sesiapa juga yang melakukan kezaliman, zalimlah dia. Dalam kes ini, pelajar yang miskin yang hendak diberi peruntukan, bantuan untuk memasuki peperiksaan daripada wang royalti yang dirampas, yang ditukar nama, jadi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Tanjong Karang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ....dinafikan hak dia semata-mata kerana dia tidak disokong oleh JKK ataupun oleh PPP Parlimen yang mereka ini bukan Ahli Parlimen....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang berdiri, Yang Berhormat, hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ....sama juga dengan wang yang disebut baru-baru ini peruntukan untuk wakil rakyat Ahli Parlimen RM500,000 setahun untuk projek-projek....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri jalan, Yang Berhormat, ada yang berdiri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak selesaikan ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia tidak beri lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Untuk projek-projek dalam kawasan, diperuntukkan pula RM50,000 daripada RM500,000 iaitu 10% diberi untuk kegunaan peribadi Ahli Parlimen itu, bagi tujuan memberi sedekah, menziarahi kematian, kenduri-kendara. Saya ingin tahu dan mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, RM50,000 itu.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin berdiri.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya hendak bercakap macam ini. Dia tak dengar saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, nantilah dahulu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak beri jalan. Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggulah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ketua BBC tidak hormat langsung orang ini, berilah peluang, siapa peluang siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmmm!

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Orang tidak beri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak beri. Saya tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri jalan.

**[Dewan riuh]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua-dua duduklah!

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua-dua duduklah!

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Orang baru hendak ajar orang lama ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dak, beginilah, siapa-siapa berdiri, kalau orang berdiri yang bercakap tidak duduk bererti dia tidak beri jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hai, dia tidak beri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bercakap dengan Speaker. Berilah Yang Berhormat Pendang bercakap.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Orang tidak beri ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia belum kata beri atau tidak.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya tidak beri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak beri jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha, dia tidak beri, saya duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak beri, duduk.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak selesaikan dahulu apa yang dikemukakan oleh Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya dahulu. ...BBC ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan, kalau tidak beri saya duduk.

**[Dewan riuh]**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .... begitu kenapa?  
Saya minta jalan kepada Pendang.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Anak buah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Pembesar suara ditutup]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat. Sila duduk. Ha, duduk, duduk.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya ingin tahu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk kepada perkara lain pula, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ini satu kenyataan yang telah dibuat dalam Dewan ini yang tidak ada penafian, bila Yang Berhormat Kota Melaka mendedahkan perkara ini dan tidak ada penafian dan saya ingin mendapat penjelasan bagaimana dengan kedudukan kawasan-kawasan Parlimen yang dimenangi oleh pembangkang dengan peruntukan wang itu yang RM50,000 daripadanya atau 10% daripadanya diberikan untuk kegunaan peribadi Ahli-ahli Parlimen BN untuk digunakan memberi sedekah, membantu, melawat orang sakit, kematian dan kenduri kendara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Bagaimana dengan kawasan-kawasan Parlimen yang Barisan Nasional kalah sebanyak 45 kawasan Parlimen ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Peraturan mesyuarat 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Peraturan Mesyuarat 36(6). Sila duduk Yang Berhormat ya. Sila duduk, ini Peraturan Mesyuarat 36(6). Semua orang kena duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Ketua Pembangkang. Ini sangkaan jahat, menuduh yang kata RM50,000 untuk peribadi – tidak. RM50,000 itu boleh digunakan, kita kena beri resit penggunaannya. Ini peraturan dikeluarkan oleh kerajaan. Saya minta Tuan Yang di-Pertua, yang lain itu hak Yang Berhormat untuk memberi pandangan, sebagai Ahli Parlimen .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, cukup, cukup.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....yang ini salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini tidak benar. Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, terus kepada ucapan tetapi RM50,000 itu tidak benar, sangkaan jahat kononnya beri peribadi – tidak benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup ya. Duduk, duduk.

**Tuan Lim Hock Seng:** Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahululah, saya selesaikan satu-satu Bagan. Ya, saya hendak selesaikan dahulu. Bagan takkan tak tahu, sudah lama dalam Parlimen ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Rompin .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti, nanti dahulu. Kalau sekiranya ada membuat kenyataan-kenyataan yang sangkaan jahat, saya kira kita tak usahlah, kita kurangkanlah, sebab masing-masing kadang kala ada belaka. Saya kira benda ini sebab dibangkitkan biarlah pihak menteri yang berkenaan akan menjawab. Jadi, saya mintalah terus yang lain Pendang. Benda itu sudah jelas. Saya minta benda yang lain.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sebab itu saya katakan tadi, saya minta penjelasan, pekeliling yang memberitahu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ....kepada backbencher ini ditandatangani oleh Rompin.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Itu yang saya hendak tanya pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat. Ya, yang ke berapa Bagan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, 30 berapa?

**Tuan Lim Hock Seng:** Kalau mengikut 36(6) seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ketua Pembangkang dia menyebut secara am, dia tidak tunjuk kepada sesiapa, dia tidak tuju kepada Rompin, mengapa pakai 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah, dia sudah sebut kemudian tadi. Dia sudah sebut kemudian tadi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, ini tidak kena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat. Saya sudah bayangkan tadi. Sebenarnya kita sebagai manusia ini tidak mampu untuk hendak menyelami apabila orang bercakap itu betul-betul dia ada mempunyai sangkaan jahat. Saya sendiri pun saya tidak mampu. Dan mengatakan oh, si A ini bercakap ha, itu terus sangkaan jahat. Memang kita tidak mampu. Tetapi terpulanglah kepada masing-masing, semasa bercakap itu dengan niat yang bagaimana.

Jadi, apabila berbangkit hanya Pengerusi boleh memikirkan apakah perkara itu benar-benar sangkaan jahat ataupun tidak, kalau sekiranya benda itu jelas, maka kita kata itu sangkaan jahat, janganlah buat macam itu dan kita menasihatkan janganlah masing-masing cuba hendak mengeluarkan perkara-perkara yang mungkin menyentuh orang ataupun mengeluarkan perkara-perkara yang membuat sangkaan jahat. Itulah yang boleh kita fikirkan bersama.

Jadi, kalau boleh Pendang teruskan kepada perkara yang lain.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membuat sangkaan jahat kepada sesiapa. Saya hanya meminta penjelasan kepada Menteri berkenaan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** .....daripada menteri berkenaan bagaimana dengan kedudukan wang peruntukan RM500,000 kepada wakil-wakil rakyat Ahli Parlimen kepada kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pembangkang, terdapat 45 kawasan yang saya tahu di kawasan saya Pendang dan juga di kawasan saya Pokok Sena dan lain-lain kawasan di Kedah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, tiga orang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak selesaikan yang ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia minta selesai.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sekejap, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Diberi kepada Ketua Bahagian UMNO untuk membuat agihan. Adakah Ketua Bahagian UMNO yang tidak menjadi Ahli Parlimen itu juga diberi 10% atau RM50,000 daripada wang itu untuk kegunaan peribadinya, sama ada beresit atau tidak beresit, itu soal lain, adakah wang itu juga diberi kepada Ketua Bahagian UMNO di kawasan-kawasan yang UMNO kalah dan BN kalah untuk digunakan daripada wang RM500,000. Jadi, kita mahu, saya mahu ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ... saya mahu penjelasan daripada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah. Ada yang berdiri, Rantau Panjang. Ha, Tanjung Karang ya. Sila, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Yang Berhormat, saya juga hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat sebagai Presiden PAS, yang mana telah pun berjaya memerintah dua negeri. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat mengenai perisytiharan harta dan patut juga dipamerkan ataupun dimaklumkan kepada orang ramai ataupun kepada rakyat.

Sebagai Presiden PAS, adakah Yang Berhormat akan mengarah pemimpin-pemimpin di Terengganu dan juga Kelantan supaya mereka juga mesti isytiharkan harta dan mereka juga mesti pameran harta mereka macam Dungun ini kita pun tahu hebat, kereta pun besar. Jadi, kita pun hendak tahu juga harta dia.

**Tuan Mustafa bin Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak, saya belum habis lagi. Ha, kereta besar, salahkah saya cakap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, yalah, duduk, duduk. Ya. Daklah, takkanlah .....

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Dak, Yang Berhormat, dak, saya kata ....

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tarik balik.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Okay, saya boleh tarik, saya boleh tarik. Saya hendak tanya, saya nampak, Yang Berhormat pakai S320 betul atau tidak? Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup, cukup. Duduk.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Dak, bukan, betulkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, jangan soalan begitu Yang Berhormat. Cukuplah.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya okay, kalau Yang Berhormat tak pakai, saya tarik. Kalau Yang Berhormat betul pakai S320, saya tak tahu itu sebab tadi saya hendak cadang pada Presiden PAS supaya ahli-ahli wakil-wakil rakyat daripada Terengganu dan Kelantan juga kena isytiharkan harta, pameran supaya kita tahu, ini Exco-exco di Kelantan dan Terengganu ini saya hendak tanya, sudah isytiharkan harta atau belum? Dan adakah sebagai Presiden PAS Yang Berhormat juga akan mengarahkan mereka mengisytiharkan sebagaimana Yang Berhormat cadangkan kepada Barisan Nasional. Itu yang pertama.

Yang kedua, sebagai Presiden PAS, adakah Yang Berhormat juga akan mengarahkan Menteri Besar Kelantan supaya dua orang pembangkang di negeri Kelantan daripada Barisan Nasional juga diberi peruntukan seperti mana wakil-wakil rakyat daripada PAS dapat di negeri Kelantan, kerana saya dimaklumkan dua orang Barisan Nasional ini pembangkang di negeri Kelantan tidak dapat peruntukan. Itu sahaja saya hendak tanya dua soalan ini. Sebagai Presiden PAS Yang Berhormat boleh buat dasar. *[Tepuk]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kita memang sentiasa memantau perjalanan pimpinan dua buah .....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Dengarlah dahulu, apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Teruskan. Jangan buat macam itu Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Macam suara burung tiung. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Dan untuk negeri Terengganu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sama-samalah, kadang-kadang ada juga.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kita negeri Terengganu, memang Kerajaan Negeri Terengganu memberi peruntukan kepada empat orang wakil rakyat BN di Terengganu dan untuk Kelantan pada peringkat ini masih belum lagi kerana masalah kewangan. Ini saya sebutkan dengan terus terang. Tetapi untuk Kerajaan Pusat, kerajaan negeri-negeri lain yang mengaku mereka ini kaya, wang berbilion-bilion ringgit, tak cukup, yang dapat dengan cara halal, rampas lagi, rompak lagi, tidak boleh beri kepada pembangkang. Kenapa tidak diberi? *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat ya, teruskan kepada perkara yang lain. Isytihar harta tadi, tak tahulah hendak jawab atau tidak jawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini menuduh rompak ini termasuk kami semua di sini, 36(6). Kita ini bukan berpolitik di kawasan luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya rasa Ketua Pembangkang tolonglah .....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak beri jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kata kita pemimpin PAS, suara-suara kita ini suara Allah, suara Rasul seperti yang Peringat kata, menuduh kami ini, ini 36(6) ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah, duduklah, kalau hendak sebut 36 bersyarah bagaimananya, bila saya boleh buat keputusan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tak tahulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, 36(6).

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** 36(6) kalau kita mempunyai sangkaan buruk, jahat kepada ahli Dewan. ....tetapi tidak kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, selagi .....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** .... Kerajaan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang lain duduk semua Yang Berhormat, biarlah Pendang bercakap dahulu. Tak usahlah, penjelasan itu berlarutan pada had itu sahaja, tidak habis-habis.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, Jeli. Dia beri kepada Jeli. Dia beri kepada Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kubang Kerian, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian, dia beri kepada Jeli. *[Ketawa]* Takkanlah saya sebut Jeli pergi Kubang Kerian. *[Ketawa]* Macam itu tak jadilah kita. Lain sebut, lain orangnya yang hendak bercakap. Ye, silakan Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Soalan saya bersangka baik. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Wallahu'alam. Sila.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kerana saya tak ikut *feel*.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ..... sekarang ini dalam kenyataan, dalam pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi yang juga ..... *relax*lah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, teruskan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ... yang juga merupakan wira dunia ketiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pandang kepada saya Jeli. Ikut peraturan mesyuarat ya. Kalau Yang Berhormat pandang ke lain jadi masalah yang lain pula. Pandang kepada saya, saya pandang kepada Jeli. Ha, sila.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Hasrat besar dan cita-cita kerajaan ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara kita. Ini merupakan satu niat yang cukup baik. Tetapi sama ada semua kita sudah baca

ataupun tidak, saya hendak berdasarkan kepada kenyataan pada ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang mengatakan indah khabar dari rupa. Kemudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat ucapan bahawa kita telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, persoalannya Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ya, penjelasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah panjang itu.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sedikit sahaja, dua minit tak sampai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah tidak boleh, itu panjang Yang Berhormat untuk penjelasan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Bagi sesiapa, mungkin Rompin pun ada buku laporan Rancangan Malaysia Kelapan, dalam Jadual 3-1, sila rujuk bagi sesiapa yang membawa buku tersebut. Pada tahun 1997 kadar kemiskinan negara adalah 6.8%, pada tahun 1997 Jadual 3-1. Tetapi pada tahun 1999 kadar kemiskinan negara 8.1%, apakah ini yang dikatakan kadar kemiskinan semakin berkurangan. Sila rujuk Jadual 3-1. Minta penjelasan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, jangan cakap tak serupa bikin.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Itulah yang saya sebutkan pada awal tadi, sasaran program pembasmian kemiskinan tidak mencapai matlamat. Dan saya berterima kasih kepada Jeli kerana menyokong kenyataan saya dengan mempamerkan angka dan saya sebenarnya tidak mengatakan ini lebih indah khabar dari rupa, saya mengatakan saya bimbang kalau-kalau ia menjadi seperti pepatah Melayu "indah khabar daripada rupa". Sekarang betullah. Memang indah khabar dari rupa. *[Ketawa]*

Apa yang berlaku ialah di sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, peristiwa pertumpahan darah di Kampung Medan, kemiskinan petani dan nelayan, wang royalti ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tanjong Karang berdiri lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanjong Karang berdiri lagi. Hendak beri jalan? Oh, perisytiharan harta.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Sebagai Presiden PAS dia hendak beritahu, hendak suruh Exco-exco pengisytiharan harta ini pameran dekat balai-balai raya supaya rakyat tahu berapa banyak harta dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Nantilah dahulu Yang Berhormat, hendak jawab atau tak hendak jawab, Tanjong Karang itu. Nanti sekejap.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kerajaan Pusat ini sebagai bapa, kerajaan negeri sebagai anak. Bapa tunjuk contoh yang baik dahulu kepada anak. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kubang Kerian. Hendak beri jalan? Ya, sila.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Kerajaan Kelantan dan semua Ahli Exco termasuk pegawai-pegawai kerajaan, Setiausaha Politik, Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar, Setiausaha Sulit telah diarahkan untuk mengisi borang perisytiharan harta, telah lama perkara ini diamalkan. Saya sendiri semasa jadi Setiausaha Politik, tiap-tiap tahun mesti memperbaharui perisytiharan harta saya. Perisytiharan harta ini diberi satu salinan kepada Menteri Besar, satu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan satu salinan ialah kepada Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan di mana BPR adalah anggota kepada jawatankuasa ini.

Jadi, saya rasa adalah memalukan kepada Jabatan Perdana Menteri tak tahu perkembangan yang berlaku, sedangkan.....*[Disampuk]*

**Beberapa Ahli:** Ooo! Tak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah Yang Berhormat ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ....kerana Jawatankuasa Pengurusan Keutuhan Kerajaan terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, sudah panjang.

**Tuan Husam bin Haji Musa:**.....dan jawatankuasa ini begitu aktif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini lain pula, dia tanya Pendang tadi, Yang Berhormat pula yang menjawab,....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya hendak pohon penjelasan daripada Pendang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ....apa kena-mengena pula Yang Berhormat menjawab.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Penjelasan daripada Pendang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau setuju tanyalah setuju, jangan panjang sangat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya hendak tahu penjelasan daripada Pendang, pasal apa Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan ini tidak aktif lagi selepas Timbalan Perdana Menteri dipecat daripada kerajaan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat, yang lain pula.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini memang sukar untuk saya nak menjawab. Kita boleh menjawabnya mengapa jawatankuasa tidak aktif lagi kalau berlaku peralihan kuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh pergi kepada yang lain Yang Berhormat ya, panjang sangat itu.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payah penjelasan, tak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat, itu Menteri akan menjawab. *[Disampuk]* Menteri akan menjawab, kalau tidak, tiada kehabisan, Yang Berhormat. Duduklah, duduk, duduk. Duduk Tanjong Karang.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk, Cukuplah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian pun cukup. Siapa yang boleh mampu, siapa sanggup hendak bermain, sebab itu saya kata Menteri akan menjawab. Soalan kita kemukakan. Maknanya, itu sudah ada rekod. Terpujanglah kepada jawapan Menteri akan datang bagaimana dia hendak menjawab. Jadi, kalau semua hendak menjelaskan, selepas itu seolah-olah kita hendak menjawab apa yang dibangkitkan, jadi penyudahnya tak penghabisanlah kita.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ini hendak minta penjelasan boleh bagi, Tebrau.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Mengenai apa itu, Tebrau?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tebrau.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Hendak tanya mengenai apa? Tak apalah saya bagi sahabat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tebrau, ya sila, dia bagi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Isyarat pembesar suara di kerusi sebelah]* Tak ada bunyi mic. Okey, ini dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tekanlah sikit, Yang Berhormat, takkan tak tahu tekan, tak tekan pula ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sudah lima kali tekan, satu pun tak keluar. *[Ketawa]* Ini baru ia menyala, lima kali saya tekan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Sila, itu dah merah, Yang Berhormat, sila.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Dah merah. Tuan Yang di-Pertua, ini semua tengah marah, Innallah huma 'as sabirin, semuanya sabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, terus Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yalah. Yang kedua, saya hendak minta nasihat sebelum soalan dikemukakan, ini tengah berkabung tak boleh marah-marah, kena khusyuk. Saya pun kadang-kadang tak faham ada yang macam Jerman, ada yang pakai, ada yang tak pakai.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus soalan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu sahaja, bila kita dalam berkabung kita tidak boleh banyak bercakap, sabar kerana kita dalam duka. *[Ketawa]* Jadi, mintalah jangan garang-garang, senyap sahaja kerana sudah berkabung. Ada yang berkabung, ada yang tidak, kadang-kadang pening kepala dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ya. Saya sudah dengar ucapan, saya tengok tak ada yang baik. Sana macam pahala sahaja, sini macam dosa. Menuduh kita ini tak betul sahaja - aniaya, keras, tidak ubah sikap. Saya hendak tanya PAS, bila PAS memerintah Terengganu dan Kelantan dia tahukah dia aniayakan orang. Berapa banyak imam dia berhentikan, berapa banyak ketua kampung dia berhentikan, berapa banyak penghulu dia berhentikan. Itu tak apa kerana dia betul, seolah-olah dia PAS, dia buat, okey. Yang lain bila buat, berdosa. Cubalah fikir agak agama tinggi, tetapi ikutlah betul-betul ajaran, jangan corner, tak baik. Jadi, saya hendak tahulah, makin banyak ilmu gunalah yang baik, ada sifat jangan marah, lembut, bahasa yang baik, menegur dengan hikmah. Ini tidak, semacam. Bagus lagi kita di sini. *[Ketawa]*

Jadi, saya hendak tanya, mesti terima hakikat, Yang Berhormat, PAS juga melakukan kesilapan, kesalahan. Yang Berhormat, saya dengar, kalau ikut ceramah PAS ini, lailaha illallah, Tuhan ampunkanlah dosa dia semua yang bercakap itu. Bercakap teruk betul, Yang Berhormat. Baik lagi kita berucap. Jadi, maknanya PAS ini pun ada salah, ada silap, kadang-kadang mungkin ada dosa. Kita doakan tidaklah. Serupa macam kita juga, saya pun minta ampun kepada Allah kalau saya terlanjur....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tetapi PAS tidak pernah hendak mengaku hakikat sementara hendak menarikkan fatwa Hadi macam-macam cakap. Baru tadi Menteri Besar kata itu sudah lama, lupa. Ini bukan masalah lupa, masalah hukum. Yang Berhormat bersetujukah PAS pun ada buat silap dan salah?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, memang sebagai manusia, semua manusia seperti mana yang disebut oleh Nabi kita sendiri, kecuali nabi-nabi dan rasul-rasul, manusia yang lain semuanya ada bersalah. Tetapi sebaik-baik yang bersalah mestilah yang bertaubat, yang sedarkan kesalahan dia dan kembali kepada jalan yang benar. Yang menjadi masalah tidak mahu kembali kepada jalan yang benar, terus kekal dalam kesalahan. Yang angkuh terus angkuh, yang sombong terus sombong, yang zalim terus zalim.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia berdiri lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak beri penjelasan. Itu maklumat Yang Berhormat bagi Tebrau itu tak betul, daripada surat khabar buruk mana dia ambil saya pun tak tahu. *[Ketawa]* Dia mengatakan Kerajaan Negeri Terengganu memecat imam-imam....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk Tebrau.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tak ada seorang pun imam di Terengganu yang dipecat oleh Kerajaan PAS. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus yang lain, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah di sebaliknya. Peristiwa pertumpahan darah di Kampung Medan, kemiskinan petani dan nelayan, rompakan wang royalti minyak Terengganu oleh Kerajaan Pusat, golongan kaya semakin diperkayakan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Arau berdiri pula Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...bail-out yang tidak senonoh, syarikat hampir bankrap diselamatkan dengan wang rakyat tanpa rasa malu dan pelbagai amalan tidak telus menjadikan Malaysia bahan ketawa kepada mata masyarakat antarabangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau berdiri, Yang Berhormat, sila.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang bagi laluan kepada saya. Saya ini tak pandailah macam mana Dewan ini semua nampaknya garang-garang

pada hari ini. Saya rasa kita kena berfikir secara yang rasional, memikirkan bagaimana pembangunan dapat dibawa, sebab RMK-8 ini bagaimana kita hendak bawa kesejahteraan dan pembangunan kepada rakyat. Tadi saya dengar Yang Berhormat menyebut bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli. Yang Berhormat bagi Jeli ini berpendidikan tinggi, pandai membaca fakta-fakta yang dipaparkan dalam laporan ini.

Pada pandangan saya, bacaan yang dibuat melalui juga pengetahuan yang ada itu tidak mencukupi. Saya tak tahu bagaimana Yang Berhormat boleh mengatakan bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi, kerana kalau kita lihat dari segi pencapaian kemiskinan di negara kita, kita harus mengambil kira kepada masalah yang menimpa negara semasa kita mengalami kegawatan ekonomi. Kita kehilangan keupayaan 40%. Jika diambil kira dengan itu memang. Saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu awal dalam pembentangan menyebutkan bahawa kita tidak berjaya mencapai sasaran kemiskinan kerana kita menghadapi kegawatan ekonomi.

Jadi, tuduhan yang mengatakan kita tak berjaya dalam mengatasi masalah kemiskinan dan laporan yang dibaca daripada laporan 3.1 itu harus diambil kira kegawatan ekonomi. Saya tak faham bagaimana Ketua Pembangkang boleh bersetuju dengan anak buah di belakangnya. Sepatutnya Yang Berhormat beritahu kepada mereka bacaan itu harus tepat. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau. Angka yang dibaca itu bertulis, macam mana kita tak bersetuju dengan angka yang telah tercatat. Soal kegawatan ekonomi ini membuktikan daya ketahanan kita tidak kuat, sebab itu kita terjejas dengan kegawatan ekonomi. Kenapa Singapura tidak menjadi terjejas begitu ketara kerana ketahanan dia kuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Pencabulan hak asasi manusia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pendang, Rompin berdiri, hendak bagi jalan? Sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sikit sahaja, khusus minta pandangan Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang perbincangan tentang kemiskinan. Semua daripada kita di sebelah sini atau sebelah sana, saya yakin

sebagai rakyat Malaysia mahu tidak mahu kemiskinan apa juga peringkat, apa juga ras tidak kira di mana kita semua tidak mahu. Tetapi dalam perbahasan ini memang kadang-kadang kita tidak dapat hindar daripada cuba mendapat mileage politic seperti adinda saya tadi. Sebab kalau kita banding dengan kemiskinan, kalau dapat adinda tolong bandingkan kemiskinan di Indonesia, *[Disampuk]* bermakna tidak dibanding. Sebab apa dibanding dengan Singapura, dipikirkan contoh untuk meyakinkan pandangan kita. Saya contohkan Indonesia sebab jiran kita. Tetapi kita sahaja memilih Singapura kerana menunjukkan hujah bahawa kita ini tidak baik. Tetapi kalau kita ada pertanggungjawaban intelektual, kalau kita ketepikan politik dan sanggup berbahas dengan kepentingan dalam fakta intelektual sudah semestinya kita bandingkan dengan semua negara. Jangan pilih negara-negara tertentu untuk mengekalkan hujah kita. Sudah semestinya ini untuk mileage politic. Minta sedikit pandangan Dato' Ketua Pembangkang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menjadi sebuah negara maju, kita mesti membanding dengan negara yang lebih maju. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pencabulan hak asasi manusia semakin menjadi-jadi. Demokrasi dihina oleh mereka sendiri. Sistem perundangan kita dipersoalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Bagi saya keseluruhan perancangan pembangunan negara sebelum ini telah gagal menjadikan Malaysia negara terbaik buat rakyatnya. Rakyat tidak lebih dari menjadi buruh paksa yang bekerja untuk mengkayakan golongan korporat atau sebilangan golongan korporat. Sebarang pencapaiannya tidak lebih dari satu proses semula jadi yang tidak boleh dibanggakan. Rakyat berhak mendapatkan lebih daripada apa yang ada pada waktu ini. BN tidak boleh berbangga dengan gaya kepimpinannya dengan membawa negara melangkah ke belakang.

Kita semua akan bersetuju jika kita katakan bahawa pendidikan rakyat merupakan unsur penting dalam pembangunan insan bagi mengisi keperluan pembangunan negara. Pembentukan peribadi dan nilai baik kemanusiaan pasti akan melahirkan pemimpin, peniaga, penjawat jawatan awam dan rakyat awam yang baik. Sistem pendidikan negara kita jelas telah gagal dan ini diakui sendiri oleh pemerintah. Perdana Menteri turut berkata demikian. Namun, sudut pandangan kita terbalik. Kita mengatakan bahawa kurangnya penekanan kepada ajaran agama antara punca kegagalannya.

Bagi pihak umat Islam, tipisnya amalan dan kefahaman Islam berpunca daripada sistem pendidikan yang tandus nilai agama. Namun, Perdana Menteri melihat kegagalan sistem pendidikan menurut sudut yang terbalik. Dia mengatakan bahawa sistem persekolahan yang terlalu menekankan kepada agama menyebabkan sekolah kerajaan tidak dapat membantu, membina perpaduan antara kaum. Benarkah ini? Kami rasa amat takut dengan pandangan PM ini. Alam manakah yang ada yang dia hendak tuju? Tidak puas lagikah UMNO dan BN mengetepikan pendidikan Islam sehingga hari ini anak-anak kita menjadi sebahagiannya buta jawi, tidak tahu membaca Al-Quran, bebas dengan gejala yang merosakkan moral.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagikah Yang Berhormat? Sudah pukul 1.00, kita sambung petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pendang, sila sambung.

**2.30 ptg.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah menyentuh sedikit tentang akibat sosial terhadap budaya bebas yang menjangkiti pelajar-pelajar akibat daripada sistem pendidikan yang berjalan sekarang di mana pemimpin kerajaan dan juga menegur tentang perjalanan pendidikan di negara kita dan melihat dengan sinis sikap beberapa sekolah yang dikatakan cuba hendak menjadikan sekolah-sekolah itu sebagai sekolah Islam.

Persoalannya bagi pemimpin yang Islam apakah mereka cemburu melihat anak-anak orang-orang Islam menutup aurat seperti yang dianjurkan oleh agama kita. Pernahkah kita mendengar orang bukan Islam takut anak-anak orang Islam yang menutup aurat.

Pihak kami mencadangkan pemerintah untuk memulakan satu kajian sosiologi bagi mengenal pasti punca sebenar permasalahan perpaduan nasional. Di samping kami mencadangkan sekali lagi supaya kerajaan menubuhkan Majlis

Perundingan Perpaduan Nasional bagi memantau, menyelidik dan membuat representasi kepada kerajaan atas isu-isu perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri semasa merasmikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berumur 18 tahun itu meneruskan serangannya dengan menegur golongan profesional yang kononnya merasa berdosa kerana dulunya tidak mendapat pendidikan agama dengan menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama bagi menumpukan kepada ilmu akhirat. Ini juga dilihatnya sebagai mundur.

Saya berani mengatakan bahawa PM tidak mengetahui realiti pendidikan pilihan yang ada dalam negara kita. Sistem yang dianjurkan oleh swasta terutamanya memberikan pendekatan pendidikan yang integrated, yang padu, yang bersepadu. Kita mahu anak-anak kita mendapat kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat.

Kerajaanlah yang seharusnya mengubah kepada sistem yang sudah bertapak dalam pendidikan swasta. Janganlah malu untuk meniru perkara yang baik. Saya mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini dibuat kajian semula kurikulum kaedah mengajar dan latihan guru yang sesuai bagi memperkasakan mereka sebagai pendidik yang benar-benar dapat melaksanakan tugas pendidikan integrated ini.

Apa yang berlaku di Turki umpamanya 77 tahun yang lalu akibat dasar sekular Mustapa Kamal Attaturk tidak boleh dibenarkan beru lang di Malaysia. Turki hari ini dipanggil ataupun digelar sebagai “The sick man of Europe” – maju pun tidak, Islam pun tidak.

Berita RTM yang disiarkan pada 21 April yang lalu memberikan highlight kepada satu berita dalam NST yang bertajuk “Muslim’ world needs another Attaturk”. Apakah mesej kerajaan melalui RTM dalam hal ini? Apakah kita mahu ideologi sekular Mustapa Kamal Attaturk bertapak di Malaysia. Yang kita tolak ialah sekularisme. Mata pelajaran yang dikatakan sekular seperti Matematik, Sains dan sebagainya tidak pernah kita tolak, bahkan dalam Islam mata-mata pelajaran ini dianggap sebagai ilmu-ilmu akhlah yang dituntut secara fardu kifayah. Yang kita menolak ialah fahaman sekular – fahaman melihat bahawa segala-galanya mesti dipusatkan kepada dunia ini semata-mata.

Perdana Menteri jangan cuba mengelirukan orang ramai dalam isu ini. Yang kita tuntutan ialah perubahan paradigma dalam pendidikan mata pelajaran ini agar

setiap kali anak kita belajar mereka semakin cintakan agama dan menebalkan iman mereka.

BN tidak perlu takut kepada agama, malah BN harus menghormati kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Saya ingin tahu apakah perubahan dalam kurikulum sekolah yang akan dipinda dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi menerapkan pendidikan akademik selari dengan pendidikan Islam.

Apakah mereka berpuas hati dengan sistem hari ini yang memaksa ibu bapa menghantar anak ke dua sekolah yang berbeza – pagi dan petang bagi melengkapkan ilmu mereka. Apakah usaha BN dalam usaha melahirkan ilmuan yang mengintegrasikan kedua-dua ilmu akademik dan agama. Berapa banyak sekolah menengah agama berasrama penuh yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Saya ingin mengajak Perdana Menteri, UMNO dan BN supaya tidak berterusan memusuhi institusi ulama. Ulama ada peranan dalam mempertahankan Islam, melangsungkan pendidikan Islam serta memimpin ummah bersama-sama dengan golongan umara. Tidak perlulah kita dengki mendengki dan menjatuhkan institusi yang sepatutnya bersama-sama memperkuatkan Islam. UMNO tidak harus risau kalau ada sebahagian anak-anak kita yang memilih untuk mengkhusus kepada agama Islam. Amat tidak munasabah jika mereka dikhuatiri akan memundurkan masyarakat kita.

Sepanjang sejarah perkembangan Islam, ulama telah diiktiraf peranannya. Jika tiada ulama siapa yang akan menjamin kehidupan yang dilandai oleh konsep kebebasan Barat, keruntuhan institusi keluarga, amalan mudarat anak-anak remaja.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pendang....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** .....dapat kita kurangkan dalam negara Islam seperti Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Jemulah kita dengar

pembohongan dan putar belit fakta yang dibuat oleh PAS menuduh pemimpin UMNO, pemimpin kerajaan antiulama, anti-Islam.

Ramai ulama dalam UMNO, ramai ulama dalam kerajaan yang dilantik oleh UMNO sebagai kerajaan. Bukankah itu salah satu tanda bagaimana UMNO tetap memuliakan ulama. Banyak ulama, ramai para ulama seluruh dunia datang ke Malaysia, disambut dan diraikan, diberikan peluang untuk berkomunikasi, memberikan kuliah dan sebagainya kerana pengiktirafan fikiran ulama. Tuduhan-tuduhan seperti ini saya harap hentikanlah, ini cerita lapuk.

Semasa UMNO memerintah dan UMNO lah yang memerintah negara ini sejak merdeka ada 32 institusi Islam yang ditubuhkan oleh UMNO subur kembang sehingga hari ini. Satu pun tidak ada saham walau sesen pun oleh PAS ataupun pemimpin PAS. Apakah ini tidak bukti yang nyata dan terang bagi UMNO dan pemimpin Barisan Nasional yang menjadi kerajaan sentiasa meletakkan para ulama, cendekiawan Islam dan seluruh yang bergelar para yang berilmu agama diberikan keutamaan. Banyak contoh, tidak payah saya hendak huraikan satu persatu.

Saya berharap Ketua Pembangkang sedarlah bahawa kenyataan Yang Berhormat itu sebenarnya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .... sudah tidak mahu didengar oleh pihak yang faham tentang bagaimana peranan kerajaan di dalam memartabatkan syiar Islam di negara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau wakil rakyat bagi Sri Gading mengatakan tidak ada satu sen pun wang PAS di dalam pembentukan institusi-institusi itu, wang UMNO pun tidak ada satu sen. Tidak ada satu sen pun wang UMNO yang digunakan untuk pembentukan institusi-institusi yang dicakapkan itu. Yang ada ialah wang negara, wang rakyat, bukan wang UMNO! Inilah yang pemimpin UMNO dok mengelirukan rakyat di kampung-kampung, dok membohongi rakyat, dok berbuat fitnah! Mana ada wang UMNO? Yang ada wang rakyat, wang negara! Tetapi pemimpin UMNO menganggap wang negara ini macam wang bapak mereka. *[Tepuk]*

Saya merujuk kepada ucapan Perdana Menteri ketika merasmikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Barangkali wakil rakyat bagi Sri Gading tidak

membaca ucapan itu – ucapan yang sangat merbahaya yang menganggap seolah-olah pendidikan agama ini menyebabkan kemunduran umat, kemelesetan umat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun lagi.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sudah cukup saya fikir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup kata Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, berkenaan sen ini, saya memberikan perumpamaan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**...Yang Berhormat tak payah tanyalah, Yang Berhormat Pendang tidak beri laluan. Sila duduk.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengumpamakan negara kita ini sebagai sangat ketinggalan. Setelah 43 tahun merdeka kerajaan masih bergantung kepada undang-undang rimba yang tidak adil dan kejam seperti ISA. Undang-undang yang dirangka oleh orang Barat ini – oleh penjajah sudah tidak ada lagi dipraktikkan di negara-negara lain kecuali satu, dua yang bersefahaman dengan Malaysia.

Kezaliman cukup mengecewakan rakyat. Imej negara menjadi buruk bila kerajaan yang dikatakan moden dan demokratik ini hilang punca untuk menghadapi saingan politik mereka. Tidak guna kita hantar misi dagang ke merata dunia kalau tidak ada orang mahu berniaga dengan negara yang mengamalkan kezaliman terhadap rakyatnya. Mereka bersikap dayus untuk mengambil jalan mudah dengan melaksanakan ISA.

Saya meminta kerajaan segera membebaskan mereka daripada tahanan yang penuh misteri. Dari tiga ke tujuh, dari tujuh naik ke lapan dan hari ini kita diberitahu, malam tadi seorang lagi aktivis Reformasi ditahan menjadikan kesemuanya sembilan orang. Saya tidak tahu apa yang sedang dilakukan ke atas mereka. Jaminan polis akan keselamatan mereka tidak kita yakini lagi berikutan peristiwa kejam ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim. Kalau benar dakwaan mereka terlibat dengan senjata merbahaya, bawalah mereka ke muka pengadilan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Dia hendak lagi? Tidak apalah, saya bagi sekali lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hah, boleh!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih sahabat saya yang saya hormati Ketua Pembangkang dari Pendang.

ISA bukan satu undang-undang yang baru semalam diperkenalkan dan bentuk undang-undang seperti ISA ini sebenarnya banyak negara mengamalkannya. *[Disampuk]* Lebih daripada satu itu banyaklah dan macam-macam cara. Di Singapura orang kena tahan ISA 28 tahun, 17 tahun *[Ketawa]* ini soal ISA, soal keselamatan. Pihak polis ada alasan-alasan yang tertentu, kita tidak tahu masalah keselamatan ini.

Jadi, kita serahkanlah kepada pihak polis yang mempunyai maklumat tentang bagaimana mereka harus menjaga keamanan, keselamatan negara. Kita memang sedaplah hendak bercakap tetapi soal tanggungjawab polis yang menjaga keamanan bagi pihak kita ini dia mempunyai maklumat.

Jadi, jangan kita kerana hendak memenangkan satu dua perkara sehingga kita menafikan hak yang mempunyai tanggungjawab. Kalau berlaku sesuatu dalam negara ini kita juga akan menyalahkan pihak polis, pihak pembangkang juga akan menyalahkan pihak kerajaan konon tidak bertanggungjawab, ini masalahnya.

Jadi, saya harap ISA ini pun sedang dalam penyiasatan, soal dalam pembicaraan dan sebagainya saya harap lupakanlah ataupun berhentikanlah kita membahaskan soal ISA sehingga kita seolah-olah mengetahui sangat tentang keselamatan dan keamanan negara ini.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak minta orang yang menangis itu berhenti daripada menangis, kita mesti meminta orang yang memukulnya itu berhenti daripada memukul. *[Tepuk]* Penangkapan dilakukan, Menteri mengatakan dia tidak tahu, ini kerja polis. Bagaimana polis boleh bertindak tanpa pengetahuan Menteri sedangkan dia menjaga polis, ini satu jawapan dan kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat bagi Sri Gading bukan Menteri. Mana boleh polis bertindak tanpa pengetahuan kerajaan. Kalau ada bukti mereka itu memiliki apa yang didakwa

oleh polis, kemukakan ke mahkamah, kita ada berpuluh-puluh undang-undang yang diwarisi daripada penjajah termasuk ISA. Bahkan ISA ini sebagaimana yang dilaporkan baru-baru ini oleh profesor yang mendraf akta itu bahawa tujuan ISA bukan untuk menangkap orang-orang politik.

Ini pernah diperjelaskan oleh bekas Perdana Menteri yang pertama dahulu tujuan ISA bukan untuk memburu orang-orang politik, tetapi memburu komunis dan ejen-ejen subversif komunis. Tetapi sekarang ini orang-orang politik yang menjadi UMNO, musuh kerajaan, bukan musuh kerajaan, musuh UMNO, musuh Barisan Nasional orang-orang ini yang menjadi sasaran ISA.

Ini yang kita tidak boleh terima sama sekali. Kalau hendak suruh kami berhenti bercakap, berhenti menangkap, bebaskan yang telah ditangkap. *[Tepuk]* Itu kita kata kalau benar dakwaan mereka terlibat dengan senjata berbahaya bawa mereka ke mahkamah. Polis kita minta jangan dok gempar lagi, dok menakutkan orang ramai dengan ancaman-ancaman, tangkapan seterusnya terhadap penentang UMNO sehingga yang dikatakan penasihat agama kepada Perdana Menteri pun ugut hendak guna ISA untuk menangkap Menteri Besar Terengganu. Dia siapa? Rakyat sudah tidak terima dia, dia penasihat agama, nasihat agamalah. Hang pula buat kerja polis

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kita hendak bentukkan satu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang Yang Berhormat bagi Pokok Sena bangun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** .....suasana negara yang dalam ketakutan. Ya, sila.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Ketua Pembangkang. Pasal ISA ini 'Ikut Suka Abdullah (ISA)', pasal Menteri Dalam Negeri ini 'Abdullah' jadi ikut suka 'Abdullahlah'.

Saya hendak minta penjelasan *[Ketawa]* daripada Yang Berhormat, Perdana Menteri ada menyebut bahawa antara tindakan penggunaan ISA yang disebut oleh Perdana Menteri baru-baru ini ialah katanya selain daripada soal keselamatan, dia kata untuk menjaga kepentingan orang ramai sebab kalau tidak ambil nanti akan menyebabkan kepentingan orang ramai ini akan terjejas.

Walaupun dia menafikan hak tujuh, lapan ataupun sembilan orang, hak asasi sembilan orang ini yang telah dinafikan, tetapi dalam isu yang berkaitan dengan soal kepentingan rakyat, soal ekonomi, soal pemulihan ekonomi, soal turun naik Bursa Saham Kuala Lumpur dan sebagainya kita lihat bahawa banyak kepentingan rakyat telah digunakan, telah diabaikan iaitu dia menggunakan kepentingan rakyat untuk menjaga kepentingan individu. Tetapi dalam ISA dia kata dia hendak jaga kepentingan rakyat, tidakkah ini menunjukkan sebenarnya dia berbohong dalam kenyataan untuk menjaga kepentingan rakyat.

Sebenarnya dia hendak menjaga kepentingan politik dia dengan menggunakan ISA, sebab kalau dia hendak menjaga kepentingan rakyat, kepentingan orang ramai, sepatutnya wang rakyat, wang orang ramai tidak digunakan untuk mengagihkan kepada seorang dua kroni-kroni, suku-sakat mereka, sepupu-sepepat mereka untuk memperolehi keuntungan dalam negara kita. Tetapi bila mari dalam soal ISA dia kata ini untuk jaga kepentingan orang ramai. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa ini untuk menjaga kepentingan politik pemimpin-pemimpin UMNO yang sedang menghadapi krisis yang sangat teruk sekarang ini.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih, memang begitulah dan bukan satu perkara yang baru kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri saling bercanggah antara satu dengan lain. Ini bukan satu perkara baru terutamanya di waktu-waktu kebelakangan ini, kenyataan-kenyataan yang tidak *consistent*.

Jadi, saya minta polis juga jangan membuat kenyataan-kenyataan yang menimbulkan suasana menakutkan rakyat. Macam mana rakyat hendak buat kerja, macam mana rakyat hendak bergerak kalau sentiasa dirasa bahawa mereka diburu oleh polis. Kita tidak mahu kita hidup dalam suasana yang diselubungi oleh ancaman dan ketakutan di bawah bayangan pihak polis dan pihak berkuasa seumpama berada di bawah kehidupan pemerintahan diktator.

Biarlah kami berdepan dengan UMNO dan Barisan Nasional bukan dengan polis, bukan dengan ISA sebab itu kita minta ISA dimansuhkan. Beri peluang kepada kami untuk berdepan dengan rakyat, untuk bertemu dengan rakyat dan menyatakan apa yang kami hendak nyatakan kepada rakyat. UMNO dan Barisan Nasional pemimpin mereka juga tidak dihalang untuk bertemu dengan rakyat, terpulang kepada rakyat untuk membuat penilaian. Sebab itulah ketika orang-orang Mekah mengenakan ugutan-ugutan keras terhadap penduduk Mekah supaya jangan bertemu dengan Muhammad S.A.W. apa yang diminta oleh Nabi Muhammad S.A.W.

pada waktu itu ialah kata-katanya saya sebutkah, *[Membaca sepotong hadis]*, “*Biarlah aku berhubung dengan manusia dan terpulang kepada mereka untuk menilai sama ada mereka akan menerima apa yang aku sampaikan atau tidak*” tetapi jangan menghalang.

Ini kerana mereka bimbang kepada sambutan yang diberi oleh rakyat terhadap aktivis-aktivis ini, gunakan ISA. Mereka juga boleh panggil, boleh panggil rakyat, mereka boleh panggil pelajar, mereka boleh himpun ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, .....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...pelajar sekolah menengah pun mereka boleh himpun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....Sipitang dan Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya ....- Sri Gading?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sipitang, Sipitang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sipitang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit Sri Gading .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sipitang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya kata Sipitang. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Dato' Ketua Pembangkang bagi Pendang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya soal ISA ini, kenapa kita harus takut dengan ISA? Tentu orang yang ditahan ISA itu boleh memberi jawapan kenapa mereka ditahan di bawah ISA kerana mereka sahaja yang tahu. *[Disampuk]* Rakyat tidak bimbang terhadap ISA, rakyat bebas ke mana-mana, orang yang bimbang ialah orang yang membuat kesalahan, orang yang membuat kacau-bilau negara ini, inilah orang yang bimbang.

Kita boleh tanya seluruh rakyat Malaysia tidak bimbang dengan ISA tetapi orang yang membuat kesalahan, yang akan menghuru-harakan negara ini sahaja yang bimbang. *[Disampuk]* Tindakan ISA adalah untuk menjaga majoriti rakyat di Malaysia, kalau tidak pun *silent majority*, orang yang tidak membuat bising, *[Disampuk]* sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa ISA ini dibuat untuk orang-orang dilihat akan menghuru-harakan negara, bukan orang biasa, sebab itulah ISA ini digunakan. Dan memang kalau pembangkang berkuasa pun saya rasa dia akan gunakan ISA di Terengganu. *[Disampuk]* *[Yang Berhormat bagi Kota Melaka*

*menunjukkan kain selempang*] Itu ikat sahaja, bila jadi pembangkang, bila sudah berkuasa... *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Tidak.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Lagi teruk nanti.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sudah, cukuplah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Sipitang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya sangat kesal dengan Yang Berhormat bagi Sipitang, seorang ahli profesional yang mendapat pendidikan tinggi tetapi berfikiran sangat teruk. *[Ketawa] [Disampuk]* Ini soal kemanusiaan, soal keadilan, seseorang itu mesti dibuktikan dia bersalah sebelum dia dijatuhkan hukuman. Ini ditangkap, ini satu hukuman, hukuman awal tanpa dibuktikan dia bersalah. Kalau ada bukti dia bersalah kemukakan bukti itu kepada mahkamah, beri hak seseorang itu untuk membela dirinya.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ISA tidak memberi hak,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...dia tidak pernah kena. Ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak minta penjelasan bahawa Nelson Mandela, pejuang dari negara Afrika Selatan pernah ditahan di bawah ISA selama 27 tahun dan apabila beliau menjadi presiden beliau mengakui bahawa ISA ini satu akta yang zalim dan menghapuskannya apabila menjadi Presiden negara Afrika Selatan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yalah, itu pendukung-pendukung kebebasan, keadilan, memang kita tidak mahu kezaliman yang dikenakan di atas kita dikenakan balik ke atas musuh kita. Prinsip Islam juga begitu, sebab itu Rasulullah S.A.W. bila pulang ke Mekah membebaskan Kota Mekah, penentang-penentangannya dahulu tidak diambil tindakan, dibebaskan itu sikap kita, jangan bimbang.

Ini komitmen kita dalam Barisan Alternatif jika kita ditakdirkan Allah S.W.T dipilih oleh rakyat kita akan hapuskan ISA ini. Ini undang-undang lapuk, basi, *[Tepuk]* undang-undang penjajah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tadi pun saya sudah katakan dan kenyataan Perdana Menteri yang pertama waktu hendak membenteng akta ini juga menyebutkan bahawa ini tidak bertujuan untuk memburu orang-orang politik.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua, Rompin dan Pokok Sena.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Beri Rompin.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Beri Rompin dahulu? *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha, terima kasih. *[Disampuk]* Terima kasih Ketua Pemuda hati-hati sedikit. Selalu bila Dato' Ketua Pembangkang, Presiden PAS bercakap, Ketua Pemuda tunggu luar, tidak mahu mendengar hujah-hujah Ketua Pembangkang. *[Ketawa]* Begitu juga kalau isu-isu baru bila Presiden kata lain, Ketua Pemuda PAS kata lain.

Saya setuju pandangan, kita mahukan keadilan, semua menuntut keadilan. Alhamdulillah, bila jaminan Dato' Ketua Pembangkang bukan sahaja keadilan itu dibuat pada mulut dan janji tetapi dilaksanakan, alhamdulillah. Tetapi saya risau sedikit sebab Dato' bukan Menteri Besar Terengganu. Kalau Dato' sebagai Menteri Besar Terengganu saya setuju sebab di Terengganu 'Jawatan Seksa Rakyat (JSR)' ini dia membuang semua ketua-ketua kampung 700 orang, mewujudkan ketua-ketua kampung yang baru, imam-imam, jawatankuasa-jawatankuasa masjid dibuang semua ditubuhkan yang baru, ditukarkan dengan imam-imam yang baru yang tidak pernah bersembahyang di masjid itupun jadi Pengerusi Masjid.

Ini saya nampak kalau ada Tuan Yang di-Pertua, sebagai Presiden PAS melaksanakan apa yang Dato' buat juga supaya ia dilaksanakan di Terengganu. Itu saya terima Tuan Yang di-Pertua, minta pandangan Dato' Presiden PAS.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih adinda saya dari Rompin. Beliau selalu panggil kekanda saya panggil dia adinda.

Ini seorang lagi yang baca surat khabar buruk, *[Ketawa]* mana ada Kerajaan Negeri Terengganu buang imam, buang bilal, tidak ada. JKK itu institusi kerajaan negeri bila Kerajaan Negeri Barisan Nasional kalah, bertukar kerajaan, Kerajaan PAS menubuhkan Jawatankuasa Syura Rakyat, dia tidak gunakan JKK.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Jadi, yang mana jadi JKK sudah tidak ada lagi *[Disampuk]* itu sahaja. *[Disampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Itu sebab ISA dijadikan isu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kemudian-kemudian, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Lipis.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...apa tadi yang disebut tadi apa? *[Disampuk]*

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Lipis, Lipis, Lipis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Lipis Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** *[Disampuk]* Ha, ISA ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang.

Tadi Sipitang ada menyebut bahawa pasal apa hendak takut pada ISA sebab ISA ini digunakan kepada orang yang benar-benar dilihat boleh mengancam keselamatan negara.

Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam tahun 1987 berlaku satu penangkapan besar-besaran dalam satu operasi yang dinamakan Operasi Lalang yang dibuat oleh kerajaan terhadap pimpinan-pimpinan politik termasuklah saya sendiri, termasuk bekas Ketua Pembangkang, termasuk Yang Berhormat bagi Kepong, termasuk Yang Berhormat bagi Kuala Kedah di bawah ISA dan saya telah pun dihantar ke Kamunting, saya berada lebih daripada setahun, lain-lainnya hampir dua tahun.

Pada waktu itu, penangkapan itu dibuat ekoran daripada berlaku ketegangan yang dilihat sebagai satu ketegangan kaum antara Melayu dan Cina, ekoran daripada krisis yang berlaku dalam kepimpinan UMNO dan MCA, iaitu pertembungan pada waktu itu yang bermula, saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga ada di sini turut terlibat dalam krisis tersebut. Saya ucap tahniah kerana hari ini hadir, boleh menunjukkan sebagai satu bukti.

Pada waktu itu, bekas Setiausaha Agung dan juga pernah menjadi Timbalan Presiden MCA, Lee Kim Sai juga terlibat dalam krisis pertembungan yang sangat sengit sehingga mencetuskan satu kegawatan, ketegangan kaum yang amat sangat,

sehingga ada pemimpin-pemimpin UMNO, saya tidak pasti sama ada 'Datuk' ataupun tidak tetapi ada seorang iaitu, sekarang ini menjadi Menteri Besar, bekas Menteri Besar Kedah, iaitu Tan Sri Sanusi Junid, bekas Menteri Pertanian, pernah mengapiakan orang-orang Melayu untuk supaya keluar ke dalam satu himpunan yang dicadangkan akan diadakan di Kuala Lumpur untuk membawa mancis bagi memastikan semua rumah orang-orang Cina dibakar. Akhirnya, perhimpunan itu telah dibatalkan oleh pihak polis.

Kemudiannya berlakulah satu penangkapan daripada krisis tersebut – berlaku penangkapan di bawah ISA termasuklah daripada pemimpin DAP dan juga daripada pemimpin PAS pada waktu itu, saya sendiri. Sedangkan kami tidak terlibat dalam krisis tersebut, kami tidak terlibat dalam ketegangan tersebut, orang yang terlibat termasuklah Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah bercuti ke Australia bersama dengan Timbalan Presiden MCA pada waktu itu. Adakah Yang Berhormat bagi Pendang bersetuju bahawa ini menunjukkan ISA digunakan seringkali dan setiap kali dan sememang itulah yang akan diguna dan terus diguna untuk apa? Untuk kepentingan politik pemimpin-pemimpin UMNO, pemimpin Barisan Nasional. Bila tersepit, mereka cuba untuk mengkambinghitamkan pemimpin-pemimpin pembangkang seperti mana yang sedang berlaku pada hari ini bagaimana kerajaan secara bacul tidak berani berhadapan dengan kebangkitan suara rakyat, tidak mampu berhadapan dengan kritikan daripada aktivis-aktivis politik, akhirnya menggunakan ISA untuk menutup mulut-mulut mereka ini.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, memang itulah amalan kerajaan dan itulah amalan yang kita kritik sejak daripada awal. ISA memang satu akta yang zalim, satu akta yang digunakan untuk memburu musuh-musuh politik, bukan lagi untuk memburu komunis. Oleh itulah kita menentang penggunaan ISA. Janganlah .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ya. Tadi Yang Berhormat bagi Sipitang ada berkata bahawa rakyat jelata tidak takut kepada ISA. Mungkin beliau tidak tahu walaupun kita semua telah pernah menjadi mangsa ISA, kita masih meneruskan perjuangan kita tetapi pada pengalaman saya, bila saya disoal siasat di bawah tahanan ISA, semua yang disoal siasat itu tidak berkenaan dengan krisis pada tahun 1987. Itu sebabnya kita tahu bahawa sesiapa yang ditahan itu, cara soal siasat itu tidak akan adil. Itu yang pertama. Adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang setuju?

Yang kedua, saya lambat masuk tetapi saya diberitahu bahawa Yang Berhormat ada timbukan surat rahsia yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin dan adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang sedar bahawa sebenarnya ada orang yang telah diberikan RM50,000 sebagai satu lump sum telah masuk bank akaun tetapi saya juga dapat maklumat bahawa ada satu arahan baru telah dikeluarkan supaya wang itu semua dipulung balik. Adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang sedar? Kalau ini adalah seperti yang dikatakan adalah suatu amalan yang baik, mengapakah harus keluaran melalui satu surat rahsia? Kalau baik, rahsiakah? Apa rahsia ini, boleh Ketua Pembangkang menjelaskannya? Apa pendapat beliau?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih. Perkara ini memang – saya tahu melalui surat ini bahawa surat yang ditandatangani oleh Presiden Backbenchers ini bahawa Kabinet telah bersetuju daripada peruntukan RM500,000 itu, sebanyak RM50,000 bolehlah digunakan bagi lain-lain tujuan yang tidak rasmi seperti sumbangan, derma, sedekah dan sebagainya.

Tadi, Yang Berhormat bagi Rompin kata, semua itu dia guna resit. Saya tidak tahulah, tidak fikir kalau kita beri sedekah kepada orang sakit, hendak keluar resit, *[Ketawa]* saya tidak tahulah. Tetapi soal arahan baru, tarik balik RM50,000 itu, saya tidak tahulah, mungkin selepas Yang Berhormat bagi Kota Melaka dedahkan perkara ini maka ditarik balik kerana ini satu contoh yang kecil tentang penyelewengan. Jadi, sebab itu saya kata, kita tidak yakin bahawa RMK yang difikir oleh ahli-ahli strategik dan pakar-pakar negara kita ini akan dapat dilaksanakan mengikut apa yang dirancangan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Rompin hendak minta jalan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh, kalau bagi. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya boleh bagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang. Saya hendak bertanya bahawa kalau benarlah kita memburu musuh-musuh politik, saya yakin di sebelah sana semuanya kosong hari ini, semua sudah ditangkap dalam ISA. Maknanya kita tidak begitu. Jadi, tidak benarlah apa yang Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang mengatakan bahawa sebelah sini memburu musuh-musuh politik, yang sebelah sana

semuanya masih segar, kalau dahulu pakai jubah, sekarang sudah pakai kot, semuanya sebagai wakil rakyat, Alhamdulillah – bebas dalam negara demokrasi, mempunyai pandangan.

Tadi, Ketua Pemuda PAS, cara bercakap bebas. Di hujung minggu bebas. Kadang-kadang tidak ada permit pun bebas menghentam kerajaan, tidak ditangkap mereka ini tetapi yang digunakan ISA, mereka yang menolak demokrasi, yang mencuba secara rusuhan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Itu yang sebenar digunakan ISA. Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang hari ini tidak ada langsung sepatah memuji kerajaan. Kita terima. Saya dengar. Walaupun macam surat yang diedarkan itu diputarbelitkan, [*Disorak*] yang sebenar RM50,000 – betul.

Ia macam di Terengganu, dahulu dia bagi RM100,000 untuk Ahli Dewan Undangan Negeri, Kuala Terengganu, Barisan Nasional – 4 orang, sekarang tahun ini ditarik balik RM100,000 itu. Lepas itu yang dia beri RM100,000 itu supaya digunakan melalui 'Jawatankuasa Seksa Rakyat' ini, Terengganu. Saya panggil JSR Terengganu - Jawatankuasa Seksa Rakyat Terengganu.

Saya berbalik kepada isu saya tadi, Yang Berhormat bagi Pendang, minta penjelasan, sikap keadilan, sikap kita membela rakyat, kita terima, sebab itu yang dia buat di sini. Apa yang diharapkan supaya Ketua Pembangkang – sebelah sana sebagai juga rakyat Malaysia, kita terima, akur – dipilih oleh rakyat, bukan sahaja bercakap, cuba juga sama-sama kita membela rakyat selain daripada hanya menuduh, tuduh, tuduh, tetapi apa yang dibuat di Terengganu, saya dengar cerita, bandar kotor tidak dicuci.

Saya akan cerita yang lainlah macam ulasan bila sampai giliran saya tetapi saya minta penjelasan Yang Berhormat bagi Pendang. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pendang, dahulu pun pensyarah bersama dengan saya di Universiti Teknologi Malaysia, idealisme kita bersetuju, tetapi sama ada dari segi praktiknya kita buat, hanya kadang-kadang kita bercakap lain, kita buat lain, seperti yang Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang kata, "*Indah Kata Daripada Rupa.*" Saya minta pandangan Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih. Tidak ada putar belit, Tuan Yang di-Pertua, ini bertulis. Ditulis begitu RM50,000, tidak ada putar belit. Dan, soal pemecatan, ini semua saya sudah sebut berkali-kali sudah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rantau Panjang, bangun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ahli Parlimen daripada Terengganu sendiri pun menjelaskan, tidak ada pemecatan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini, surat yang ditunjukkan, yang ditandatangani oleh wakil bagi Rompin tadi, boleh diguna pakai kepada ahli-ahli Barisan Nasional dalam melaksanakan projek yang diluluskan ini ataupun surat itu dibuat tetapi tidak boleh pakai. Jadi, saya hendak dapat kepastian sedikit.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, surat ini memaklumkan kepada ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tentang keputusan Kabinet, jadi memang boleh pakailah. Hak tidak ada apa-apa pun depa pakai, tambah yang ada surat. *[Ketawa]*

Soal ISA tadi, beliau mengatakan kita semua pembangkang tidak kena tahan. Firaun yang zalim itu pun bukan dia bunuh semua rakyat dia. Jadi, kezaliman itu tidak semesti semua orang kena, baru dikatakan zalim. Satu orang pun sudah cukup, *[Tepuk]* kalau penangkapan dibuat dengan tidak ada asas. Setakat mendakwa, satu dakwaan yang tidak boleh dibuktikan, mana boleh. Inilah yang kita tentang ISA. Kalau mereka bersalah, ada kesalahan jenayah, buktikan.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peringat bangun.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih, Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Soalan saya ialah berkenaan dengan penyeksaan yang dilakukan terhadap tahanan ISA, sama ada yang dahulu dan juga yang sekarang ini di mana kalau dahulu ada ulama-ulama dari Kelantan yang ditahan ISA, sampai gila pun ada kerana diseksa. Dan yang baru ini pun, macam-macam penyeksaan yang dibuat sampai penyeksaan itu berlaku di luar batas kemanusiaan, di luar batas agama Islam, di luar batas adab orang Melayu, sampai ditelanjangkan, dipukul, dihina, dikeji, dimaki dan pelbagai lagi. Jadi, apa hubungan itu semua dengan tujuan hendak jaga keselamatan negara? Minta penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Itulah, Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan tadi oleh Pokok Sena, tu juannya bukan untuk keselamatan negara tetapi tujuannya untuk keselamatan UMNO dan pemimpin UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas beberapa perkara yang dibangkitkan dalam dokumen RMK-8 dan juga dalam ucapan Perdana Menteri semalam. Dalam jangka yang terdekat ini rakyat di negara ini telah ditampilkan dengan beberapa perancangan pelan tindakan. Semalam 23 April, kita dibentangkan pula dengan Rancangan Malaysia Kelapan untuk tahun 2001 sehingga 2005. Ia merupakan fasa pertama dari rancangan 10 tahun RRJP3 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 3 April baru-baru ini.

Kedua-dua dokumen dan perancangan ini adalah tanggungjawab Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebelum ini, kita mendengar pembentangan pelan induk sektor kewangan, terdahulu dari itu pula pelan induk pasaran kewangan turut dibentangkan walaupun bukan untuk kelulusan di Dewan ini.

Sementara Suruhanjaya Sekuriti bertanggungjawab terhadap pelan induk pasaran kewangan, Bank Negara Malaysia adalah pihak yang menyediakan pelan induk kewangan sedangkan waktu di antara pembentangan dua pelan ini adalah lebih kurang dua bulan. Ini membayangkan semacam ada perlumbaan dalam menyediakan pelbagai master plan oleh pelbagai agensi kerajaan. Sama ada semua ini dirancang atau terpisah di antara satu sama lain, tidaklah kita ketahui.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun persediaan – kewujudan yang memberikan semacam satu pengertian bahawa kerajaan di negara ini amat peka terhadap keperluan perancangan di waktu yang sama setelah menyaksikan beberapa senario dan natijah dari pelaksanaan kesemua program pembangunan ini maka adalah tidak salah juga sekiranya ada pihak yang mendakwa bahawa ianya hanya cantik di atas kertas tetapi apa yang berhasil atau terhasil dalam masyarakat dan pembangunan yang dilaksanakan tidak menggambarkan gambaran target yang sebenarnya.

Dewan yang mulia ini perlu diperingatkan bahawa sementara usaha untuk merancang dan menstrategikan pembangunan adalah baik dan perlu disokong oleh semua pihak, saya tidak mahu pula perancangan ini hanya sekadar komitmen atas kertas sahaja dan dirujuk hanya ketika peruntukan belanjawan perlu dibuat. Dewan ini juga perlu diyakinkan bahawa kesemua perancangan pelan ini mempunyai mekanisme kawalan dan pemantauan yang terselaras kerana dikhuatiri terkadang-kala membawa persepsi kepada pihak awam bahawa tangan kanan tidak tahu apa yang dilakukan oleh tangan kiri. Tambahan pula wujud dakwaan semacam ada persaingan untuk menjaga secara cemburu padang masing-masing. Justeru,

kalau antara lainnya, kepala atau bos tertinggi tidak sehaluan atau sekata antara satu dengan lain.

Sehubungan dengan perkara ini, setelah meneliti laporan RMK-8 ini, adalah amat jelas bahawa tidak ada satu analisis kritikal dibuat bersabit dengan krisis ekonomi yang melanda negara dalam tahun 1998. Laporan ini juga menerima, pada muka surat 5 dan 7 bagaimana krisis ekonomi 1998 telah 'merencat' pencapaian target RMK-7 dari segi kadar pertumbuhan KDNK, pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan peningkatan kualiti hidup dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebutkan sekali lagi bahawa satu analisis secara lebih berani dan terbuka perlu dibuat dan dipelajari secara ilmiah dan berdasarkan maklumat bahawa krisis ekonomi 1998 perlu pertama-tama dihadam oleh pemimpin-pemimpin negara ini.

Sindrom penafian mestilah dikikis dahulu dan segala pengajaran dari keruntuhan dan kemelut ekonomi 1998 mestilah didepani dengan kesanggupan untuk menerima kesalahan lantas satu komitmen dibuat supaya tidak lagi mengulangi segala amalan pincang dan tidak sihat yang secara jelas telah menjadi faktor utama yang mendorong keruntuhan ekonomi pada tahun 1998. Kesemua perkara ini mesti dimuatkan dahulu dalam RMK-8 ini sebagai pendahuluannya dan satu komitmen dibuat untuk tidak mengulangi kesilapan-kesilapan yang lalu. Saya dapati tidak dilakukan dalam pembentangan RMK-8 dan juga tidak dirakamkan dalam RRJP3 yang lalu. Saya khatir bahawa kerajaan Barisan Nasional masih dalam suasana dan sindrom penafian dan masih mahu menuduh dan menuding jari kepada pihak luar dan kuasa asing sebagai pencetus keruntuhan ekonomi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menghurai sebab-sebab dan faktor-faktor yang mencetuskan keruntuhan ekonomi negara pada tahun 1998 kerana ini telah banyak ditulis dan dibahaskan oleh pakar-pakar ekonomi tempatan mahupun yang asing. Saya cuma mahu menyentuh dan mempertegaskan hanya satu perkara besar dalam hal ini. Memetik daripada penulisan seorang tokoh ekonomi tempatan yang berkata antara lain menyenaraikan beberapa pandangan pakar ekonomi antarabangsa yang meletakkan faktor-faktor berikut sebagai faktor yang membawa keruntuhan ekonomi 1998:

- (i) Amalan kapitalisme kroni.

- (ii) Kelemahan sistem kewangan yang tidak mampu berdepan dengan serangan liberalisasi kewangan antarabangsa.
- (iii) Defisit akaun semasa yang terlalu besar dan jurang simpanan pelaburan yang lebar.
- (iv) Pengurusan ekonomi makro yang lemah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa faktor-faktor yang lain sedikit sebanyak cuba diatasi oleh pelan RMK-8 ini mahupun RRJP3 yang lalu namun persoalan gejala dan amalan buruk kroni kapitalisme tidak langsung disentuh dalam laporan dan perancangan kedua-dua dokumen ini, ini amat mengecewakan pihak kami, Barisan Alternatif khususnya dan rakyat amnya kerana faktor inilah antara perkara yang akan sekali lagi membawa negara ini ke kancuh kemusnahan akibat dari amalan rakus segelintir manusia korporat yang bersubahat dengan segelintir pihak eksekutif masa kini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Bachok bangun.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Sebagaimana yang telah disebut oleh pihak Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, isu kroni kapitalisme ini satu daripada isu yang penting untuk kita ambil kira dan menganalisa di sebalik rancangan lima tahun ke depan ini. Apa yang dibentangkan dalam buku Rancangan Malaysia Kelapan ini, satu pendedahan statistik yang boleh kita analisa sebagai satu nilai kegagalan di sebalik kroni kapitalisme dan seumpamanya. Di antaranya dinyatakan bahawa hak milik modal saham pada nilai tara syarikat berhad berbanding dengan 1995 dengan 1996. Pada muka surat 68 ini dinyatakan dengan jelas penguasaan milik modal saham ini di antara bumiputera, di antara 1995 dan 1999 mengalami suatu nilai penurunan. Tahun 1995 dinyatakan 20.6% kemudian tahun 1999 merosot 19.1%. Begitu juga kepada bukan bumiputera mengalami kemerosotan yang sama. Ini suatu hujah yang boleh kita kaitkan dari sudut analisa ekonominya berlaku kerana kegawatan ekonomi 1997-1998 disokong oleh amalan kroni kapitalisme. Minta ulasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya, itulah yang membimbangkan kita. Peruntukan RM110 bilion yang akan digunakan dalam program-program Rancangan Malaysia Kelapan. Kalau amalan kroni ini terus berlaku dan tidak ada satu komitmen dibuat untuk menghapuskan amalan ini, matlamat RMK-8 tidak akan dapat dicapai.

Saya ingin menyebutkan bahawa kerajaan Barisan Nasional ini khususnya sedang mengalami krisis kepercayaan yang paling teruk. Segala perancangan dan pelan-pelan yang disebutkan di atas pastinya tidak akan dapat membaik pulih krisis keyakinan ini selama satu komitmen yang terang-terangan tidak dibuat untuk membanteras habis-habisan amalan kronisme, nepotisme dan rasuah di kalangan masyarakat bisnes dan korporat dan di kalangan pemimpin-pemimpin politik. Saya rasa perlu untuk Dewan ini mengisytiharkan amalan kronisme dan nepotisme serta rasuah ini sebagai musuh negara nombor satu, penyakit barah ini dapat diatasi sekali gus membaik pulih keyakinan pelabur asing dan tempatan. Serentak dengan itu juga akan dapat dipastikan bahawa program pembangunan dan target RMK-8 dapat dipacu tanpa diganggu gugat oleh kepentingan golongan tertentu yang sentiasa menjadi perosak kepada pelaksanaan program ini. Perkara ini kita telah saksikan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Incorporated atau Program Raksasa Pensiwaan.

Beberapa program bailout atau menyelamatkan syarikat kroni-kroni orang tertentu juga telah menelan berbilion ringgit walaupun tidak dijadual dalam mana-mana peruntukan dalam pelan induk kerajaan. Bila sudah berbelanja barulah diminta kelulusan seperti mana yang berlaku pada saham MAS.

**Tuan Saupi bin Daud:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Rakyat sudah menjadi muak dan bosan dengan cerita-cerita ini sama ada semasa mewah mahupun semasa ekonomi telah menjadi parah seperti hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

**Tuan Saupi bin Daud:** Ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ketua Pembangkang. Saya ingin menarik perhatian apa yang ditegur oleh Ketua Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini tetapi semalam kalau kita merujuk balik kepada ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat ini mengenai Rancangan Malaysia Kelapan, kalau kita lihat kepada point 82, dia menyatakan bahawa segala dakwaan yang dikeluarkan oleh pihak pembangkang ini adalah mendedahkan kejahilan parti-parti lawan. Ini ucapannya, *"Seperti biasa mereka tidak dapat membezakan di antara yang baik*

*dengan yang buruk, mata mereka dikaburi oleh kepentingan politik mereka namun seperti kata pepatah Melayu, anjing menyalak bukit, bukit tidak akan runtuh,"* Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam hal ini. Kita yang menegur, kita yang ingin membina bahawa duit rakyat hendaklah disalurkan dengan baik tetapi suatu ungkapan yang angkuh daripada Perdana Menteri mengatakan bahawa tidak guna kita menegur kerana ibaratnya kalau anjing menyalak bukit, bukit tidak akan runtuh, minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih, itulah sikap yang mencerminkan keangkuhan seorang pemimpin. Saya masih ingat sewaktu beliau menghadiri satu perhimpunan meraikan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil di sebuah kawasan di Kelantan. Beliau telah mengkritik, mencela Menteri Besar Kelantan, katanya tidak tahu memerintah, tidak tahu merancang untuk pembangunan ekonomi tetapi dengan takdir Allah, tidak sampai dua minggu selepas itu ekonomi negara merudum. Di mana orang yang pandai merancang? Jadi janganlah angkuh, jangan anggap pandangan pembangkang ini semuanya tidak tahu, semuanya kerana dipengaruhi oleh sentimen politik, mereka sahaja yang tahu sehingga soal-soal yang mereka tidak tahu pun mereka mengaku tahu.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sebab kita bercakap dan kita memberi pandangan dan untuk kebaikan negara dan kata-kata seperti anjing menyalak bukit ini, ini kata-kata yang dibuat oleh ejen-ejen penjajah dahulu ketika suara rakyat bangkit untuk menuntut kemerdekaan, ejen-ejen penjajah ini mengatakan, kamu menyalak bukit, hendak meruntuhkan kuasa penjajah yang begitu besar? Jadi suara-suara itu, peribahasa-peribahasa itu digunakan semula oleh mereka yang mewarisi penjajahan ini *[Tepuk]* Itu kata-kata usang peribahasa-peribahasa yang tidak boleh digunakan lagi. Banyak bukit yang runtuh bukan dengan salakan anjing tetapi dengan gigitan semut sahaja, banyak kuasa-kuasa besar di dunia ini runtuh dengan kebangkitan rakyat.

Perlakuan *bailout* kepada MAS dan pembelian semula oleh kerajaan dalam program penswastan yang jelasnya telah gagal dibuat sehingga kini, sekali gus menunjukkan bahawa kerajaan UMNO, Barisan Nasional ini seumpama tidak langsung mahu belajar daripada kesilapan lepas dan terus menerus tidak amanah

dan bertanggungjawab menggunakan berbilion ringgit dana dan wang rakyat untuk menyelamatkan kroni tertentu sementara rakyat awam dan termiskin dibela sekadar melepaskan batuk di tangga. Seumpama RM500 juta yang diberikan kepada 500 keluarga pekebun-pekebun kecil, Dewan yang mulia ini mahukan gejala ini dirakamkan sebagai perosak dan pemusnah apa jua kebaikan yang ada dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan dalam pelaksanaannya.

Pihak kita Barisan Alternatif mahukan perkara ini dibanteras habis-habisan di negara ini. Pambanterasan ini akan, antara lain, dapat menjamin *target* pembangunan yang lebih efisien dan juga peruntukan sumber yang tepat dapat dilakukan tanpa campur tangan kroni dan pihak eksekutif yang rakus dan berkepentingan. Saya dapat membayangkan betapa besarnya penglibatan kewangan, masa apatah lagi sumber manusia dan intelek yang perlu dipunggah dan digerakkan untuk menyiapkan setiap satu perancangan ini.

Sebagai contohnya, walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengisytiharkan akan pelan tindakan k-ekonomi yang telah beliau gembargemburkan dalam pembentangan Belanjawan 2000 yang dikatakan akan siap dalam masa enam bulan, Dewan ini merakamkan bahawa sehingga kini, iaitu selepas berlalunya 14 bulan, Dewan ini masih menunggu apakah rupa bentuk keekonomi yang telah banyak diperkatakan itu.

Menterinya pun sekarang sedang bercuti pula. Entah berapa lama beliau akan bercuti, entah-entah akan berhenti seterusnya. Kita tidak tahu, sebab ini pernah berlaku. Saya difahamkan bahawa pelan induk k-ekonomi ini masih lagi dalam persiapan terakhir. Kita tunggu bila akan siap. Hasrat untuk mencapai keadilan agihan terangkum di dalam program pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan memartabatkan ekonomi kaum bumiputera supaya mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum-kaum yang lain.

Oleh kerana keadilan agihan diakui sebagai kunci kepada perpaduan nasional, sekali gus kesejahteraan, kemakmuran dan keamanan negara, maka program ini menjadi tunggak kepada dasar pembangunan negara. Hakikatnya ialah setelah 30 tahun pembangunan negara berlangsung, iaitu semenjak DEB, DPN dan sekarang DWN, sasaran masih belum tercapai. Pelbagai alasan boleh menjustifikasikan kegagalan ini namun punca utamanya terletak kepada kepincangan pelaksanaan dasar itu sendiri dan kepincangan pengurusan ekonomi keseluruhannya.

Memang diakui kek atau kekayaan ekonomi telah membesar. Pada saat pelancaran DEB pada 1970, pendapatan negara diukur oleh KDNK sebenar berjumlah RM10.7 bilion sahaja. Ini telah meningkat hampir 10 kali ganda kepada RM106 bilion pada tahun 1990 iaitu berakhirnya DEB. Kemudian dalam tempoh 10 tahun terkini, di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh, kekayaan negara meningkat hampir dua kali ganda kepada RM209.3 bilion. Bila kek semakin membesar, secara mutlaknya rakyat Malaysia semua kaum dan lapisan pun menikmati pendapatan yang lebih besar, sepatutnya. Misalnya, kalau 30 tahun dahulu, gaji permulaan seorang pegawai kerajaan hanya RM750, kini gaji permulaannya ialah RM1800, lebih sedikit dua kali ganda.

Pendapatan yang lebih besar bukan pengukur mutlak pembahagian kek yang lebih besar itu. Yang menjadi pengukur bukan peningkatan pendapatan kerana ini wajib berlaku dalam ekonomi yang berkembang. Kalau peningkatan pendapatan tidak terjadi, pastilah kehidupan kaum bumiputera dan golongan rakyat lainnya sudah semakin melarat dan daif. Yang menjadi ukuran sebenar ialah bahagian atau syer daripada kek yang membesar itu yang dinikmati pelbagai kaum dan lapisan masyarakat.

Berdasarkan petunjuk-petunjuk yang ada, hakikatnya ialah bahagian kek yang dinikmati oleh kaum bumiputera masih kecil. Dalam kata lain, objektif 30% bahagian kaum bumiputera daripada kek yang semakin besar itu, ukuran yang ditentukan oleh DEB masih belum tercapai. Maka terjadi pelebaran jurang pendapatan bukan sahaja di antara kaum tetapi juga di dalam satu kaum.

Oleh itu, satu mekanisme baru untuk melibatkan lebih ramai usahawan baru bumiputera melalui program seperti sistem payung dan sebagainya. Jika niat kita adalah untuk meningkatkan pencapaian bumiputera, janganlah rasa kalau sebahagian daripada mereka yang menyokong parti lawan kerana mereka tetap bumiputera. Janganlah risau kalau sebahagian daripada mereka menyokong parti lawan kerana mereka tetap bumiputera.

Di Amerika Syarikat, syarikat-syarikat besar boleh memberikan sokongan tidak kira kepada parti yang memerintah ataupun pembangkang. Mereka masih boleh berniaga dengan baik. Di Malaysia tidak terjadi seperti itu. Berdasarkan perangkaan yang ada, di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, dari tahun 1995 sehingga tahun 2000, jurang pendapatan antara kaum dan jurang pendapatan dalam satu kaum dan di antara luar bandar dan dalam bandar kekal melebar. Pada

akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pendapatan bumiputera adalah 33% lebih rendah daripada pendapatan kaum bukan bumiputera, 33% lebih rendah daripada kaum Cina dan 36% lebih rendah daripada kaum India. Ini bermakna pendapatan kaum bumiputera masih paling terkebelakang, tidak ada bezanya daripada 30 tahun yang lalu.

Pada masa yang sama, pendapatan penduduk luar bandar adalah 81% lebih rendah daripada pendapatan penduduk bandar. Dari segi jurang pendapatan dalam kaum pula, dalam tahun 1995, kumpulan 10% tertinggi penduduk bumiputera mendapat pendapatan sebanyak RM3,986 sebulan sedangkan kumpulan terendah sekitar 40% mendapat pendapatan hanya sebanyak RM572 sebulan. Ini bermakna 40% daripada kaum bumiputera hanya mendapat pendapatan sebanyak 14% daripada pendapatan golongan kaya bumiputera. Keadaan ini masih kekal dalam tahun 1999, jurang yang sama juga wujud di dalam kaum Cina dan India.

Tuan Yang di-Pertua, ada pengurangan di dalam *insiden* kemiskinan di kalangan rakyat, namun hakikatnya ialah *insiden* kemiskinan masih meluas khasnya di kawasan luar bandar. Dalam tahun 1995, kemiskinan di bandar adalah 3.6% daripada bilangan isi rumah bandar, jauh di bawah purata nasional. Pada tahun yang sama, kadar kemiskinan luar bandar ialah 14.5%, empat kali ganda melebihi purata bandar kerana majoriti penduduk luar bandar itu adalah bumiputera, jelaslah bahawa kemiskinan masih membelenggu kaum bumiputera. Keyakinan bahawa insiden kemiskinan di Malaysia khasnya kemiskinan di luar bandar adalah jauh lebih tinggi daripada angka rasmi, disokong dan diperkuatkan lagi oleh beberapa faktor yang lain.

Pertama, harga komoditi telah merosot dengan teruknya sejak tahun 1999. Harga kelapa sawit misalnya telah jatuh menjunam. Ia jatuh sebanyak 38% dalam tahun 1999 dan 37% lagi dalam tahun 2000. Harga getah pula jatuh sebanyak 14% dalam tahun 1999. Harga keluaran pertanian lain juga turut jatuh. Akibatnya pendapatan petani dan pekebun getah telah jatuh di bawah paras kemiskinan, menjerumuskan mereka ke jurang kemiskinan.

Keduanya, keadaan bertambah buruk lagi disebabkan kenaikan harga barang keperluan seperti makanan, bahan api dan air yang melambung. Sekarang pula TNB mengenakan pula denda ke atas pengguna yang lewat membayar bayaran yang dikenakan. Tidak ada apa-apa sebab yang rasional dikenakan pula interest ke

atas bayaran yang lewat dibuat dan denda kerana pemotongan untuk menyambung semula juga dinaikkan. Ini semua membebankan rakyat.

Keadaan inflasi barang makanan hampir 10% dalam tahun 1999. Kadar rasmi inflasi sekitar 2.5% dalam tahun 2000 tetapi pada hakikatnya harga barang-barang jauh lebih tinggi. Harga buku, pakaian sekolah dan tambang bas misalnya telah naik melebihi 10%. Bayaran tol telah naik 25%. Tidak lama lagi bayaran air dan api elektrik akan naik lagi. Entah berapa peratus.

Adalah aneh apabila Malaysia berupaya membangunkan menara kembar tertinggi di dunia, lapangan terbang tercanggih, kata mereka dan istana pemerintah yang besar yang semuanya menelan belanja berbilion ringgit, sedangkan masih ramai lagi rakyat yang miskin. Ini adalah lambang kepincangan pengurusan ekonomi, pengurusan yang tidak mengenal *priority*.

Saya mencadangkan supaya aktiviti ekonomi yang boleh membawa lebih ramai masyarakat bumiputera luar bandar keluar daripada perangkap kemiskinan dilancarkan secara besar-besaran seperti mengoptimumkan penggunaan tanah, mengkomersialkan jenis pertanian dan sebagainya. Perlu ada satu konvensyen ekonomi luar bandar dalam kadar segera bagi membincangkan usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini dasar membuka peluang yang luas untuk bumiputera di bidang pelajaran menampakkan hasil kerana terdapat peningkatan guna tenaga bumiputera di sektor moden yang berpendapatan lebih tinggi seperti pembuatan dan kewangan. Tenaga profesional bumiputera juga telah bertambah. Namun, persoalan pokok, kenapakah di samping pembaikan yang dicapai dalam penyusunan semula guna tenaga, jurang perbezaan pendapatan antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera masih melebar.

Sepatutnya semakin ramai kaum bumiputera bekerja dalam sektor dan bidang pekerjaan berpendapatan relatif yang lebih tinggi...

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ....tentulah agihan pendapatan menjadi lebih merata .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tetapi ini tidak terjadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Apa sebabnya?

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang. Saya ingin merujuk kepada guna tenaga kaum bumiputera dalam Rancangan Malaysia Kelapan seperti mana yang dibentangkan dalam laporan yang diberikan kepada kita, kita dapati bahawa terdapat 73.1% pekerja bumiputera yang terlibat di dalam profesion ataupun guna tenaga yang berpendapatan rendah dan pada tahun 2000, ia menjadi 71.2%.

Kita dapati daripada laporan yang diberikan ini menunjukkan bahawa 7 daripada 10 orang bumiputera adalah merupakan mereka yang berpendapatan rendah. Ertinya hanya sekitar 20% lebih sahaja yang dianggap mempunyai pendapatan yang lebih tinggi dan dalam jangkaan pada tahun Rancangan Malaysia Kelapan didapati maknanya perubahan ini pun tidak berlaku.

Persoalannya ialah siapakah golongan 20% itu dan kenapa kita dapati bahawa 70% lebih orang Melayu atau bumiputera masih lagi di bawah pendapatan rendah dan bagaimanakah bentuk *share* yang akan diperolehi nanti sekiranya dasar ataupun perubahan ini tidak dilakukan dan apakah Yang Berhormat setuju bahawa memang hanya golongan tertentu sahaja yang dapat manfaat walaupun dasar begini hebat kita dapati. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih. Memang hanya segelintir orang sahaja yang mendapat kedudukan atau kepentingan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu tadi, dan ucapan saya selanjutnya akan memperjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Penelitian menunjukkan pertama, kaum bumiputera masih menguasai pekerjaan sektor berpendapatan rendah iaitu sektor pertanian. Hampir 62% guna tenaga di sektor ini dikuasai oleh kaum bumiputera. Kedua, di sektor berpendapatan tinggi guna tenaga bumiputera bertumpu kepada kategori kerja yang berpendapatan rendah. Misalnya, kaum bumiputera adalah golongan terbesar iaitu sekitar 45% pekerja pengeluaran, dengan izin, *production workers*. Begitu juga bidang kerja berpendapatan rendah yang lain seperti pekerjaan pertanian, pekerjaan perkhidmatan, perkeranian, guru dan jururawat.

Bidang kerja berpendapatan lumayan seperti pentadbiran dan pengurusan dan kejurujualan, semuanya dikuasai oleh bukan bumiputera ataupun oleh orang asing. Maka, itulah sebabnya penyusunan semula guna tenaga, walaupun telah meramaikan guna tenaga bumiputera di sektor moden tidak berupaya membuahkan agihan pendapatan antara kaum yang lebih merata, bahkan jurang pendapatan kian melebar.

Kerajaan harus mencari jalan bagaimana ketidakseimbangan guna tenaga ini dapat diperbaiki dalam era liberalisasi pendidikan yang menjadi dasar kerajaan hari ini. Saya mencadangkan supaya bidang yang *familiar* bagi kaum bumiputera diperkasakan. Pertanian, misalnya, yang akan saya sentuh secara khusus nanti perlu dipertingkatkan martabatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dahulu,ilikan bumiputera dalam sektor korporat dilaporkan telah meningkat ke 20.6%. Ternyata sekarang pencapaian ini telah undur ke belakang tidak kepada hanya 19.1% dalam tahun 2000, lebih rendah daripada apa yang dicapai pada tahun 1990 iaitu sebanyak 19.3%. Kita mengira ini adalah satu angka yang tidak menggambarkan keadaan yang sebenar memandangkan terlalu banyak syarikat bumiputera yang sedang nazak menunggu saat maut sekarang.

Ramai pula yang sudah gulung tikar atau mufliis. Tidak kurang pula yang telah menjual hak mereka kepada pihak lain. Bilangan usahawan bumiputera dalam sektor korporat sebenarnya telah menguncup. Juga keadaan pasaran saham yang tertekan, sudah tentu menjatuhkan nilai saham yang dipegang. Galakan kerajaan kepada syarikat-syarikat mencari *smart partners* menyaksikan peningkatan penjualan saham oleh bumiputera kepada bukan bumiputera ataupun kepada orang luar. Lagi punilikan saham bumiputera dalam syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan haram seperti perjudian dan arak tidak membawa apa-apa makna kepada kaum bumiputera Islam.

Amalan kroni dalam membangunkan sektor korporat bumiputera juga membawa natijah negatif kepada kaum bumiputera kerana yang terhasil ialah usaha yang tidak tulen yang tidak berupaya membangunkan daya saing dan daya tahan. Mereka mudah rebah dan dilanda badai ekonomi seperti yang berlaku sekarang.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan tidak lagi menumpukan kepada segelintir kecil kaum korporat gergasi yang malas dan manja, tetapi memfokuskan kepada kelahiran usahawan yang tulen dan yang kental semangat

mereka. Mereka ini harus didedahkan kepada perniagaan sejati dan bukan *shortcut*. Mereka dilatih dan diuji, dipimpin oleh usahawan yang sudah berjaya. Jika perlu, hantar mereka untuk pendedahan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sukar untuk kita menilai berapa besarnya masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB) sekarang ini. Walaupun dilaporkan ada 697,900 syarikat persendirian bumiputera dan 57,700 syarikat sendirian berhad bumiputera dalam tahun 2000, bilangan yang sebenarnya aktif sukar untuk kita ketahui. Amalan kronisme, nepotisme dan korupsi dalam usaha mewujudkan kelompok MPPB ini dikatakan amat menular.

Usahawan tulen tidak mendapat peluang sewajarnya. Usahawan palsu ataupun usahawan yang manja, yang tidak berniat untuk menjadi usahawan tetap tetapi sekadar untuk mencari kekayaan cepat kerana kabel mereka dengan golongan berkuasa sangat besar memang ramai dapat dilihat dalam waktu-waktu mewah, inilah golongan usahawan jual Melayu, bukan usahawan Melayu. Jual projek dan menjadi Ali Baba yang tidur.

Ramai daripada mereka ini telah ghaib menjadi muflis dilanda badai kegawatan ekonomi. Kini, beberapa bilangan yang masih hidup sukar diketahui. Tidak kurang juga mereka ini berjaya duduk dalam kepimpinan UMNO melalui politik wang.

Ketandusan MPPB ini amat terserlah, pergilah ke mana-mana kawasan perindustrian, perdagangan, bandar-bandar besar dan kecil termasuk di kampung-kampung, gedung-gedung membeli belah, besar dan kecil, deretan kedai-kedai di kawasan perumahan mewah dan tidak mewah, pusat-pusat perkhidmatan dan kedai-kedai borong dan runcit kita akan dapati landskapnya seragam sahaja iaitu penguasaan hampir mutlak oleh kaum bukan bumiputera. Memang banyak agensi diwujudkan untuk membantu kaum bumiputera meningkatkan penglibatan dalam sektor perniagaan, perdagangan dan perindustrian seperti MARA, UDA dan senarainya cukup panjang. Namun ada kalanya badan-badan ini dikatakan menjadi penghalang penyertaan bumiputera di dalam sesetengah kegiatan perdagangan kerana badan ini mengusahakan perniagaan yang sama sehingga menjadi pesaing kepada usahawan bumiputera sehingga akhirnya usahawan bumiputera itu yang gulung tikar.

Ada juga tuduhan bahawa dana agensi ini disalurkan kepada orang politik yang digunakan bukan untuk berniaga tetapi untuk memberi sokongan. Agensi-

agensi kerajaan ini dikatakan dijadikan sarang untuk membekalkan wang ahli politik yang mengakibatkan semakin galaknya amalan politik wang di dalam parti komponen Barisan Nasional iaitu UMNO. Amalan kronisme ini di dalam badan-badan yang diwujudkan untuk membantu bumiputera nampaknya semakin menebal khasnya semenjak pilihan raya umum yang kesepuluh dahulu. Menteri-menteri telah mengumumkan bahawa penyokong-penyokong parti selain daripada parti pemerintah akan dinafikan segala bantuan yang disediakan kerajaan untuk bumiputera. Inilah satu amalan yang membunuh diri sendiri dan bertentangan sama sekali dengan lafaz untuk memartabatkan ekonomi bumiputera.

Dengan berlalunya Rancangan Malaysia Ketujuh ia bermakna 30 tahun telah berlalu, namun sasaran DEB yang direncanakan pada waktu itu oleh bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak masih belum kesampaian. Menggunakan ukuran DEB bahagian atau syer bumiputera dalam keekonomi jelas kelihatan bahawa syer itu masih kecil dan sesetengahnya telah semakin mengecil. Peristiwa Kampung Medan adalah amaran awal yang menagih kesungguhan dalam usaha untuk mencapai keadilan agihan dan membasmi kemiskinan. Dengan sokongan yang meningkat dari rakyat saya percaya, insya-Allah, Barisan Alternatif akan meneruskan agenda perjuangan untuk menegakkan keadilan dan menentang kezaliman, menentang penyelewengan, penyalahgunaan wang rakyat dan amalan yang terus berleluasa sekarang ini.

Saya mencadangkan supaya langkah segera diambil untuk konsolidasi usahawan bumiputera ini melalui merger yang strategik dan mengurangkan saingan dalam jenis perniagaan yang sama. Kerajaan boleh membantu dengan merangsang R&D konsep koperasi juga harus difikirkan semula supaya modal dapat dioptimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melaksanakan dasar penswastan sejak tahun 1983. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kecekapan syarikat-syarikat yang diswastakan agar manfaatnya dapat dinikmati secara langsung oleh rakyat dalam bentuk kualiti perkhidmatan yang lebih baik pada harga yang munasabah. Ia juga diharapkan berupaya mengurangkan beban rakyat secara tidak langsung melalui pengurangan beban belanjawan awam.

Seperka lagi yang tidak kurang pentingnya ialah penswastan diharapkan menjadi instrument untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor korporat melalui pemilikan di dalam syarikat yang diswastakan. Penunjuk-penunjuk

yang ada menggambarkan bahawa secara amnya dasar penswastaaan telah dapat meningkatkan kecekapan syarikat yang diswastakan. Namun, rakyat terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk pelbagai perkhidmatan yang telah diswastakan sehingga ke tahap membebankan khasnya golongan miskin. Ini terjadi kerana adanya unsur-unsur monopoli peningkatan kos operasi yang tidak terkawal dan kos pembiayaan yang lebih tinggi. Memanglah benar pengguna membayar harga mengikut penentuan pasaran, tetapi apa yang terjadi ialah pengguna terpaksa membayar harga monopoli yang biasanya lebih tinggi daripada harga yang dikenakan bila wujud pertandingan. Kerajaan harus bersimpati dengan rakyat yang susah dan miskin.

Badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk melindungi kepentingan pengguna daripada ancaman kuasa monopoli yang dimiliki oleh syarikat-syarikat yang diswastakan memang diakui tidak berkesan kerana kekurangan kepakaran dan sokongan perundangan. Kita mengharapkan agar keberkesanan badan-badan ini dapat melindungi kepentingan pengguna benar-benar dipertingkatkan seperti mana yang dihasratkan dalam RMK-8 ini.

Sebagai instrument untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor korporat, garis panduan di bawah dasar penswastaaan menetapkan agar sekurang-kurangnya 30% daripada ekuiti di dalam semua syarikat yang diswastakan akan dipegang oleh bumiputera. Namun, daripada perangkaan-perangkaan yang dipaparkan di dalam buku RMK-8 ternyata garis panduan itu telah dikesampingkan. Daripada sejumlah 98 buah syarikat yang diswastakan di dalam tempoh RMK-7, milikan bumiputera hanyalah 15.6% meleset jauh daripada sasaran. Daripada sejumlah 203 syarikat yang diswastakan sejak tahun 1983 maka milik ekuiti bumiputera dalam kesemua syarikat yang diswastakan hanyalah 25.6%. Maklumat-maklumat yang ada menunjukkan bahawa pemilikan dalam syarikat yang diswastakan bertumpu kepada sekumpulan kecil bumiputera yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pemerintah dan pemimpin-pemimpin pemerintah. Maka terjadilah keadaan di mana dasar penswastaaan itu dijadikan alat untuk memperkayakan kroni dan kaum kerabat, syarikat, kumpulan dan orang yang sama berulang-ulang kali mendapat projek dari syarikat yang diswastakan.

Natijahnya kita melihat hari ini terjadinya jurang kaya miskin yang kian melebar di dalam masyarakat. Kalau dahulu kita melihat jurang kaya miskin yang melebar di antara kaum, kini yang terjadi ialah semakin melebarnya jurang kaya

miskin di dalam satu-satu kaum. Khabarnya kekayaan yang melimpah ruah kroni ini kini akhirnya menimbulkan masalah dalam UMNO sendiri sehingga si kaya mula diketepikan. Saya tidak nampak macam mana UMNO mahu mengetepikan naga-naga yang telah mereka bina ini dan dari persada politik UMNO. Inilah dia hasil penswastan yang mana rakyat telah membuka mata tentang ketidakadilannya. Ia terbukti daripada peningkatan penglibatan rakyat di dalam gerakan menegakkan keadilan dan menentang kezaliman yang tercetus sejak peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada UMNO dan juga daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dengan tuduhan-tuduhan yang menghinakannya.

Kita mengharapkan kerajaan mengamalkan ketelusan dan akauntabiliti yang benar-benar di dalam pelaksanaan dasar penswastan yang disebut oleh Perdana Menteri semalam akan terus menjadi enjin pertumbuhan dalam RMK-8 seperti mengadakan sistem tender terbuka di dalam penganugerahan projek dan mengeluarkan senarai syarikat dan individu bumiputera yang telah mendapat habuan daripada dasar penswastan ini. Peraturan yang dicadangkan dalam RMK-8 yang bertujuan untuk mengekalkan pemilikan bumiputera dalam syarikat yang telah diswastakan hendaklah dikuatkuasakan dengan berkesan.

Banyak pula syarikat-syarikat yang diswastakan yang telah terjerumus ke dalam belunggu keberhutangan dan dana awam terpaksa digunakan untuk menyelamatkan pemiliknya. Ada di antara syarikat-syarikat berkenaan yang telah tidak diurus dengan baik lalu terjerumus ke dalam kerugian yang boleh membawa kepada kebangkrapan. Kita lihat hari ini berbilion-bilion wang awam terpaksa digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat nazak seperti Renong, MAS, PUTRA, STAR, IWK, MISC dan senarainya adalah panjang untuk disebutkan semuanya. Ini bermakna wang awam yang dikatakan telah diijamatkan melalui penswastan telah terhakis apabila kerajaan terpaksa mengambil semula syarikat yang dahulunya diswastakan.

Perangkaan menunjukkan pemilikan semula oleh kerajaan ke atas syarikat yang dahulunya diswastakan telah meningkat dengan ketaranya. Dalam tempoh RMK-7 agensi-agensi pelaburan kerajaan di Khazanah Nasional Berhad dan Menteri Besar yang diperbadankan memiliki 71% dengan syarikat-syarikat yang diswastakan. Inilah natijah daripada gerakan menyelamat yang dilaksanakan. Kita mengharapkan kerajaan akan lebih berhemat di dalam melaksanakan dasar penswastan di dalam tempoh RMK-8 ini bagi menyelamatkan wang rakyat. Adalah

tidak wajar bagi mana-mana pihak yang telah menyalahgunakan dasar penswastaan dibiarkan lepas bebas tanpa dikenakan sebarang tindakan dan hukuman yang setimpal.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pelbagai rancangan dan usaha dilaksanakan termasuk penubuhan begitu banyak agensi pertanian seperti FELDA, FELCRA, RISDA, FAMA, DARA dan sebagainya, DARA sudah habis, sudah disapu oleh tidak tahulah siapa, JENGKA, KETENGAH dan pelbagai lagi untuk membangun dan memodenkan sektor pertanian, sumbangan dan kepentingan sektor ini dalam ekonomi negara terus menguncup. Pada tahun 1995 ia menyumbang sebanyak 16% Keluaran Dalam Negara Kasar. Sumbangan ini telah merosot kepada sekitar 9% dalam tahun 2000 dan dijangka terus merosot pada sekitar 7% di bawah RMK-8.

Arah aliran atau trend ini dijangka berterusan di mana akhir tempoh RRJP3 2010 nanti sumbangan sektor pertanian hanya tinggal sekitar 6%. Ini berlainan dengan negara-negara maju seperti Amerika, Perancis, Holland dan lain-lain di mana sektor pertanian tetap merupakan sektor yang penting, walaupun negara-negara yang berkenaan telah mencapai status negara perindustrian. Apa yang terjadi di Malaysia di dalam mengejar pembangunan perindustrian, pembangunan sektor pertanian sama ada secara sedar atau tidak sedar telah terabai. Ini memberi gambaran bahawa proses perindustrian tidak berjaya merangsangkan permintaan terhadap bahan mentah pertanian. Ini adalah kerana polar pembangunan industri lebih berorientasikan penggunaan bahan mentah bukan pertanian dan import seperti elektronik dan keluaran elektrik, industri berorientasikan bahan mentah pertanian kurang mendapat penekanan.

Penguncupan yang ketara ini membimbangkan memandangkan nilai strategik sektor ini khasnya dari segi menyediakan bekalan makanan yang mencukupi bagi penduduk yang kian meningkat, bekalan bahan mentah kepada sektor perindustrian dan sebagai sumber pendapatan penukaran wang asing. Ini juga memandangkan bahawa sektor ini menyediakan di antara 1.5 juta sehingga 2 juta gunatenaga. Keciciran pembangunan sektor pertanian telah menimbulkan gejala yang tidak baik bagi negara. Antaranya peningkatan kebergantungan kepada makanan import, bilangan import makanan, bil import makanan telah bertambah dari tahun ke tahun dan kini berjumlah RM13 bilion. Ini dijangka mencecah angka RM22 bilion dalam tahun 2005. Malah Malaysia belum lagi mencapai tahap memenuhi keperluan sendiri di dalam pengeluaran pelbagai bahan makanan

termasuk makanan utama seperti peningkatan pengeluaran makanan, mempelbagai tanaman pertanian campuran dan bersepadu, mekanisme mengkomersialkan hasil penyelidikan dan sebagainya hendaklah ditentukan keberkesanannya.

Peruntukan belanjawan untuk sektor pertanian hendaklah ditingkatkan, bukan dikurangkan sebagaimana yang berlaku di bawah RMK-8. Kita melihat ada ketempangan di situ. Di sebelah pihak kita memperkatakan pelbagai program untuk memodenkan sektor pertanian tetapi di pihak yang lain kerajaan mengurangkan pula peruntukan. Adalah dicadangkan supaya sektor pertanian diiktiraf sebagai sektor strategik dari segi keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyeru pihak kerajaan dalam melihat pembangunan negara secara menyeluruh, harus menghapuskan sindrom penafian yang menebal yang tidak mengindahkan teguran, kritikan dan saranan oleh pihak lain yang dianggap musuh. Kita mungkin berbeza pegangan politik tetapi setiap dari kita mencintai negara ini dan mahukan yang terbaik untuknya bagi dinikmati oleh kita dan generasi kita akan datang. Kesilapan pemimpin harus diakui dan diperbetulkan. Sikap bertimbang rasa terhadap rakyat tidak kira di Kelantan, Terengganu atau lain-lainnya harus menjadi sifat semula jadi pemimpin negara. Kemarahan sebahagian daripada rakyat kerana terasa dianiaya akan hanya melahirkan perpecahan dan menebalkan sifat permusuhan di kalangan mereka. Terima kasih. Assalamualaikum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang hanya kita dapat membenarkan tiga Ahli Yang Berhormat berucap, Kepong telah berucap sepanjang dua jam, Tambun dua jam, Ketua Pembangkang, dua jam setengah. Oleh kerana banyak teguran dan pandangan yang telah pun dikemukakan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat, tambahan pula bagi membolehkan lebih ramai Ahli Yang Berhormat dapat mengambil peluang bersama-sama membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan, terpaksa saya mengehendkan masa. Maka saya mengehendkan setengah jam bagi setiap ahli berucap. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Rompin berucap.

#### **4.02 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong Usul pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan

semalam kita melihat telah membentang satu Rancangan Malaysia Kelapan di mana kita semua dapat melihat ia telah diterima oleh seluruh rakyat Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

***mempengerusikan Mesyuarat]***

Kesempatan saya ambil, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat ada jangka masa hadnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Setengah jam ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Setengah jam, sudah tiga minit sudah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, silakan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dari segi ekonomi kita amat berterima kasih dan membawa kita berdoa supaya ekonomi kita terus membangun, pertumbuhan yang baik, jangka masa yang diharapkan 2001-2005 hingga 7.5% dan andaian pendapatan per kapita juga insya-Allah akan bertambah daripada RM13 bilion per kapita kepada RM17 bilion menjelang 2005, pengangguran alhamdulillah, kita jangka juga akan turun 2.7% dan indeks yang lain seperti kemiskinan, pembangunan program-program yang lain dapat juga diusahakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan tentang untuk menyentuh pada hari ini, peluang yang diberi beberapa isu yang dibangkitkan oleh rakan-rakan seperjuangan saya kira dalam Dewan yang mulia ini.

Kita sedia maklum bahawa dari segi isu hak asasi manusia semua kita menerima bahawa penting kita menghormati hak asasi manusia sejagat. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, dalam negara yang berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang budaya dan agama kita sudah semestinya terima bahawa hak individu itu sudah pasti tidak boleh mengatasi kepentingan umum.

Saya yakin bahawa ini menjadi natijah perjuangan Kerajaan Barisan Nasional. Namun demikian, masih ada segelintir rakyat Malaysia yang sanggup menggunakan keganasan, rusuhan demonstrasi jalanan untuk memenuhi dan

mencapai matlamat politik mereka. Mereka sanggup mengetepikan prinsip demokrasi. Kerajaan yang dipilih rakyat lima tahun sekali tidak dapat diterima, keputusan rakyat ini dipersoalkan.

Oleh kerana itu, kumpulan ini segelintir daripada rakyat menolak prinsip demokrasi dan memilih rusuhan dan demonstrasi jalanan untuk meneruskan matlamat mereka dan mengetepikan kepentingan umum.

Mereka tidak mengendahkan tindakan mereka ini akan mengancam keselamatan umum, kestabilan sosial dan kestabilan ekonomi.

Kita sepatutnya melihat apa yang berlaku di negara jiran kita. Yang mana rusuhan, demonstrasi jalanan berlaku dan kita telah melihat di mana di sana struktur sosial rosak, ekonomi runtuh dan mengakibatkan rakyat merana dan ada yang ramai menderita dan ramai yang kebuluran.

Baru-baru ini saya sungguh bangga melihat satu tokoh politik walaupun ia dalam parti KeADILan tetapi saya yakin apa yang baik itu kita terima. Bahawa tokoh ini Timbalan Presiden KeADILan sendiri, iaitu Saudara Dr. Chandra Muzafar menolak rusuhan, menolak demonstrasi jalanan, yang juga yang paling saya tertarik juga, bahawa ia juga menolak politik yang tidak memisahkan cara daripada matlamatnya, bermakna beliau menolak kaedah *machiavellian*.

Saya rasa bahawa sikap ini amat baik sekali, harapan saya ialah supaya parti KeADILan bangkit dan menyahut saranan dan seruan yang sungguh luhur ini, bahawa kita perlu tolak tentang politik yang dia panggil sendiri, hentikan politik hancur menghancur di dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kemanan berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya habis, lepas itu saya boleh beri jalan. Saya habiskan dahulu tentang perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sanggup bangun, berani menerima bahawa dalam negara yang demokrasi, kita perlu juga pikul tanggungjawab kita untuk memastikan demokrasi itu 'luntur' dan berjalan dengan baik dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu hak asasi manusia ini, kita jangan lupa bahawa negara Barat yang tidak mahu melihat negara kita bangkit dan maju, mereka

sentiasa akan menggunakan agenda hak asasi manusia ini sebagai satu alat ataupun ekonomi instrument mereka, sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, tentang isu child labour, dengan izin, ataupun child labour, kita hendak bertanya kalau benarlah Barat mahu membela kanak-kanak dunia ketiga mengapa mereka ini tidak memberikan pendidikan, memberi bantuan sekolah, memberi bantuan komputer.

Saya nampak bahawa Barat hanya menggunakan isu child labour, dengan izin, atau pekerja kanak-kanak ini sebagai hanya instrument maker, dengan izin, alat mereka untuk memastikan produk-produk buatan kanak-kanak ini tidak mengancam dan bersaing dengan ekonomi mereka.

Itu hakikat yang sebenar. Mereka bukan mahu membela yang sebenarnya hak asasi manusia kanak-kanak di dunia ketiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kemaman.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bertanya Yang Berhormat oleh kerana Yang Berhormat mengambil petikan yang dibuat oleh Dr. Chandra Muzafar, saya minta sama ada Yang Berhormat baca seluruh teks yang telah dikeluarkan oleh Dr. Chandra kerana daripada apa yang telah dikeluarkan oleh *Mingguan Malaysia* itu hanya petikan-petikan daripada seluruh kenyataan yang beliau buat.

Jadi, lebih adillah kalau sekiranya petikan itu dibaca secara menyeluruh dan kefahamannya secara menyeluruh kerana banyak perkara-perkara yang diungkitkan tidak di keluarkan dalam *Mingguan Malaysia*.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terpuang kepada kita individu, sebab kita politik Barisan Nasional terbuka, apa yang baik kita berse tuju dan saya bacakan hari ini. Begitu juga harapan kita yang sebelah sana, apa yang baik di sebelah sini pun beri jugalah sanjungannya.

Kita terbuka dalam politik, tetapi saya tak tahulah sama ada berapa lama Dr. Chandra Muzafar ini tinggal sebagai Timbalan Presiden. Mungkin mesyuarat yang akan datang beliau akan disingkirkan. Ini saya tidak tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada satu lagi perkara yang saya ingin mengambil kesempatan sedikit tentang isu Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005 ini, kalaulah Pendang – dia sudah baliklah, berehat sebentar, itu anak buah beritahu, minum, bukan bersedia untuk berceramah malam ini tidak ya. *[Ketawa]*

Kalau kita lihat dalam sasaran ekonomi mikro tentang pertanian, saya nampak bahawa Tuan Yang di-Pertua, pujian kita beri kepada kerajaan, membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan ini, kerana satu pendekatan yang dikemukakan di mana pembangunan negara kita bukan sahaja diteruskan seperti Rancangan Malaysia yang lalu tetapi kelompok-kelompok yang tertentu yang tertinggal dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh dipastikan pada Rancangan Malaysia Kelapan ini dibela.

Ini saya mengucapkan syabas kepada kerajaan, umumnya kalau dilihat dari segi pertanian. Sebab itu tadi Pendang dia tak baca. Kalau dia baca, dia tahu. Sasaran ekonomi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dalam pertanian hanya 1.2% sahaja tetapi dalam Rancangan Malaysia Kelapan 3% bermakna ini lebih kurang tiga kali ganda, ini menunjukkan bahawa kalau dahulu pembangunan ekonomi negara kita kaedah kita seperti juga dunia-dunia lain, pendekatan kita kepada pembangunan industri, ini sudah menjadi satu kaedah, agenda yang dibuat di seluruh dunia.

Namun demikian, melihat kembali kerajaan menyedari bahawa perlu juga diberi penekanan kepada pertanian oleh kerana itulah dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini, beri penekanan kepada pertanian. Ini kalau Pendang membaca, mungkin yang menyediakan ucapan itu tidak membaca, saya kira, mencari salah sahaja.

Oleh itu, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana dalam usaha melihat kembali dari segi pembangunan pertanian di negara kita. Kesempatan ini saya juga mengambil dalam isu pertanian ini, bukan sahaja melihat dari segi membangun kawasan-kawasan yang baru, di luar bandar, supaya rakyat luar bandar mendapat manfaat dari segi pembangunan ekonomi pertanian ini, saya minta juga dilihat bukan sahaja dari segi productionnya, dari segi pengwujudan produk-produk baru di luar bandar, tetapi yang lebih penting juga mesti melihat dua perkara iaitu dari segi jalinan pengangkutannya dan jalinan pemasarannya.

Kadang-kadang produk itu baik, saya di kawasan Rompin, banyak kawasan-kawasan pertanian buat kawasan yang besar, 300 hektar, 500 hektar untuk menanam sayur antaranya mentimun, cili, masalahnya macam cili ia bila sudah sedia dikutip dan dipotong masanya tidak lama perlu dikutip dan dipotong dihantar ke pasaran dalam masa dua, tiga hari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat, Padang Terap. Hendak beri jalan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Berilah, sebab dia dalam membangunkanlah, kalau menyokong kepada usul pertanian ini, saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Rompin. Saya menyahut baik saranan Yang Berhormat Rompin tentang konsep demokrasi. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat mengembalikan balik royalti minyak yang telah dirampas oleh Barisan Nasional kerana marah kepada rakyat Terengganu memilih pembangkang. Itu yang pertama.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa UMNO sentiasa menodai demokrasi kerana dalam pemilihan ketua bahagian Padang Terap, kertas undi lebih daripada perwakilan yang hadir. Diminta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Di luar sangat itu Yang Berhormat. Yang pertama, itu mungkinlah sedikit, yang kedua itu tak payah jawablah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Inilah saya nampak wakil rakyat Padang Terap ini, kita bercakap tentang membelakan masyarakat luar bandar, dia politik juga. Bagaimana Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tidak terpanggil untuk membela mereka yang di luar bandar, kita bercakap tentang isu yang serius, pembangunan pertanian luar bandar. Dan kita minta supaya pelaksanaan dasar ini juga meliputi kawasan Yang Berhormat, kawasan luar bandar. Kita BN tidak pilih bulu. Kita akan beri contoh Terengganu macam mana Terengganu pilih. Saya akan lepas ini saya akan hujah.

Berbalik kepada isu ini, saya minta kerajaan supaya dalam kita melihat kembali kepada pembangunan ekonomi berasaskan tani ini, kita mesti hendak supaya satu kaedah baru – kita melihat semua *processes*nya bukan sahaja dari segi kita bagi bantuan benih, pastikan tanah diberi untuk petani. Saya rasa kita mesti melihat dari segi A sampai Z, dengan izin, bukan sahaja pembangunan pertanian itu sendiri dari segi tanamannya tetapi mesti juga dari segi pengagihannya, pengangkutannya, *packaging*nya dan dibawa ke pasaran.

Mengapa tidak sayur-sayuran itu dieksport ke luar negara, mengapa tidak. Saya yakin bahawa kalau kerajaan melihat kembali kepada kaedah-kaedah ini – Euro-based, dengan izin, dan saya yakin pertanian ini dapat menjadi satu sumber pembangunan ekonomi negara yang baik seperti kita lihat apa yang berlaku di

negara jiran seperti Thailand. Kalau di Thailand kita dapati barang-barang mereka di eksport dan dipasarkan di London, dieksport dan dipasarkan di Washington, di negara-negara luar, mengapa tidak juga pasaran kita – lada kita, tanaman-tanaman kita dieksport juga.

Sudah semesti ianya memerlukan satu *processes*, satu pengangkutan, sistem pendinginannya dan *packagingnya* dan pengangkutannya, masa daripada *source* kepada pasaran itu mesti singkat. Saya nampak kalau kita lihat kembali semua aspek pembangunan ini, saya yakin rakyat Malaysia di luar bandar yang dahagakan pembangunan yang mahu juga menyertai arus pembangunan negara kita, saya yakin usaha kerajaan ini akan mendapat penghargaan daripada rakyat terutama sekali mereka di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk menyentuh sedikit pada masa yang diberikan tentang isu luar bandar, isu kemudahan asas luar bandar. Kita juga dalam Rancangan Malaysia Kelapan melihat jaminan kerajaan supaya semua prasarana, kemudahan asas di luar bandar juga diberi tidak kira kedudukannya sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah.....

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, ini Bachok, hendak beri jalan? Ya, sila.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Rompin. Undur sedikit sebelum masuk tajuk baru ini sebab saya ada satu nilai yang istimewa diberi kepada Rompin hari ini sebab bercakap sedikit mengenai pertanian ini. Bekas pensyarah di Universiti Teknologi bercakap mengenai pertanian sesuatu yang istimewa bagi saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruslah, teruslah. Tak apalah yang itu.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Satu isu yang kita nampak satu gangguan dari sudut pencapaian matlamat kerajaan dalam sektor pertanian ini ialah perbalahan di kalangan petani. Contohnya, isu baja padi di Kelantan menyebabkan kerajaan negeri Kelantan membelanjakan RM3.5 juta setiap tahun dan ini menambah perbelanjaan untuk membiayai salah pengagihan baja padi dilakukan oleh pihak-pihak tertentu. Umumnya melihat pihak tertentu itu ialah di kalangan orang UMNO di peringkat bawahan.

Oleh kerana itu saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, bolehkah kita menyelesaikan isu baja ini untuk menambahkan hasil pertanian dengan cara tanggungjawab langsung pihak kementerian ini disalurkan terus melalui jabatan kerajaan, tidak kepada orang-orang tertentu yang mempunyai sentimen politik yang begitu kental dan menafikan satu pihak untuk menerimanya. Saya mencadangkan juga supaya pihak Yang Berhormat Rompin gunakan kuasa yang ada untuk mempengaruhi pihak-pihak tertentu ini supaya tidak menggunakan ianya sebagai asas politik kerana kita melihat isu ini adalah untuk kepentingan bersama. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah, cukuplah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya berhajat untuk menyentuh sedikit isu Kelantan/Terengganu selepas ini tetapi yakinilah Barisan Nasional bila kita membeb, kita membela semua. Hanya belah sana ambilkan contoh-contoh kecil yang mungkin tertinggal itu cuba mewarnakan kononnya kita menganiaya. Ini biasalah, kita dalam sepak terajang politik ini.

Saya akan bawa kemudian. Saya pun hendak menyentuh sedikit mengenai Terengganu dan Kelantan, tentang baja pun saya akan sentuh sebab saya ada laporan Ketua Audit Negara 1999 – saya akan sentuh selepas ini.

Saya hendak mengambil kesempatan untuk berbincang dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan ini tentang pembangunan usahawan bumiputera. Saya mengucapkan terima kasih dan memberi penghargaan kepada kerajaan bahawa usaha diteruskan untuk membela masyarakat bumiputera. Kalau dahulu sebelah pembangkang tidak pernah langsung cerita membela bumiputera kalau kita cakap bumiputera itu *assabiyah*, pandailah, sekarang pun sudah pandai membela bumiputera. Ini biasalah, hendakkan agenda kononnya juga membela Melayu, itu biasalah.

Tetapi yang sebenarnya membela Melayu, kita. Usaha-usaha pembangunan PBB banyak usaha-usaha baru yang kita dapat lihat di sini seperti menggunakan lebih ICT – syabas, menggunakan konsep baru, menggunakan Prosper – syabas dan meningkatkan lagi usaha-usaha menggunakan modal teroka atau venture capital – syabas.

Saya hendak membawa satu isu, selain daripada isu 30% tetapi hendak bawa isu kualiti, Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah melihat dahulu masa kegawatan ekonomi negara kita 1985/1986, satu kumpulan bumiputera pada ketika itu terhapus, terhakis, kita tahulah apa maksud saya. Lepas itu sekarang ini resesi yang kedua, begitu juga. Bermakna penting kita wujudkan ketahanan atau qualitative part of pengusaha kita sebab saya bimbang dalam statistik di sini, sebagai renungan kita bersama Tuan Yang di-Pertua, 46% daripada pengusaha-pengusaha bumiputera kita modal berbayar dia kurang daripada RM1 juta – 40%, separuh daripada bumiputera di negara kita pengusaha-pengusaha – separuh, 46% lebih kurang 50%, separuh daripada mereka adalah paid-up capitalnya – modal berbayarnya RM1 juta ke bawah, lebih daripada 50%.

Bermakna kita lihat bahawa kalau kita lihat rakan kita yang lebih berjaya, kaum bukan bumiputera, kualiti pengusaha-pengusaha mereka lebih tinggi. Bermakna perlu kita wujudkan, saya nampak bahawa selain daripada jumlah, *the game of numbers*, dengan izin, kita perlu mengambil pendekatan baru, *the game of quality*, bukan sahaja kita hendak supaya rakan kita.....

**Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Yang Berhormat, minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang minta penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sila.

**Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat kerana Ahli Yang Berhormat menekankan kualiti. Tidakkah ini akan menimbulkan tuduhan terhadap cronism, dengan izin, kalau kita pilih kualiti semestinya orang berkualiti itu tidak banyak, bila tidak banyak akan dikatakan kroni. Bagaimana, saya pohonkan penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia pembangkang memanglah, yang dapat dia kata kroni. Saya pun akan tengok di Kelantan ini, RM100 juta dia menyelamatkan kroni dia dalam *baibut* tentang air Kelantan. Saya akan hujah selepas ini.

Saya rasa kita BN tidak perlu bimbang, melainkan apa yang kita buat itu benar, saya yakin dalam pilihan raya rakyat Malaysia dapat memilih yang benar itu benar dan akan terus menyokong kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Berbalik kepada isu *qualitative* ini, saya nampak bahawa tuntutan kalau boleh lima tahun ke hadapan, bukan sahaja jumlah 30%. Saya rasa kaum bukan bumiputera di sini menganggapkan bumiputera bukan sebagai rakan perkongsian dalam negara ini. Saya melihat bahawa kalau kita tengok dari segi sasaran ataupun persaingan kita, persaingan kita dalam lima tahun akan datang, kalau isu yang kedua saya boleh bawa, persaingannya bukan antara bumiputera dengan bukan bumiputera lagi.

Saya rasa persaingan kita adalah antara kita dengan dunia. Baru-baru ini saya mendengar bahawa – sempat berjumpa dengan beberapa orang pembuat perabot. Dia kata dengan kejatuhan ekonomi di Amerika, pesanan mereka itu jatuh. Bermakna isu kejatuhan pertumbuhan ekonomi umumnya dalam industri perabot ini tidak ada kena mengena langsung dengan isu antara bumiputera dengan bukan bumiputera di negara kita. Kejatuhan permintaan di negara kita ini adalah bergantung kerana kejatuhan ekonomi di Barat. Bermakna kalau kita boleh bawa satu *paradigmship* dalam pemikiran kita ialah bahawa kalau kita melihat persaingan kita, persaingannya bukanlah antara kita sesama kita di negara ini. Persaingan kita seharusnya antara Malaysia dengan dunia.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Rompin. Saya tertarik hati berhubung dengan isu kedudukan perabot di Malaysia ini dan apakah Yang Berhormat Rompin bersetuju bahawa Kerajaan Barisan Nasional gagal untuk membina pengusaha-pengusaha perabot di kalangan bumiputera.

Sebagai contohnya, sehingga sekarang bumiputera hanya memiliki 2.5% sahaja dalam industri perabot negara dan daripada RM4.5 bilion jumlah eksport yang dikeluarkan oleh negara, maknanya ekuiti bumiputera hanya sekitar 2.5% - jauh daripada target 30%. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini merupakan kegagalan BN dalam mencapai matlamat yang dilaksanakan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Saya sudah kata kalau kita bersikap terbuka, tanggungjawab membina negara ini sewajarnya kita pikul bersama.

Kerajaan Barisan Nasional akan terus membuatkan dasar dan strategi untuk membangunkan mereka, tetapi Yang Berhormat sebelah sana juga terpanggil saya kiralah untuk meyakinkan masyarakat bumiputera mereka juga kena berusaha, ibarat orang kata kalau kita 'curahkan air atas daun keladi, ia akan turun ke bawah'. Maknanya, kita sekarang ini saya nampak ada isu-isunya kita boleh berbeza dari segi politik, tetapi ada isu-isunya kita mesti satukan diri kita sebagai satu rakyat Malaysia atau satu rakyat bumiputera.

Saya rasakan bahawa banyak dari segi dasar untuk membela bumiputera sudah banyak diusahakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perusahaan Utama, MITI, namun demikian, ini ramai daripada mereka menghadapi masalah dalam kemelesetan ekonomi kita baru-baru ini. Sebab itu saya merasakan bahawa satu kumpulan terhakis dalam resasi kita pada tahun 1985, 1986. Sekarang pula kejatuhan ekonomi kita baru-baru ini, sudah dua kali. Ramai yang mungkin selamat dalam masalah ekonomi tahun 1985, 1986 tetapi masuk lagi round yang kedua ramai juga yang terjejas dan ada juga kita sudah dengar yang sudah gulung tikar.

Sebab itu saya berbalik tadi isu ini, kualiti, ketahanan itu sendiri kalau perlu kita usahakan kaedah-kaedah, kalau dahulu kita mendengar keluhan rakyat Malaysia, rakan-rakan kita dalam bumiputera yang mengatakan bahawa mereka ini mahu berniaga, tidak ada modal, Kerajaan Barisan Nasional wujudkan *venture capital*, modal teroka.

Dahulu ada keluhan daripada Dewan Perniagaan tidak ada tempat untuk mereka buat kilang, kerajaan-kerajaan negeri adakan tanah buat kilang. Kita sudah wujudkan prasarannya sama ada prasarana itu infrastruktur dari segi tanam, kilang ataupun prasarana kewangan itu diwujudkan. Tetapi kita juga mesti mengambil kira bahawa dengan kejatuhan ekonomi kadang-kadang di sini yang menghadapi masalah sekarang mereka yang eksport ke Amerika, mereka yang menghadapi masalah ialah mereka yang sudah 20 tahun, 30 tahun dalam industri perabot, yang mereka ini, dengan izin, *some of them public listed company* juga menghadapi masalah.

Bermakna saya berbalik tadi bahawa kita perlu lihat kembali, pertama kualitatif dia. Yang kedua, kita satukan usaha kita kerana persaingan kita bukan sesama kita dalam negara ini, persaingan kita adalah di dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan sedikit untuk melihat renungan kita bersama tentang Laporan Ketua Audit Negara 1999 Negeri Kelantan. Sebab saya banyak dikatakan di sini bahawa menuduh Kerajaan Barisan Nasional tidak cekap dalam menguruskan ekonomi negara. Tetapi umum mengetahui bahawa kalau tidak dengan Kerajaan Barisan Nasional menolak IMF dengan ala kita, telah menyelamatkan ekonomi negara kita dan menyelamatkan rakyat Malaysia.

Mereka yang datang dari Indonesia sendiri pun menerima, dia kata silap mereka ialah kalau tidak berhadapan dengan IMF supaya mereka juga membuat ala Malaysia. Kalau mereka memilih cara kita dahulu sudah semestinya negara Indonesia tidak berlaku apa yang kita lihat sekarang ini.

Saya hendak tengok sebab di sini Ketua Pembangkang ada mengatakan bahawa mereka ini Barisan Alternatif. Saya sebenarnya tidak nampak mereka ini hanya ada pelan alternatif, kalau Barisan Alternatif itu adalah pelan alternatifnya. Kita tidak melihat juga dalam Dewan ini ada strategi alternatifnya, tidak ada juga atau pendekatan alternatifnya. Saya nampak bahawa kononnya memberikan satu gambaran mereka akan membentuk kerajaan pada masa akan datang, saya rasa ini igauan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa sedikit tentang isu Kelantan ini sebab sudah dua penggal dia menguruskan. Kalau mereka ini mahu meyakinkan kepada rakyat Malaysia mereka boleh mengurus ekonomi negara atau ada agenda ekonomi untuk negara kita. Kita mahu melihat bagaimana kerajaan yang mereka sendiri menguruskan dua penggal yang lalu untuk renungan kita. Ini saya hendak tengok tentang – di sini saya baca, *“Mutu penyediaan Penyata Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 1999 pada keseluruhannya didapati kurang memuaskan jika dibandingkan dengan tahun 1998.”* Makin teruk, bermakna mutu pengurusan Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1999 lagi teruk daripada tahun 1998, bukan lagi baik.

Subsidi baja begitu juga, saya baca sedikit tentang subsidi bajanya sebab Yang Berhormat tanya saya tentang subsidi baja, memang saya boleh jawab sekarang ini. Sebelum 'subsidi baja', 'prestasi' dahulu. Hasil, manakala kita satu kerajaan ataupun satu syarikat, hendak tengok satu syarikat itu baik atau tidak hasil kerajaannya. Hasil bagi tahun 1998 – RM175 juta. Hasil tahun 1999 – RM140 juta,

makin kurang. RM30 juta lebih RM35 juta kurang, itu hasilnya. Itu alasanlah, yang kedua ini tidak payahlah bela PAS .....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, .....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ....biar PAS bela sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, .....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Biar saya habis, saya habis, saya beritahu Yang Berhormat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang keduanya, .....ya. Ha? *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini kacau. Boleh saya merumuskan Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila buat rumusan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya rumus. Belanjawan begitu juga. Belanjawan dahulu RM242 juta, sekarang RM309 juta bertambah tinggi lagi. Bermakna jelas Kerajaan Negeri Kelantan tidak mampu untuk menguruskan .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tidak ada masa, saya hendak habis ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia hendak habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ....yang saya hendak bercakap. Saya minta maaf.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bawa satu tidak boleh meneruskan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak habiskan Yang Berhormat, masa dia sudah habis.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...kerajaan mampu menguruskan di Kerajaan Negeri Kelantan.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh gulung sedikit tidak?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....saya hendak bawa satu isu tentang isu air ini. Saya hendak bawa isu air ini. *[Disampuk]* Air ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...saya hendak habiskan sebab masa tidak ada Datuk, minta maaf Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Air ini Kerajaan Negeri Kelantan telah membelanjakan RM100 juta untuk menyelamatkan kroni-kroninya yang menswastakan air Kelantan. Ini saya rasa satu *bail out, bail out* Kerajaan Negeri Kelantan untuk menyelamatkan kroni-kroninya yang telah menswastakan air Kelantan. Dia pula menggunakan RM100 juta .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ada kroni juga.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...ada – dia bail out .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ....RM100 juta *[Disampuk]* RM100 juta yang digunakan untuk menyelamatkan, *bail out* Kelantan Water dan dia yang selamatkan sudah semestinya kroni-kroni mereka.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, tentang balak .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah cakaplah saya tahu.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...ini balak ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...saya nampak jam depan saya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, ini balak, ini balak satu lagi juga ini.....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah hendak habis, ada yang minta penjelasan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...hendak merumus, saya hendak merumus ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...bila beri karang .....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak menggulung, saya hendak menggulung....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia hendak gulung Yang Berhormat, dia tidak beri.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:**...sebab Ketua Pembangkang tadi dekat dua jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...dia hendak habiskan. Belum habis lagi, cepat Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Ini apa ini!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, daripada lesen yang dikeluarkan, kalau kita ahli demokrat, saya dengar Ketua Pembangkang bercakap, peluang saya, kalau Ahli Yang Berhormat ahli yang demokrat, dengarlah saya pula bercakap, barulah kita kata demokrasi, barulah kita praktikkan demokrasi, kalau tidak kita jangan kata kita demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, lesen diluluskan 319, yang tender hanya 41 sahaja, yang tidak tender diberi kepada kroni-kroni mereka 278. *[Ketawa]* Diberi sesama sendiri ini, kronilah. *[Disampuk]* Lepas itu pula yang ditender 41 sahaja lesen, kutipan haya RM10 juta yang ditender tetapi yang diberi 278 hasil RM7 juta sahaja....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Astafirullahaladzim.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat ya, okaylah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kira punya kira RM30 juta rakyat Kelantan rugi. Ha, ini hendak tunjuk bahawa – lepas itu juga Tuan Yang di-Pertua, 12 anak syarikat - hendak tunjukkan dia boleh mengurus dengan baik, 12 anak syarikat Kerajaan Negeri Kelantan semuanya rugi, RM21 juta rugi di Kerajaan Negeri Kelantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat, sudah habis.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, menggulung, menggulung Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah banyak kali Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ....menggulung, menggulung. *[Ketawa]* Menggulung, menggulung, berilah menggulung! *[Sorak]* Menggulung, ini satu tuduhan, satu tuduhan, *[Disampuk]* satu tuduhan, .....

**Seorang Ahli:** Beri peluang.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....tuduhan, kita demokrat kita dengar.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, cepatlah Yang Berhormat.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:**...menggulung ya, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...janganlah paksa saya .....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...tuduhan -tuduhan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...kadang-kadang Yang Berhormat pun ada yang terlebih masa.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...satu tuduhan, ini Kemaman, tuduhan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ....tolonglah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...kata dia demokrat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cepat habislah Rompin ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, tuduhan mengatakan satu syarikat satu projek, ini cara hendak menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Satu projek, ini projek pembangunan airport yang lama ini, membuat National Exhibition and Convention Center (NECC).

Yang sebenarnya, kontrak ini dipanggil tender, 10 yang masuk tender, belum diputuskan lagi siapa dapatnya, tetapi telah menuduh bahawa syarikat yang dapat itu ada kaitan dengan anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Inilah sahaja Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ada standardlah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ...kita ada standard dalam kita mengolah isu kita, tuduhan-tuduhan yang liar yang tidak berasas kepada sesiapa juga. Kalau kita merasakan diri kita ini Islam .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.....

**Seorang Ahli:** Rompin bukan ada standard.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ....tidak dibenarkan inikan lagi panjang.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....kaedah kita Islam itu bukan caranya. Saya mohon menyokong.

**Seorang Ahli:** Rompin tidak ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...saya beri Batang Lupar.

**Seorang Ahli:** Wah! Dua-dua Barisan Nasional. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, tengoklah bila saya buat keputusan begitu. *[Disampuk]* Yang Berhormat tahu tidak, Barisan Nasional ini berapa parti dalam Barisan Nasional? Patut tahulah Yang Berhormat. Parti Barisan Alternatif hanya berapa parti? *[Disampuk]* Barisan Nasional 14 parti, kalaulah sekiranya saya hendak kira ikut parti, saya akan beri lebih banyak kepada Barisan Nasional. Ha, jadi teruskan Batang Lupar itu hak saya.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Saya mohon dengan segala hormatnya saya mohon menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, bahawa Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu memberi sebab atas segala keputusan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu terima kasihlah. *[Ketawa]* Tetapi itulah, saya minta fahamlah kepada Pengerusi. Jadi, janganlah dipertikaikan sampai ke peringkat itu. Saya cubalah setakat mana yang saya mampu. Jadi, silalah Batang Lumar, masa pun kita had setengah jam, jadi saya percaya ramai lagi yang boleh bercakap. Sila, Batang Lumar. Ya.

**4.35 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]:** Terima kasih, saya masuk selepas dipersila, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang dan saya juga tidak masuk cerita politik sebagaimana yang Ketua Pembangkang buat tadi dan terus kepada persoalan-persoalan. Walau bagaimanapun, saya mendengar Yang Berhormat Ketua Pembangkang berucap dan mendapati walaupun sepanjang dua jam lebih tetapi malangnya saya menunggu cadangan-cadangan kepada kerajaan sebagai alternatif kepada tindakan-tindakan kerajaan, malangnya tidak ada satu pun.

Jadi, satu lagi saya ingin menyentuh persoalan banyak konsep-konsep yang disebut umpamanya konsep demokrasi, hak asasi manusia, gaji, caj *labour*, *environment*, kebebasan dan sebagainya. Ini semua konsep Barat, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang di sebalik pelaksanaan konsep Barat ini ada undang di sebalik batu sebab-sebab yang tertentu. Sebelum kita menerima konsep ini, kita kena menerima hakikatnya bahawa ada tujuan-tujuan yang tidak jelas dan samar-samar diketahui. Jadi, kita kena berjaga-jaga terutama sekali pihak pembangkang, janganlah gelojoh ataupun terus menerima konsep-konsep yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan yang telah diberi oleh kerajaan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Rancangan Malaysia Kelapan ini yang mana peruntukan daripada RM222.9 bilion ditambah kepada RM253.4 bilion pada Rancangan Malaysia Kelapan, untuk strategik-strategik yang tertentu bagi membangunkan negara yang kita cintai ini.

Jadi, di samping kita membincang persoalan pembangunan negara ini, kita juga ada corak pentadbiran yang tertentu. Saya pernah berbincang dengan beberapa Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang, jikalau hendak jadi pembangkang yang betul-betul *constructive*, pembangkang yang betul-betul bermakna kepada negara ini, yang betul dengan corak demokrasinya sebagaimana yang diamalkan di Barat sebagaimana yang mereka dewa-dewakan, kita mesti

menunjuk sikap, kita membangkang kepada dasar yang mungkin tidak sesuai, tidak baik dan alternatif mesti diberi. Dan, kita jangan membangkang sesuatu perkara yang mana kesannya akan menjatuhkan negara ini daripada beberapa segi, seperti ekonomi, keselamatan dan sebagainya.

Jadi, itu baru pembangkang sebagaimana yang berlaku di England. Kita tidak kata England itu baik, tetapi sekurang-kurangnya pembangkang mereka adalah *royal opposition*, dengan izin, tetapi mereka membangkang atas dasar, membangkang atas tindakan kerajaan tetapi tidak membuat sesuatu perkara yang mungkin menjejaskan kedudukan keselamatan negara mereka.

Begitu jugalah kita lihat di Australia dan di Amerika, pembangkang mereka, betul bercorak pembangkang dari segi dasar dan memberi satu cadangan yang baru untuk diterima. Kerana bimbang kalau mereka menjadi kerajaan, mereka tidak dapat menepati soalan-soalan yang *utopia*, yang mungkin tidak boleh dilaksanakan di kalangan manusia biasa.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini yang mempunyai beberapa strategi yang mendorongkan oleh ilmu pengetahuan. Sektor yang saya ingin sentuhkan, oleh kerana perkara ini banyak dan saya hanya ada setengah jam, saya sentuhkan dua, tiga perkara iaitu sektor pertanian, sektor pembuatan, perkhidmatan dan memperkukuhkan kestabilan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas bidang pembuatan adalah satu bidang ekonomi yang besar untuk negara Malaysia. Pembuatan terutama sekali di bidang elektronik dan elektrik telah menyumbang kepada 60% pendapatan eksport Malaysia dan pembuatan ini telah terjejas oleh kerana ekonomi negara Amerika yang terjejas, begitu juga negara Jepun.

Kita tidak boleh mengatakan hanya Malaysia yang terjejas kerana negara-negara lain pun juga terjejas. Umpamanya di Singapura iaitu *Chartered Semi Conductor Singapore*, dianggap sebagai yang terbesar di dunia telah kerugian 117 juta, oleh kerana kemerosotan ekonomi Amerika. Dan, Singapura juga mempunyai eksport dalam bidang elektronik dan elektrik ini 70%. Sikit tinggi daripada Malaysia.

Jadi, dari persoalan ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kita mempelbagaikan lagi eksport kita, tidak tertumpu sangat kepada elektrik dan elektronik supaya apabila perkara-perkara berlaku, kemerosotan berlaku daripada negara *consumer*, dengan izin, dapatlah kita mempertahankan

ekonomi kita. Dan juga, pasaran kita mestilah diperbanyakkan lagi, jangan menumpu kepada pasaran tradisi, umpamanya di Amerika, di Eropah.

Kita mesti lihat negara-negara lain juga yang kita belum tembusi dan pemasaran ini mestilah dibuat dengan baik dan teratur supaya negara kita boleh kukuh dan boleh mempertahankan ekonomi di dalam keadaan satu sektor dunia yang terjejas oleh kerana ekonomi mereka, sekurang-kurangnya negara kita tidak terjejas begitu teruk sama. Dan, kita juga mesti meninggikan tahap pembuatan kita daripada apa yang ada sekarang, daripada segi teknologinya kepada satu teknologi yang tinggi dan canggih lagi supaya boleh mendapat pasaran yang berlainan daripada pasaran yang tradisi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebut, saya tidak akan boleh bercakap panjang, banyak, oleh kerana setengah jam, saya ingin menyentuh soalan sektor pertanian. Sektor pertanian ini sebagaimana yang banyak disentuhkan menumpukan persoalan benda makanan. Biarlah saya sentuh soal lain dahulu iaitu keluaran kayu.

Keluaran kayu sebagaimana yang kita mengetahui bahawa negara kita adalah salah sebuah negara yang mengeluarkan kayu tetapi pengeluaran kita pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, belum lagi mencapai tahap yang begitu efisien. Umpamanya, kita mengeluarkan kayu gergaji, kita juga mengeluarkan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, mengeluarkan hampir RM4½ bilion perabot ke luar negara dan juga kayu bergergaji dan sedikit sahaja pengeluaran kita iaitu papan lapis dan sebagainya.

Kalau kita lihat pasaran (market) yang ada pada masa sekarang di dunia, papan lapis misalnya, 428,998 cubic tan. Untuk tahun 2010 akan meningkat kepada 628,935 metrik tan. Ini peningkatan yang amat besar iaitu daripada nisbah 2.3%. Pasaran ini menyeluruh di Asia, di Eropah, di South Amerika dan sebagainya.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, sepatutnya buangan daripada kayu-kayan kita, buangan yang dibuang daripada *sawmill* kita, buangan daripada kilang kita, mesti boleh diguna pakai untuk mewujudkan satu industri baru yang mana pada masa sekarang penggunaan barang-barang ini belum lagi mendapat tahap yang sempurna.

Umpamanya, kita tidak mengeluarkan begitu besaran *wood based panels* iaitu macam *plywood* dengan besar-besaran, *particle board*, *medium density fiber board* dan *oriented strain board* dan *laminated vinyl lumber*. Ini belum kita keluar

begitu banyak. Pada masa sekarang, kita hanya mengeluarkan RM2.7 million cubic tan. Jadi, dalam keadaan sedemikian, sepatutnya kita menggunakan buangan kayu ini supaya dibina menjadi industri yang saya sebutkan tadi. *Particle board*, MDF, OSB, LVL supaya kita boleh mendapat pasaran yang besar sekali dan pasaran yang meningkat begitu aktif sekali kerana ada hubung kait pasaran ini dengan pembangunan negara. Kalau negara kita membangun dalam peringkat 5% dalam setahun, penggunaan *board* ini juga akan meningkat cara yang sama. Ini adalah ditunjukkan dalam penyelidikan yang telah dibuat.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita juga mesti melihat bahawa ada buangan yang lain iaitu buangan daripada kelapa sawit. Kita mempunyai teknologi, buangan daripada kelapa sawit ini yang masih belum digunakan. Bahkan buangan daripada kelapa sawit ini juga boleh digunakan supaya menjadikan *chip board* dan sebagainya. Pada masa sekarang, semua buangan ini telah menjadi satu buangan yang biasa sahaja, menjadi sampah sarap, tidak digunakan, walhal penggunaan barang ini akan meningkat dari satu masa ke semasa. Di kawasan Asia Pasifik, penggunaan ini akan mencapai tahap 90 million cubic meter setahun dan di kawasan Asia, 15 million cubic meter setahun. Jadi ini patut kita eksploitkan supaya sektor pembuatan kita akan meningkat dan sektor pertanian juga akan meningkat sama daripada menjual barang-barang yang sedemikian sahaja.

Pada masa sekarang, saya dapati hanya 25 syarikat dengan kecil-kecilan membuat papan-papan yang saya sebutkan tadi, tetapi ini belum meningkat kepada tahap dunia dan boleh membekal kepada seluruh dunia, bahkan belum mencukupi untuk negara Malaysia ini. Saya berharap perkara ini bolehlah diambil perhatian dan galakan yang sejajar boleh dibuat.

Saya berpindah daripada pertanian kepada soal makanan. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa kita mengimport sebanyak RM11 bilion harga makanan ke dalam Malaysia. Pengimportan ini adalah amat besar sekali, sepatutnya kita mempunyai satu target supaya kalau tidak RM11 juta untuk membuat barang makanan untuk negara Malaysia, sekurang-kurangnya setengah daripada makanan ini boleh kita selamatkan daripada mengalir ke luar negara kerana kita tidak mungkin boleh bertanam jagung, bertanam kacang soya dan sebagainya, tetapi sekurang-kurangnya banyak barangan lain hiliran boleh kita buat daripada sumber yang ada di dalam negara kita dan kita mesti memberi galakan daripada segi

kewangan dan insentif daripada segi *taxation* kepada syarikat-syarikat yang ingin melaburkan diri dalam bidang ini.

Semasa kita memberi galakan ini adalah amat penting sekali melihat jabatan kerajaan, kementerian dan sebagainya mesti sealiran dengan syarikat-syarikat yang terlibat, kerana adalah tidak wajar kalau syarikat itu sahaja yang akan menuju ke hala itu kalau jabatan dan kementerian tidak boleh bertindak cepat, bertindak terus, bertindak dengan wajar supaya sejajar dengan kemahuan pihak swasta kerana ini boleh membantutkan. Pada masa sekarang, RM11 bilion Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagaimana pula pada masa 27 tahun yang akan datang umpamanya. Mengikut penyelidikan bahawa rakyat Malaysia akan bertambah dua kali ganda daripada 22 juta sekarang kepada 44 juta kepada 27 tahun yang akan datang. Kalau perkara ini tidak diambil tindakan, berupayakah Malaysia memberi makan orang yang sampai 50 juta pada 27 tahun yang akan datang.

Dalam keadaan yang sedemikian, kita mesti menumpukan perhatian dengan keras dan saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada kerajaan kerana dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini ada diberi penumpuan yang khusus dan kalau kita melihat dalam masa sekarang juga, walaupun dipandang daripada segi peningkatan *population growth* dengan izin, rakyat Malaysia adalah 2.5%, tetapi makanan rakyat Malaysia setiap keluarga meningkat bukan daripada segi peratusannya tetapi daripada segi nilainya. Sekarang dianggap sebagai purata kos dapur Malaysia ialah RM1,631. Maknanya, kalau kita tidak menyediakan barang makanan untuk rakyat Malaysia pada satu ketika nanti, kita dapati rakyat Malaysia tidak akan dapat makanan daripada keluaran tempatan dan kita hanya bersandar kepada barang makanan yang diimport dan kita terpaksa berbelanja berlebihan untuk membeli barang makanan daripada luar negara kerana kehendak dan nafsu makan rakyat Malaysia itu bertambah walaupun ini telah mendatangkan satu gejala yang kurang baik kerana rakyat Malaysia telah menjadi lebih gemuk, lebih besar, kurang sihat oleh kerana banyak sangat makan. Jadi, ini adalah penumpuan lain dan tidak ingin saya sentuhkan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dalam soal pertanian ini juga saya ingin menyentuh soal getah. Soal getah ini adalah untuk kehidupan orang di luar bandar. Sedikit saya ingin syarikat besar-besar terlibat dalam penanaman getah dan kerajaan mesti membuat tumpuan yang khusus bagaimana untuk memberi pendapat yang lebih lumayan kepada masyarakat penanam getah ini walaupun ada teknologi-teknologi yang tertentu untuk

menoreh getah dan penanaman getah secara moden, *high density* dengan izin, tetapi pada masa sekarang, mengikut penyelidikan yang dibuat hanya 10% penanaman getah ini telah mendatangkan hasil kepada masyarakat penanam getah yang terlibat, 10% daripada segi penggunaan kayu untuk dijadikan *furniture* dan sebagainya. Kebanyakannya kayu ini walaupun dijual kepada pihak yang membuat perabot, tetapi yang terlibat dalam pembuatan perabot ini bukan penanam getah. Jadi, kerajaan saya percaya kementerian boleh mencari jalan bagaimana pihak penanam getah ini juga menjadi penoreh dan dia juga akan menggunakan kayu ini untuk membina perabot dan bagaimana mewujudkan satu skim supaya pulangan dan aliran daripada penanaman getah ini mendatangkan pulangan kepada mereka yang terlibat daripada luar bandar dan kampung-kampung kecil supaya pendapatan mereka menjadi lebih lumayan di samping kerajaan mewujudkan subsidi dan bantuan baja dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan ini kita juga mesti melihat pihak penanam getah ini boleh mendatangkan hasil yang lain, mungkin tanaman-tanaman sampingan. Kajian-kajian kerajaan mestilah menuju kepada sumbangan ekonomi masa hadapan iaitu bioekonomi, bio teknologi, ini mestilah dilihat. Jadi, apa sahaja penanaman yang didapati boleh ditanam di samping menanam getah, pihak ini mestilah dilibatkan untuk menanam kayu-kayan, bunga-bunga, *herb* dan sebagainya di samping menanam getah. Dengan sendirinya mereka yang biasa bercucuk tanam ini tidak bolehlah daripada bercucuk tanam dia pergi kepada menangkap ikan kerana mungkin satu *cultural shock*, dengan izin, kepada mereka. Tetapi kalau bertanam, memang inilah budaya mereka. Jadi, kita boleh mencari satu pendapatan baru, galakan baru untuk bertanam iaitu menanam herba, kayu-kayan yang boleh digunakan dalam satu ekonomi di masa hadapan. Di samping kita menggalakkan getah, memberi pendapatan lumayan dari segi getah adalah ditunggu di masa hadapan di bidang-bidang lain yang akan memasuki ekonomi-ekonomi lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal perkhidmatan. Ini juga adalah satu bidang yang telah ditekankan oleh pihak kerajaan yang saya akan sentuh secara ringkas iaitu laut, daratan dan udara. Pengangkutan laut iaitu perkapalan dan sebagainya telah mendapat galakan daripada pihak kerajaan. Pengangkutan laut ini adalah satu pengangkutan yang *capital intensive*, banyak menggunakan sumber kewangan dan banyak menggunakan infrastruktur yang tertentu.

Jadi, umpamanya kalau kita hendak memajukan bidang ini, mestilah galakan kewangan, galakan *incentive tax* dan sebagainya mestilah diselaraskan supaya mendatangkan hasil kepada pengusaha. Jadi, umpamanya di Sarawak Tuan Yang di-Pertua, tidak ingin ketinggalan dalam soal ini. Kita ingin mewujudkan infrastruktur pengangkutan laut. Salah satu daripadanya ialah kita wujudkan dermaga, *port*. Umpamanya yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Bagan beberapa lama ini, saya dengar sahaja cerita dia ini daripada Bagan, tetapi yang masalahnya Yang Berhormat bagi Bagan hanya memekik melelong macam itu sahaja tetapi tidak mempunyai fakta yang sebenar.

Soalan *port* di Miri itu yang dikatakan Miri Port, yang dahulunya dikenali sebagai Baram Port. Tuan Yang di-Pertua, *port* ataupun dermaga ini dibina dengan kos RM250 juta. Ini memang benar, bukanlah RM350 juta sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Jadi, Yang Berhormat bagi Bagan juga menyebutkan yang tempat ini adalah *white elephant*. Ini juga tidak benar oleh kerana kita mesti melihat faktor, Yang Berhormat. Soalan satu-satu tempat hendak dibina ataupun struktur-struktur yang kita hendak binakan ini bukanlah hari ini ia dibina, esok semua kapal seluruh dunia ini datang terus, *bee line*, dengan izin, ke tempat itu. Tidak macam itu, Yang Berhormat. Sebenarnya kita hendak mempromosikan port ini dahulu.

Seumpamanya, sebagaimana yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat supaya *shipping line* dihantarkan ke Sarawak. *Shipping line* dihantar ke Sarawak dengan harapan akan pergi ke Miri Port. Kalau *shipping line* dihantar ke Sarawak, dengan sendirinya dua, tiga perkara yang akan mendapat keuntungan iaitu orang Sarawak dapat pengangkutan yang murah, kereta Proton Wira, Proton Saga tidaklah RM3,000 lebih mahal daripada di Semenanjung oleh kerana *freight* dan insuransya. Kita hendak *shipping line* ini datang ke Sarawak juga. Kalau kita tidak ada infrastruktur ini, bagaimana kita hendak jemput *shipping line* ini untuk datang ke Sarawak? Jadi, itulah maka kerajaan membinakan satu *port* di Miri untuk *serve* di BIMP-EAGA *area*, perhubungan dengan Filipina, perhubungan dengan pihak Brunei dan sebagainya.

Jadi, ini telah dikatakan sebagai *white elephant* oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Tetapi malangnya fakta menunjukkan daripada tahun 1997 sehingga 1998, ada menurun oleh kerana keadaan ekonomi menurun kerana *shipping* ini ada hubung kait dengan ekonomi dunia, permintaan dan penjualan, pengguna

pengangkutan, Tuan Yang di-Pertua daripada 1997 menurun pada 1999. Tetapi Alhamdulillah, pada tahun 2000, ia meningkat. Ia meningkat daripada tahun 1999. Dalam jangka daripada *double digit grows* 40% daripada tahun 1999 ke tahun 2000 dan menunjukkan *trend* yang berterusan, menunjukkan peningkatan semula juga, daripada tahun 2000 ke tahun 2001 sehinggalah sekarang menunjukkan *trend* peningkatan penggunaan Miri Port, 78%.

Ini bermakna Miri Port bukanlah *white elephant* sebagaimana yang dituduh oleh pihak pembangkang, DAP terutama sekali, kawan daripada Bagan, 'mahfiz' untuk Lim Kit Siang di Dewan yang mulia ini. Jadi, gambaran yang diberi kepada Dewan ini adalah tidak betul, tidak tepat dan tidak menepati apa yang sebenarnya berlaku. Jadi, Yang Berhormat sebelum bercakap itu, tolonglah selidik dahulu segala-galanya.

**Puan Fong Po Kuan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada berdiri Yang Berhormat ini, Batu Gajah. Hendak bagi? Ya, sila.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Saya rasa sekarang ini, Yang Berhormat telah bersekongkong, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bersekongkol.

**Puan Fong Po Kuan:** Bersekongkol. Conspire to mislead the Parliament, dengan izin. Sebab baru-baru ini, baru tadi Yang Berhormat bagi Batang Lupar nyatakan bahawa kos untuk membina Miri Port adalah RM250 juta sahaja. Tetapi menurut *Hansard* Dewan Undangan Negeri Sarawak, di mana, dengan izin, Sarawak Infrastructure Development and Communication's Minister, Datuk Wong Soon Khor pernah menyatakan bahawa *port* itu hanya berharga RM169 million juta sahaja. Jadi, sekarang ini saya hendak tahu yang mana betul? Tetapi dalam *website* Miri Authority menyatakan kos Miri Port hanya RM287 juta. Jadi, hendak tahu mengapa perbezaan fakta ini. Jangan kata kami tidak ada asas, bagi fakta yang salah. Ini sendiri kerajaan Barisan Nasional, tiga fakta untuk angka untuk meyiapkan Miri Port, berapa kos, fakta itu juga berlainan. Tambahan lagi jika memang benar.....[*Disampuk*]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sudah Yang Berhormat?

**Puan Fong Po Kuan:** Port itu sedang berfungsi, bagus kalau ada peningkatan. Tetapi mengapakah pintu-pintu Miri Port ini ditutup.....[*Disampuk*]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Masa, masa Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Mengapakah rumput-rumput panjang tidak dipotong? [Ketawa]. Ini kemudahan yang paling asas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya mohon penjelasannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi...[Disampuk]

**Seorang Ahli:** Batu Gajah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batu Gajah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Batu Gajah, Alor Gajahkah, apa gajah ini? [Ketawa]. Jadi, Yang Berhormat, saya terima kasihlah. Fakta Yang Berhormat sebut tadi, RM160 juta itu, memang betul. Itu untuk buat kerangka Port ini. Tetapi port belum jadi port kalau tidak ada rumah, tidak ada *machinery*, tidak ada pejabat, tidak ada apa benda, Yang Berhormat. Jadi, jumlah semua, *total cost* baru RM250 juta. Jadi, kalau *figure* lain yang ada keluar Yang Berhormat jumpa itu, mungkin tidak betul.

Jadi, ada yang saya dengar, ,saya dengar perbincangan Yang Berhormat bagi Bagan. Beliau mengatakan ada pernah dengar VO tidak? *Variation Order*, kata dia. Saya tahu Yang Berhormat, *Variation Order*, tetapi di bawah garis panduan kerajaan, tidak boleh melebihi daripada 20%. Jadi, yang *Variation Order* sampai RM100 juta itu, memang tidak betul itu. Saya pernah melihat jabatan kerajaan membuatkan satu keputusan. Kalau lebih daripada 21% itu, memang dia tidak terima itu.

Jadi Yang Berhormat, ini fakta yang sebenar, RM160 juta untuk membina Port itu sahaja. Tetapi *equipment* dan tempat pejabat dan sebagainya itu, lebih itu jumlah membuat dia RM250 juta. Ini fakta yang sebenar, Yang Berhormat. Jadi, yang sedapnya juga ini, Port ini yang anehnya, Miri Port ini adalah satu agensi Kerajaan Sarawak yang mendapat ISO9002 pada tahun 1997, yang pertama. Jadi, ini menunjukkan bahawa pengurusan port ini amatlah baik dan tunggulah Yang Berhormat, ya. Jangan caci dahulu, biar berjaya dahulu. Kita sama-samalah melihat

ia berjaya dahulu. Kita berdoa bersama, Yang Berhormat. Kalau tidak pandai berdoa, baca doa Yang Berhormat, ya, supaya kita akan berjaya. Janganlah anggap bila port sudah siap, semua kapal-kapal daripada luar negara akan pergi ke sini.

Satu lagi persoalan ini adalah infrastruktur pengangkutan laut di negeri Sarawak. Saya berharap ini tidak menyeleweng lagi, Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat bagi Alor Gajah, janganlah soalan ini dibangkitkan persoalan harga dan nilai.....*[Disampuk]*

**Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin:** Batu Gajah itu.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Batu Gajah? Ooh Batu Gajah. So minta maaf, Alor Gajah, Batu Gajah jadi batu. *[Ketawa]*. Pengangkutan darat - pengangkutan darat juga satu penumpuan yang sepatutnya kita tumpukan dan melibatkan banyak lagi bumiputera. Yang Berhormat, pada masa sekarang pengangkutan darat ini adalah satu industri yang besar, memakan belanja berbilion-bilion, Yang Berhormat.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan menumpu dan menjemput pihak bumiputera. Jangan bimbang yang pembangkang mengatakan inilah kroni kerajaan, inilah orang kerajaan, inilah keluarga kerajaan. Dalam Malaysia, kalau diturunkan ke dunia ini, kalau kita selidik daripada Nabi Adam a.s dahulu, kalau dia percaya, memang semua kita ada keluarga, Yang Berhormat. Jadi, jangan bimbanglah kalau kita dikatakan memberi kepada keluarga, memberi kepada sesiapa sahaja atau kroni kita. Untuk membantu orang bumiputera, kita mesti terima hakikat, kerajaan mesti membantu, mesti menolong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Allahu Akbar. Tuan Yang di-Pertua, jadi tunggu saya sampai sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Biarlah saya pergi terus, saya tinggalkan soalan laut tadi.

Saya menyebut soalan teknologi tinggi, persekolahan, universiti, IPTA, IPTS, bahasa Inggeris, matematik dan sains ini, saya harap kerajaan menumpukan perhatian dan pihak bumiputera mestilah diberi perhatian yang khusus supaya jangan ketinggalan dalam persoalan ini terutama sekali mereka yang daripada luar bandar dan guru-guru di sekolah mestilah diberi tunjuk ajar supaya jangan mengadakan tuisyen sahaja, bila di sekolah anak murid ini tidak baik, supaya pergi ke tuisyen. Tuisyen ini juga diadakan oleh guru-guru yang sama. Apabila sampai ke

sekolah nanti, yang ada tuisyen di kelas dia, di sebelah sini dan yang tidak ada masuk tuisyen dia, sebelah sana. Penumpuan diberi kepada orang se belah sini. Jadi, ini kena dilihatlah supaya jangan anak-anak kita jadi ketinggalan oleh kerana tidak pergi tuisyen kepada guru yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah habis, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dasar bioteknologi negara, R&D negara yang sekarang hanya 0.4%. Ini belum mencukupi, Tuan Yang di-Pertua, GDP negara. 0.4% GDP negara tidak mencukupi. Kalau kita hendak menjadi negara maju, sekurang-kurangnya kita akan meningkatkan kos R&D ini kepada 2% sebagaimana negara-negara maju yang lain. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya berharap pihak kerajaan melihat persoalan ini dan mengambil tindakan khusus supaya masyarakat kita tidak ketinggalan dalam soal teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kemaman.

#### **5.06 ptg.**

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia Kelapan ini ialah yang keempat Yang Berhormat bagi Kubang Pasu membentangkannya dalam Parlimen sebagai Perdana Menteri. Empat daripada rancangan sebelumnya dibentangkan oleh tiga Perdana Menteri yang lain. Sebab itu rancangan kali ini tidak ada sesuatu yang baru, kreatif dan inovatif yang boleh dibanggakan dari segi program, perancangan dan perencanaan.

Ini menggambarkan bahawa Perdana Menteri sekarang terlalu lesu dari segi pemikiran untuk memberi input yang dinamik dan *imaginative* untuk membawa negara mengharungi alaf baru yang penuh cabaran ini. Perubahan menyeluruh perlu dibuat untuk memberi suntikan dhamisme baru dalam menghadapi cabaran alaf baru ini supaya negara tidak terus terpinggir dalam arus perkembangan ekonomi dan politik dunia semasa.

Pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan dibuat dalam keadaan negara menghadapi krisis ekonomi terburuk dalam sejarah. Harga getah dan kelapa sawit

mencatat harga terendah dan di bawah paras kos pengeluaran. Harga padi juga mencatat harga terendah, hasil lambakan beras-beras import. Pasaran saham menjunam di bawah paras 550 mata, lebih buruk lagi dari semasa negara dilanda krisis kewangan Asia pada September 1998.

Tekanan untuk menilai semula pertukaran mata wang ringgit begitu kuat kerana nilai ringgit sebenar lebih rendah dari kadar yang ditetapkan sekarang. Rizab luar negara jatuh mendadak sebanyak hampir RM6 bilion dalam masa dua minggu kerana pengukuhan wang Dollar Amerika dan pengaliran keluar modal dari negara. Rizab luar negara hanya dapat membiayai keperluan import untuk empat bulan sahaja. Keyakinan pelabur asing terhadap iklim pelaburan dalam negara amat rendah dan dianggarkan jumlah pelaburan akan terus menurun.

Hutang negara meningkat begitu cepat dan dalam masa lima bulan meningkat sebanyak 33%. Pengangguran meningkat kerana pembuangan kerja akibat daripada penutupan kilang-kilang elektronik dan syarikat-syarikat luar. Anak-anak peneroka, penoreh getah dan petani tidak ke sekolah akibat tekanan kemiskinan. Negara masih dapat mempertahankan kedudukannya hari ini hasil dari pengeluaran petroleum dan gas dari bumi negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak. Bukan Kedah, Pulau Pinang atau Pahang.

Negeri yang dikurniakan oleh Allah S.W.T dengan hasil petroleum dan gas ini telah diketepikan dalam arus pembangunan negara sehingga menjadi di antara negeri-negeri yang termiskin dalam negara. Inilah keadilan yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional selama ini.

Jadi, memang tepatlah tindakan rakyat negeri Terengganu membuat perubahan dalam pilihan raya yang lalu dan ini patut diikuti pula oleh rakyat negeri Sarawak yang akan menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa dari sekarang.  
*[Disampuk]*

Industri timah sudah lama runtuh akibat daripada skandal MAMINCO yang mengakibatkan negara kerugian sebanyak RM4 billion. Sebab itulah suara dari Larut tidak berharga lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan kemiskinan dalam negara selalu dinafikan oleh kepimpinan negara oleh kerana fikiran kepimpinan negara hanya tertumpu kepada projek mega. Mungkin mereka ingat rakyat hidup dalam kemewahan seperti tinggal dalam mahligai Putrajaya. Hanya apabila berlaku pertumpahan darah seperti di Kampung Medan yang terletak tidak sampai 30 kilometer dari Putrajaya, maka

kerajaan bergegas menyediakan peruntukan untuk pembangunan bandar sebanyak RM56 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tebrau berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap sahaja. Boleh saya, ini baru mukadimah.

Lebih kurang 30% daripada harga mahligai Putrajaya atau 10% dari harga dewan persidangan yang baru dibina di Putrajaya yang akan menelan belanja sebanyak RM500 juta. Kebutaan kepimpinan negara akan kewujudan kemiskinan boleh dilihat dari kritikan-kritikan yang dibuat terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dituduh memanipulasi kemiskinan rakyat Baling dengan mengatakan bahawa kemiskinan tidak wujud. Dato' Seri Anwar Ibrahim dituduh sengaja mengada-adakan masalah kemiskinan. Inilah pemikiran kepimpinan negara yang sentiasa menafikan kewujudan kemiskinan.

Ingin saya nyatakan bahawa kemiskinan makin meluas dalam negara. Ia bukan sahaja menular di luar bandar tetapi makin merebak di kawasan-kawasan bandar. Berapa ramai anak-anak peneroka, penoreh getah, penduduk setinggan, nelayan, petani dan sebagainya tidak lagi bersekolah kerana terhimpit oleh kemiskinan, sedangkan kepimpinan negara sibuk dan bermegah dengan penerusan projek-projek mega yang menguntungkan segelintir...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ...individu yang ada hubung kait dengan kepimpinan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri Arau atau Tebrau? Ha, dia bagi Tebrau dulu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tebrau, Tebrau.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau, dia bagi Tebrau dahulu.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** ....Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok ucapan mukadimah Yang Berhormat pun terus terang Rancangan Malaysia Kelapan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pun dituduh lesu, macam tidak bermaya. Ini satu tuduhan yang tidak baik.

Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Kelantan pun kalau Yang Berhormat melihat dan memerintah beberapa tahun pun tidak maju. Tidak ada dapat kejayaan. Rakyat pun lari, terpaksa lari ke Tebrau. Tadi Yang Berhormat tuduh ada anak peneroka tidak bersekolah, anak setinggalan tidak bersekolah, ini Yang Berhormat tolonglah buktikan. Tidak boleh bercakap secara ikut lisan yang lembut sahaja. Mesti ada bukti.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Cukup, cukup. Sebab saya...

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Jadi, saya...

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejaplah, itu mukadimah saya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Nantilah...

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya ada fakta-faktanya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang mengarahkan saya Tuan Yang di-Pertua, bukan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa soalnya Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ha, okey, ini soalan. Yang Berhormat kena terima hakikat. Saya sudah beberapa kali kata Yang Berhormat cakap mudah, senang, seolah-olah kalau Yang Berhormat memerintah, wah, semua rakyat senang, semua rakyat tidak ada problem, semua licin, ekonomi...

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Boleh, boleh hentikan dia, Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat kena terima hakikat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ... Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sebab apa kerajaan Malaysia sudah berjaya memerintah, termasuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** ...kita yang di dalam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup itu Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ini tuduh... Okey, terima kasih. Saya patuh.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okey, sebab apa yang diungkitkan itu saya ada fakta-faktanya yang saya akan ungkitkan dalam ucapan saya. Dia awal sedikit, cepat sedikit melatah.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan Barisan Nasional jelas menjurus ke arah memiskinkan bangsa Melayu. Rakyat Terengganu yang 90% terdiri daripada bangsa Melayu ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Arau...

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ...dan beragama Islam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap, bagi saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tunggu sedikit lagi, dia bagi sedikit lagi.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Rakyat Terengganu yang 95% terdiri daripada bangsa Melayu dan beragama Islam bukan sahaja dinafikan hak mendapat royalti petroleum tetapi hanya diberi peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.4 bilion sahaja, yang kedua terendah selepas Perlis dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini. Kelantan hanya mendapat RM2.9 bilion berbanding dengan Kedah yang mendapat peruntukan sebanyak RM5.2 bilion, Negeri Sembilan – RM5.2 bilion, Johor – RM5.9 bilion, Pulau Pinang – RM4.1 bilion dan seterusnya.

Apakah Kerajaan Barisan Nasional beranggapan dengan memiskinkan negeri-negeri Melayu, mereka akan dapat meraih semula sokongan orang Melayu kepada UMNO dan bersyukur kepada kepimpinan tertinggi negara atau sengaja Barisan Nasional mahu mengetepikan bangsa Melayu dari menikmati pembangunan negara kerana tidak lagi menyokong UMNO dan Barisan Nasional pada pilihan raya yang lepas.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa cara penagihan peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah tidak adil dan mengkhianati bangsa Melayu sendiri dan menafikan hak mereka untuk menikmati arus pembangunan negara. Mungkin anggapan kepimpinan negara bahawa orang Melayu hanya layak menerima wang ihsan dari UMNO sahaja menerusi program-

program PPRT supaya mereka terus menyokong UMNO dan segelintir Melayu terpilih akan terus membolot kekayaan negara. Dengan ini, UMNO akan dapat terus berkuasa walaupun bangsa Melayu melarat.

Saya cadangkan peruntukan yang lebih besar diberikan kepada negeri-negeri di Pantai Timur untuk mengimbangi kemajuan-kemajuan yang dinikmati oleh negeri-negeri di Pantai Barat. Kita dapat melihat bagaimana kemunduran masyarakat Melayu apabila kita melihat kadar penggunaan internet mengikut negeri pada tahun 2000. Kelantan mencatat terendah yang hanya 12.5 orang bagi setiap 1,000 penduduk, diikuti oleh Sabah – 16.6, kemudian Terengganu – 17.1, Pahang – 18, Kedah – 18.1 dan berbanding dengan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan sebanyak 103.9 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jurang digital di antara negeri-negeri Melayu berbanding dengan Wilayah Persekutuan amat ketara sekali dan perlu dirapatkan. Kalau tidak, masyarakat Melayu terus ketinggalan dalam arena pembangunan semasa. Sikap berdendam berasaskan politik mesti dihapuskan dan kepentingan rakyat mesti diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah institusi kewangan atau bank telah ditubuhkan untuk membantu bumiputera menceburi industri kecil dan sederhana iaitu Bank Pembangunan. Asas penubuhan bank ini cukup murni dengan memberi kemudahan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha bumiputera antara RM50 ribu hingga RM5 juta untuk memajukan perusahaan mereka.

Bank ini tidak tertakluk di bawah Akta Bafia yang mengawasi perjalanan sesebuah bank tetapi di bawah pengawasan terus Menteri Kewangan. Jadi, banyak kelonggaran boleh dilakukan atas kuasa Menteri Kewangan. Hari ini bank yang pada asalnya ditubuhkan untuk tujuan yang murni dijadikan sebagai sebuah institusi untuk mengeluarkan pinjaman tanpa had dan kawalan kepada syarikat-syarikat kroni kepimpinan negara. Syarikat-syarikat kroni yang tidak mempunyai *credit worthiness*, dengan izin, untuk mendapat pinjaman daripada institusi kewangan yang lain telah menggunakan bank ini untuk mendapatkan pinjaman pada kadar faedah yang cukup rendah atau tidak dikenakan faedah langsung ataupun *default interest payment scheme*, dengan izin.

Pinjaman-pinjaman dikeluarkan bukan atas penilaian *credit worthiness* tetapi atas arahan kepimpinan negara. Antara pinjaman yang diberikan ialah kepada Time Engineering Berhad sebanyak RM860 juta baru-baru ini. Syarikat ini mempunyai rekod tidak mempunyai ataupun tidak berupaya membayar balik hutangnya

sebanyak RM500 juta kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan hutang-hutangnya dengan institusi kewangan yang lain ditakrif sebagai *non-performance loan*. Bagaimana pinjaman yang begitu besar boleh diberikan kepada Time Engineering Berhad yang mempunyai rekod hutang yang cukup buruk. Lain-lain pinjaman termasuklah Cyberjaya Holdings sebanyak RM900 juta, Klang West Port RM350 juta, Pelabuhan Tanjung Pelepas RM500 juta Lebuhraya Spring Litrak RM500 juta Berjaya Redang RM30 juta dan seterusnya.

Saya difahamkan bermula tahun 2000 bank ini akan mengeluarkan pinjaman sebanyak RM5 bilion setiap tahun untuk membiayai projek-projek infrastruktur. Ke mana hala tuju Bank Pembangunan sekarang, apakah ia masih merupakan bank untuk membantu industri kecil dan sederhana atau hanya menumpukan kepada pembiayaan projek-projek mega yang diberikan kepada syarikat-syarikat kroni. Saya minta penjelasan apakah Bank Pembangunan mempunyai kepakaran untuk membuat penilaian *viability* dan *feasibility* projek-projek dan syarikat-syarikat yang diberikan pinjaman ini atau mereka hanya mengeluarkan pinjaman atas dasar diarah. Saya sendiri melihat surat arahan dari Menteri Kewangan kepada Bank Pembangunan supaya meluluskan pinjaman kepada Syarikat Berjaya Redang Resort Sdn. Berhad sebanyak RM30 juta untuk membiayai pembinaan Lapangan Terbang Langkawi tanpa dikenakan faedah.

Bagaimana Bank Pembangunan membiayai sumber kewangan yang dipinjamkan, berapa keuntungan atau kerugian yang dialami oleh Bank Pembangunan setakat ini. Apakah Bank Pembangunan akan mengalami nasib yang sama seperti Bank Bumiputra yang lingkup akibat daripada tunggakan hutang tidak berbayar yang begitu besar daripada syarikat-syarikat kroni. Selepas ini institusi bumiputera mana lagi yang akan dilingkupkan. Bukankah ini perbuatan mengkhianati institusi yang ditubuhkan untuk membantu bumiputera dan bukan 'kroniputera'.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini banyak institusi-institusi yang ditubuhkan di bawah pengawasan Kementerian Kewangan untuk membantu masyarakat bumiputera atau negara menghadapi kegawatan ekonomi telah disalahgunakan. Selain daripada Bank Pembangunan, Khazanah Holdings, Danamodal, Danaharta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya telah digunakan untuk membiayai dan menyelamatkan syarikat-syarikat yang mana kepimpinan negara mempunyai kepentingan.

Saya bimbang satu demi satu institusi yang ditubuhkan untuk membantu bumiputera membangun terlingkup akibat dari penyalahgunaan kuasa, penyelewengan rasuah dan kerakusan kepimpinan negara menggunakan kuasa mereka untuk membiayai dan menyelamatkan syarikat-syarikat yang mereka mempunyai kepentingan. Saya pohon ditubuhkan satu badan siasatan bebas untuk menyiasat kegiatan Menteri Kewangan dan Perdana Menteri dalam menggunakan institusi di bawah pengawasan mereka untuk membantu kroni-kroni mereka sebelum institusi-institusi ini habis lingkup demi kepentingan masa depan masyarakat bumiputera dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan menggabungkan bank-bank dalam negara dalam menghadapi arus perkembangan dunia ke arah globalisasi adalah satu tindakan yang baik. Usaha-usaha yang baik sebegini walau bagaimanapun dicemari oleh kepentingan peribadi kepimpinan negara. Akibatnya, pelabur tidak yakin dengan usaha kerajaan untuk membaik pulih industri perbankan. Syarikat-syarikat yang mana keluarga mereka yang mempunyai kaitan dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan mengambil kesempatan menguasai bank-bank yang digabungkan seperti Kemuning Corporation, Malaysian Plantation Berhad, Renong, PhilieoAllied dan sebagainya. Gabungan bank-bank ini tidak lagi dilihat untuk memantapkan industri perbankan tetapi untuk menyalurkan sumber kewangan kepada syarikat-syarikat kroni yang sentiasa dahagakan hutang. Kalau tidak dikawal dengan baik seluruh industri perbankan akan runtuh seperti mana berlaku di Indonesia dan Rusia. Di masa itu seluruh ekonomi negara akan runtuh. Saya mohon supaya kerajaan menekan akan kepentingan industri perbankan untuk menjana pembangunan negara dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Pelaksanaan Akta Bafia mesti diperkukuhkan untuk mengawasi pinjaman kepada syarikat-syarikat ada hubung kait dengan pemilik-pemilik bank-bank ini. Pinjaman-pinjaman yang berjumlah besar mesti ada ketelusannya supaya bank-bank tidak dengan sewenang-wenangnya memberikan pinjaman dan kemudiannya menanggung kerugian seperti mana berlaku terhadap Hotic Investment Incorporation di mana empat buah bank terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM3.2 bilion untuk sebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil pendekatan untuk menetapkan kadar pertukaran wang asing pada kadar USD1 bersamaan RM3.80 sen dalam menangani krisis mata wang Asia pada September 1998. Sudah hampir tiga tahun

kerajaan mempertahankan pendekatan ini dan rakyat diberitahu bahawa ia mendapat pujian dunia dan terbaik untuk negara. Semenjak kerajaan menetapkan kadar pertukaran tetap nilai Singapore Dollar sudah turun 8.7%, Thailand Baht 14.9%, Peso Philippine 18.6% berbanding dengan nilai ringgit. Akibatnya, harga barangan keluaran negara meningkat berbanding dengan negara-negara jiran dan banyak syarikat asing mengalih operasi mereka ke negara lain yang mempunyai mata wang yang lebih stabil dan murah. Pelabur asing menjual saham mereka untuk melabur di tempat yang lebih murah dan mata wang yang lebih stabil.

Baru-baru ini Persekutuan Dewan Perniagaan Cina dan Dewan Perniagaan Amerika Malaysia..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** You have the opportunity to answer,

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya minta jawab.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya ada limited time sahaja, saya ada banyak isu..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Takutkah?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tidak, saya ada limited time.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua,

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Sebab Yang Berhormat tidak faham tentang *exchange rate*, Yang Berhormat cakap panjang sangat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya Master Degree in Security Market..

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Ya, Master Degree tetapi *exchange rate* Yang Berhormat tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, Yang Berhormat, dia tidak beri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Perdagangan di luar negara dalam US Dollars, bukan dalam mata wang Malaysia.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya understand, terima kasih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Jadi kalau hendak bercakap tolong beri fahaman yang sebenar.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya faham sebab saya insya -Allah ada Master Degree in Security Market, okay.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tetapi Yang Berhormat tidak ada kepakaran dalam *exchange*.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Mungkin doktor yang membuatnya mempunyai medical doctor tidak tahu pun pasaran kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini.....

**Seorang Ahli:** Jaga luar bandarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya teruskan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Baru-baru ini Persekutuan Dewan Perniagaan Cina dan Dewan Perniagaan Amerika Malaysia meminta kerajaan menimbang semula kadar pertukaran mata wang ringgit pada kadar yang lebih mencerminkan kadar pasaran kewangan semasa. Dianggarkan nilai ringgit sudah *over value*, dengan izin, sehingga 7%. Dengan penurunan pasaran saham sebanyak 16% apakah kerajaan akan terus mempertahankan kadar pertukaran pada tahap sekarang atau menerima hakikat bahawa pendekatan yang diambil selama ini menempuh kegagalan dan terpaksa menilai semula pendekatan yang telah diambil. Apakah kerajaan akan mempertahankan sistem yang ada demi menjaga ego atau maruah pemimpin tertentu yang senantiasa menentang arus perkembangan ekonomi semasa. Saya minta diberi..

**Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Bolehlah Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya minta beliau dinasihati bahawa semua

**Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat Master Security, beri saya sebut sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat beri jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Beri saya sebut sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap saya habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat, dia minta dia habiskan dahulu.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya minta beliau dinasihati bahawa semua pendekatan yang dilaksanakan selama ini menempuh kegagalan demi kegagalan dan terimalah hakikat sebenarnya. Kepentingan negara dan rakyat lebih utama dari maruah atau ego seseorang dari terus enggan menerima kegagalan peribadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman, Master Degree in Security, sepatutnya Yang Berhormat kerja dekat bank ataupun security company. Yang Berhormat kena belajar politik dengan mendalam sedikitlah. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat punya ucapan ini daripada saya duduk di sini sehingga hari ini dia *stereo-type*, semua salah, semua kerajaan salah.

Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat membuat laporan kepada BPR ataupun polis dengan tuduhan-tuduhan Yang Berhormat telah buat tadi. Ini dok main cakap, cakap, cakap, hendak dapat *mileage* dengan akhbar. Semua kita buat salah. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak penjelasan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Sebenarnya saya merchant banker dahulu okay, saya kerja bank. Jadi, apa yang dia cakap itu maknanya taraf setiausaha kerja UMNO, saya....

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Padang Besar berdiri.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Kalau merchant banker Yang Berhormat tentu tahu bahawa eksport semua dibuat dalam mata wang US Dollars. Kalau US Dollars,

nilai duit kita berapa pun dalam negara tidak ada kaitan dengan nilai eksport. Eksport, kalau nilai US\$1 juta, dalam antara masa US\$1 juta juga walaupun duit kita RM4 atau RM3. Begitu juga dengan Singapura dan Thailand. Jadi, bermakna tidak ada kaitan dalam dagangan antarabangsa, hanya dari segi kos dalam negara itu berlainan. Bermakna dari segi nilai eksport tak ada perbezaan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih kerana kedangkalan Yang Berhormat dalam isu ini. Yang saya kata ialah nilai duit jiran-jiran kita - Singapura Dollar sudah menurun, Filipina Peso sudah menurun dan juga as perfect against US Dollar punya exchange. Jadi, kita punya exchange is very high by seven percent comparative to our neighbouring country.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia bangun, hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Cukuplah. Saya ingat dia pun tak faham pasal kewangan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya ingat Yang Berhormat kena masuk satu perbincangan khas...

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sebab dia tak faham. You don't understand.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat banyak tak faham, sebab competitiveness Yang Berhormat tak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Balik jaga JKKK sudahlah.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan mengenakan kawalan modal mempunyai implikasi yang besar terhadap ekonomi negara. Pelabur asing bimbang dengan pelaksanaan undang-undang yang boleh bertukar bila-bila masa tanpa amaran menyebabkan mereka pergi ke negara Asia yang lain. Perlu diingatkan bahawa Asia masih merupakan tempat pelaburan yang menarik. Pada tahun 2000 sahaja pelabur asing masuk ke Asia sebanyak US\$200 bilion bersamaan hampir RM800 bilion, tetapi 75% daripadanya tertumpu ke negara-negara Asia Utara seperti Korea, Taiwan dan China. Ini kerana negara-negara ini dapat menyesuaikan peraturan dan tatacara perdagangan mereka mengikut arus perkembangan ekonomi

semasa seperti menerima pakai peraturan Bank Dunia, IMF dan WTO. Terpenting lagi syarikat-syarikat di negara ini menerima hakikat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya tak bagi kerana soalan....

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Balik-balik IMF, saya hendak terang sikit berkenaan dengan IMF.

**Seorang Ahli:** Orang yang mendewa IMF ini, hey apa!

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Tak ada standardlah.

**Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:** Yang Berhormat bagi Kemaman ini IMF 24 jam.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** You punya soalan tak ada standard. *[Ketawa]* Terpenting lagi syarikat-syarikat di negara ini menerima hakikat untuk mengguna pakai cara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Lipis, tak payak ketuklah mic, saya minta maaf, 'luntung, luntung'. Lipis bangun hendak beri jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap, saya bagi.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Sikit sahaja. Saya hendak tanya masters.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Haa... Lipis saya bagilah.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata minta tukar supaya peging ini kita minta tukar. Kemudian, selepas daripada ayat itu Yang Berhormat kata kita ini payah pula hendak bertukar-tukar undang-undang peraturan. Jadi, nampak sangat Yang Berhormat dalam masa dua ayat sudah bercanggah. Ini masters apa Yang Berhormat?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay, terima kasih. Cukuplah itu. Saya kata undang-undang yang boleh ditukar mengikut kehendak ahli-ahli....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** ...penafsiran undang-undang apabila melibatkan kepentingan orang-orang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, hasilnya Malaysia ketinggalan jauh dalam menarik pelabur asing untuk melabur ke dalam negara. Malah dalam kalangan negara ASEAN pun Malaysia bukan lagi menjadi negara pilihan utama untuk pelabur asing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah habiskah, ada lagi.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita sudah cukup 5.30, jadi ada lima minit lagi, sambung esok ya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

**Mac 2001**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- ” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)

- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Mokhtar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- ” Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- ” Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- Yang Berhormat Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)

- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- Yang Berhormat Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” uanHaji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- ” Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)

- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- Yang Berhormat Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)

- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- Yang Berhormat Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato’ Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAIPEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Bil. 20**

**Selasa**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 20)

**USUL:**

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8)

(Halaman 21)